



Wajah-Wajah  
**PEMIMPIN**

**AB. RAHIM TAHIR**

**Hakcipta terpelihara.**

Tidak dibenarkan menyalin mana-mana bahagian daripada buku ini dengan apa cara sekalipun tanpa izin penerbit atau penulis terlebih dahulu.

**(c) Ab. Rahim Tahir**

Cetakan Pertama Ogos 1996

M  
324.22595  
ART

Diterbitkan oleh:  
**Nasron Edar Marketing**  
Kuala Lumpur

Dicetak oleh: **CETAKRAPI SDN BHD**  
Kepung, Kuala Lumpur  
Tel: 03-6336391

Harga: RM13.60

907297  
radiah

22 MAY 1997  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

***Dedikasi:***

*Untuk isteriku Hamidah  
dan anak-anakku,  
Norahmaruni  
Khairul Akmal Azwan  
Muhammad Hafiz Asyraf  
Muhammad Safwan dan  
Muhammad Idris Fitri  
yang masih mentah tentang politik*



## *DARI PENULIS*

**B**UKU ini merupakan koleksi hasil wawancara khas saya dengan pemimpin atau tokoh-tokoh politik negara dan sebilangannya telah pun disiarkan di dalam akhbar BACARIA terbitan Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.

Buku yang diberi judul "**WAJAH-WAJAH PEMIMPIN**" ini terhasil dari dorongan dan galakan rakan-rakan dan juga di atas kesedaran betapa mustahaknya tulisan-tulisan saya ini disimpan di dalam bentuk buku sebagai bahan rujukan untuk generasi masa kini dan akan datang sama ada orang politik atau pun orang biasa atau "**lay man**" untuk sama-sama menghayati arus perkembangan politik orang Melayu masa kini.

Sayugia diingatkan bahawa terbitnya buku terbaharu saya ini, ia tidaklah mempunyai motif tertentu atau hendak mendewadewakan mana-mana pihak atau pemimpin kerana setiap persoalan dan tulisan saya di dalam buku ini, saya telah cuba berlaku adil dan tidak bersikap bias.

Sebagai penutup saya berterima kasih kepada Kumpulan Karang kraf Sdn. Bhd. kerana di sinilah medan tempat saya membuktikan kemampuan saya sebagai seorang wartawan politik. Terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan di Kumpulan Karang kraf di atas kerjasama mereka dalam menjayakan penerbitan buku ini.

**AB. RAHIM TAHIR**

*Kumpulan Karang kraf Sdn Bhd.*

*Taman Tun Dr Ismail*

*Kuala Lumpur.*

## KANDUNGAN

1. Perpaduan Kunci Kemajuan	1
2. Kualiti Atau Penting Diri	9
3. Ahli Politik Bercorak Komersial?	19
4. Punca Kejatuhan Pemimpin	27
5. Kriteria Pemimpin Masa Depan	31
6. "Orang Melihat Kenyataan, Bukan Yang Digembar- Gemburkan" - TAN SRI RAMLI NGAH TALIB	35
7. Ramli Yakin Cipta Kecemerlangan Perak	45
8. Usah Jadi "Kuda" Hawa Nafsu	49
9. Zahid Tolak Politik Wang	55
10. BSN Ke Arah Matlamat Gedung Kewangan	61
11. Perak Restu Syed Abu Hussin	67
12. Benteras Segera Bahaya Saaamseng Dalam Parti - DR. ALIAS MOHAMED	71
13. Pemilihan: Jangan "Gelap Mata" - RUSLAN KASSIM	81
14. Padah Terlalu Pentingkan Komersial	85
15. Melintasi Era Perubahan Pesat	91

16. "Penyertaan Saya Tidak Menggugat Calon Lain" -DATUK ISHAK ISMAIL	97
17. Hasrat Ahmad Lebai Sudin Membangun Bangsa	103
18. Datuk Mohd. Fatmi Yakin Pemuda Sudah Matang	107
19. Pemuda "Kilang" Pemimpin - DATUK SHAFIE AFDAL	117
20. Menjana Semula Masyarakat Desa	133
21. Gerakan Desa Wawasan	139
22. Datuk Latiff Mirasa teruskan Kesinambungan Membela Bangsa	147
23. Ali Rustam Harumkan Nama Melayu Ke Seluruh Dunia	153
24. Wanita Masih Perlukan Rafidah Aziz	161
25. Pahang Wajar Lebih Calon	169
26. Sasaran Tiga Golongan	173
27. Jangan Curigai Pemimpin Negeri - AINI TAIB	176
28. Penghargaan Khas	

# 1

---

## PERPADUAN KUNCI KEMAJUAN

*(Perutusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)*

**B**AGI seorang manusia yang telah menjangkau umur 50 tahun dianya dianggap sudah dewasa. Demikian jugalah UMNO yang sekarang berada di ambang tahun yang ke 50. Ini bererti UMNO telah cukup dewasa. Malahan antara parti-parti politik di negara ini, UMNO adalah parti yang tertua sekali, bahkan parti yang mempunyai anggota yang kini melebihi dua juta.

UMNO memulakan sejarahnya sebagai sebuah parti politik Melayu yang lahir daripada pergolakan menentang Malayan Union yang dipaksakan oleh penjajah British ke atas bangsa kita. Sudah tentu pergolakan ini lahir daripada semangat menentang penjajah dan membebaskan bangsa daripada ikatan kolonialisma. Pergerakan menghapuskan Malayan Union mendorong UMNO terus berjuang untuk mencapai kemerdekaan bangsa dan tahahair.

Dalam perjuangan ini UMNO mendapat sokongan kuat daripada kaum-kaum lain. Maka lahirlah Perikatan yang menggabungkan

UMNO dengan MCA dan kemudiannya MIC. Kepimpinan UMNO beralih dari Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar kepada Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra. Perjuangan bangsa Melayu meningkat terus sehinggalah kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Maka bermulalah proses pembangunan negara untuk mengisi kemerdekaan.

Kita semua amat terhutang budi kepada pelopor-pelopor perjuangan kemerdekaan, khususnya kepada pemimpin-pemimpin seperti Allahyarham Dato Onn Jaafar, Almarhum Tuanku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Hussein Onn serta pemimpin-pemimpin lain. Mereka inilah yang meletakkan asas-asas perpaduan bangsa serta perpaduan kaum di negara ini dan mewujudkan satu bangsa yang bersatu padu daripada satu masyarakat yang berbilang kaum. Mereka juga adalah pelopor-pelopor yang meletakkan asas yang kukuh untuk kita membangunkan sebuah negara yang berdasarkan sistem demokrasi. Mereka jugalah yang bertanggungjawab mempertahankan negara daripada ancaman penganas komunis. Kemudiannya diancam pula oleh konfrantasi. Dalam proses membangun satu bangsa yang bersatu-padu tidak kurang juga cabaran yang mereka hadapi disebabkan ketegangan dan perselisihan kaum.

Begitupun besar ujian yang mereka hadapi namun negara dapat dimaju dan dibangunkan secara aman dan stabil. Tidak banyak negara bekas tanah jajahan yang beruntung seperti kita, iaitu dapat membangun sebuah negara yang betul-betul merdeka dan berdaulat dalam keadaan aman dan sejahtera. Kejayaan yang kita capai sekarang pada hakikatnya adalah kejayaan yang diasaskan kepada kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita sebelum ini.

Kini UMNO berdiri di ambang usia 50 tahun. Kita boleh berbangga menoleh ke belakang kepada satu sejarah yang gemi-

lang. Kita telah melalui liku-liku sejarah yang pahit dan manis menghadapi berbagai cabaran dan ujian yang getir. Tetapi UMNO sebagai sebuah parti politik dapat mengharungi segala ujian ini hingga menjadi sebuah parti yang mewakili sebahagian besar bangsa Melayu dan kaum Bumiputera lain.

Sebenarnya tidak ada rahsia bagaimana UMNO kini menjadi sebuah parti politik yang terbesar dan terulung di negara ini. Rahsia atau kunci kemajuan kita yang mengkagumkan selama ini ialah pemimpin-pemimpin kita dari masa lalu hingga sekarang mengutamakan perpaduan dan keutuhan bangsa, agama dan negara. Pemimpin-pemimpin UMNO melaksanakan dasar-dasar politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial yang pragmatis yang diasaskan pada kesejahteraan hidup dan keharmonian masyarakat majmuk. Inilah sebenarnya warisan kita sekarang yang kita pusakai daripada pemimpin-pemimpin kita yang lalu, iaitu warisan yang mementingkan bangsa, agama dan negara dan bukan kepentingan diri dan kelompok sendiri.

Adalah perlu dan wajar kita bertekad untuk mengikuti jejak langkah dan perilaku pemimpin-pemimpin kita yang lalu yang berkorban untuk parti, bangsa, agama dan negara lebih daripada kepentingan diri sendiri. Sebagai sebuah parti politik, UMNO tidak sunyi daripada kelemahan dan kekurangan. Tetapi sebagai anggotanya kita harus berusaha setiap waktu menjadikan UMNO parti yang sempurna dan berusaha menjadikannya contoh kepada orang lain, apatah lagi kerana UMNO adalah sebuah parti yang paling besar dan bertanggungjawab di negara ini.

Sebagai sebuah parti yang berkuasa, UMNO sentiasa menarik perhatian rakyat. Kerana itu, geraklaku kita hendaknya dapat menjadi contoh teladan kepada tidak sahaja ahli-ahli tetapi juga kepada rakyat. Kita harus ingat bahawa sejak tertubuhnya UMNO hinggalah sekarang rakyat menganggap UMNO sebagai payung untuk

menebus nasib mereka dan memimpin negara ini ke arah masa depan yang gemilang. Seseorang pemimpin berperanan sebagai 'penyuluh' kepada rakyatnya.

Kalau geraklaku pemimpin dipandang sumbang oleh rakyat, maka pemimpin itu tidak layak lagi menjadi 'penyuluh' kepada rakyat. Sebagai pemimpin kita harus memperlihatkan sifat-sifat kepimpinan agar kita berhak mendapat sokongan bulat dan kesetiaan rakyat. Pemimpin harus bersifat bersih, ikhlas dan sedia berkorban untuk kepentingan ramai.

Pemimpin-pemimpin kita yang lalu mendapat dorongan daripada setiap lapisan rakyat kerana kejujuran dan keikhlasan mereka berkorban untuk negara dan bangsa. Kalau tidak demikian sifat-sifat mereka adalah mustahil jasa mereka akan dikenang sehingga sekarang. Negara dan bangsa kita boleh mencapai kemajuan yang begitu menyerlah sekarang ini, kerana pemimpin begitu juga anggota-anggota parti, umumnya berjuang dengan jujur dan ikhlas untuk rakyat.

UMNO mempunyai tradisi berpegang kukuh kepada nilai-nilai hidup yang mengutamakan kepentingan ramai, nilai-nilai permuafakatan dan kekeluargaan. Nilai-nilai hidup di mana pemimpin dan pengikut bergerak sefahaman dan sehaluan untuk mencapai cita-cita bangsa, agama dan tanahair. Manusia tidak harus melupakan wasiat ibubapa mereka. Begitu juga kita sebagai sebuah parti tidak boleh melupakan pusaka yang kita warisi daripada pemimpin-pemimpin kita yang lalu. Jika kita tinggalkan nilai-nilai hidup yang mulia dan luhur yang kita pusakai daripada pemimpin-pemimpin kita yang lalu, budaya tinggi kita pasti akan pupus.

Kita harus melanjutkan tradisi yang kita pusakai daripada pemimpin-pemimpin kita yang lalu. Kita harus setia kepada warisan kita dan kepada tradisi yang ditinggalkan oleh pemimpin-

pemimpin kita yang lalu. Atas tradisi dan warisan itulah kita membina masa depan kita. Negara kita maju ke arah wawasan 2020 atas asas kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh generasi yang lalu. Generasi lama harus menjadi inspirasi untuk mendorong kita mencapai kemajuan yang lebih besar di masa hadapan.

Kita sekarang merupakan satu-satunya negara yang maju dalam setiap bidang. Negara kita sekarang muncul di atas pentas dunia sebagai sebuah negara contoh kepada negara-negara membangun yang lain. Kita menghadapi masa depan kita dengan penuh keyakinan. Tetapi kita tidak harus melupakan sejarah kita. Kita bermula daripada sebuah parti yang kecil yang serba kekurangan. Tetapi kekurangan itu tidak menghalang kita untuk bergerak maju hingga menjadi satu-satunya parti yang mampu merebut kemerdekaan untuk bangsa dan tanahair dan membangunkannya.

Kita tidak harus lupa bahawa ketika kita menubuhkan UMNO, bangsa Melayu adalah daif dan mundur. Tidak ada pemimpin kita yang kaya. Anggota-anggota kita terdiri daripada orang miskin, petani, nelayan, pekerja dan guru-guru Melayu. Tetapi dalam kedaifan dan kemunduran bangsa kita pada masa itu, kita dapat menggembeleng seluruh rakyat untuk berkorban demi satu cita-cita yang mulia, iaitu kemerdekaan tanahair. Nilai kejujuran dan keiklasan, semangat sedia berkorban dan tradisi bangsa untuk menjunjung warisan secara muafakat dan bergotong royong adalah rahsia sebenarnya kejayaan kita selama ini.

Sebenarnya inilah maksud saya bila saya menyeru anggota-anggota UMNO yang bertanding dalam pilihanraya parti supaya bertanding bukan untuk kepentingan diri tetapi untuk kepentingan parti, bangsa, agama dan negara. Kita sekarang menikmati segala kemajuan hasil perjuangan yang dimulakan oleh pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota UMNO yang lalu. Tetapi kita jangan hendaknya mabuk dengan kejayaan kita dan kemajuan pembangunan negara kita. Janganlah kita lupa hakikat bahawa pada suatu waktu dulu kita adalah satu bangsa yang daif dan mundur.



Jangan kita lupa kepada akar kita dalam keadaan kita hidup mewah dan makmur. Kita jangan lupa pada sejarah kita kerana dikhuatiri kita kelak akan menjadi seperti layang-layang yang putus talinya. Sejarah sudah menunjukkan kerajaan-kerajaan yang gagah perkasa serta empayar-empayar yang besar dan agung runtuh dan hancur kerana rakyat dan pemimpin-pemimpinnya leka dengan kemewahan mereka.

Kita sekarang menjadi tumpuan dunia. Apa sahaja yang kita lakukan menjadi perhatian media asing. Kekurangan kita diperbesar-besarkan. Setiap masalah yang kita hadapi dikatakan oleh mereka sebagai tanda keruntuhan kita. Mereka tidak menojol aspek-aspek pembangunan kita yang positif melainkan memilih aspek-aspek yang negatif untuk diperbesar-besarkan. Mereka irihati terhadap kemajuan kita bahawa pencapaian ekonomi negara kita serta pembangunan yang dinamis di rantau ini mengatasi prestasi mereka. Sementara mereka mengalami kemelesetan ekonomi, rantau kita mencapai prestasi ekonomi yang mengagumkan. Mereka seolah-olah tidak percaya bahawa suatu bangsa yang dahulunya daif dan mundur yang dijajah oleh mereka, kini mampu bangun dan mencapai kemajuan yang cemerlang.

Kita harus sedar bahawa kemajuan yang kita capai selama ini adalah hasil daripada pengorbanan kita sendiri. Kita mencapai kemajuan yang begitu pesat kerana hasil titik peluh kita sendiri. Keharmonian hidup di kalangan masyarakat majmuk di negara ini merupakan faktor terpenting yang menyebabkan kita selama ini menikmati kestabilan politik. Keadaan politik yang stabil telah memungkinkan kita mencapai prestasi ekonomi kita sekarang. Kita harus ingat bahawa perpaduan UMNO adalah amat penting demi kestabilan politik di negara kita. Kalau kita lemah dan sentiasa berpecah belah sesama sendiri, kita tidak mungkin dapat memikul tanggungjawab dan memenuhi peranan kita sebagai parti yang mampu memimpin tidak sahaja negara tetapi parti-parti komponen yang lain.

Kerana itu, kita harus mencari dan merumuskan cara-cara dan kaedah yang sesuai dengan kemajuan kita yang begitu pesat untuk mengendalikan parti kita. Tentunya cara-cara mengurus dan menadbir parti yang lama tidak lagi sesuai dengan perkembangan-perkembangan baru hari ini. Perubahan politik, ekonomi, budaya dan sosial pada masa ini memerlukan kita mencari kaedah dan cara serta pendekatan baru agar kita dapat memastikan bahawa parti kita akan terus memainkan peranan membentuk dan mencorakkan negara ini pada masa hadapan. Sebuah parti adalah dicorakkan oleh anggota-anggotanya. Yang memberikan jiwa kepada parti ialah anggota-anggotanya. Kita yang mengasuh, memupuk, memelihara dan akhirnya mencorakkan watak parti.

Pada saat kita berada di ambang usia parti yang ke 50 ini, saya ingin menyeru anggota-anggota UMNO seluruhnya agar kembali menjunjung nilai-nilai perjuangan yang jujur dan ikhlas yang kita pusakai daripada pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota parti yang lalu. Kita berada dalam keadaan yang begitu kuat dan berpengaruh sekarang kerana pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota parti generasi demi generasi telah mencorak, membentuk serta memelihara parti kita dengan ikhlas, jujur dan semangat pengorbanan yang tinggi.

Cita-cita untuk mencapai Wawasan 2020 akan hanya tercapai jika UMNO terus utuh, kuat dan berpengaruh. Hanya dengan keutuhan, perpaduan dan semangat pengorbanan kita sekarang yang boleh menjamin kejayaan kita mencapai Wawasan 2020. UMNO harus terus menjadi contoh teladan tidak sahaja kepada orang Melayu tetapi juga kepada seluruh rakyat majmuk negara ini.



---

## KUALITI ATAU PENTING DIRI

**K**ECUALI UMNO Bahagian Tanjung di Pulau Pinang dan Batu Gajah di Perak, kesemua 165 bahagian selesai mengadakan persidangan perwakilan bahagian 1995 termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita. Dengan penggantungan tersebut, sebagaimana diumumkan sendiri oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kedua bahagian berkenaan hanya layak menghantar pemerhati sahaja ke Perhimpunan Agung parti November 1995.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata, penggantungan tersebut adalah kerana masalah keahlian dan dengan demikian Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang dan Perak, diberi kuasa untuk mentadbir bahagian-bahagian berkenaan. Pemilihan Ketua Bahagian, Pemuda dan Wanita yang diadakan sepanjang September dan Oktober 1995 itu kerana kesemua pemimpin terpilih sebelum ini hanya sebagai pemimpin penaja berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Pemilihan Ketua Bahagian, Pemuda dan Wanita kali ini mendapat perhatian dan liputan yang meluas daripada pemerhati-pemerhati politik kerana seperti yang dijangka pertandingan menjadi begitu sengit bagi merebut jawatan-jawatan tersebut. Ini kerana kemenangan ketua-Ketua Bahagian mencerminkan pengaruh dan pencalonan yang bakal diterima oleh pucuk pimpinan di peringkat Majlis Tertinggi (MT) parti.

Seperti yang telah diduga ramai pemimpin bahagian yang telah lama menjadi Ketua tewas kepada pemimpin muda. Lebih mengejutkan lagi beberapa pemimpin Bahagian yang menjadi menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen yang diramalkan pemerhati dapat mengekalkan jawatan masing-masing tewas kepada muka-muka baru.

Sepanjang dua bulan persidangan perwakilan Bahagian, Pemuda dan Wanita berlangsung berlaku pelbagai insiden yang telah mencemarkan parti. Bagi merebut jawatan yang dipertandingkan itu mereka telah melanggar peraturan atau perlembagaan parti seperti manabur wang dan menyalahgunakan kuasa.

Contoh yang paling ketara dan menjadi titik hitam dalam pemilihan UMNO khasnya UMNO Bahagian Tapah apabila teretusnya insiden di mana 30 ahli UMNO bahagian tersebut menyerang petugas dan merosakkan peralatan pejabat. Insiden UMNO Bahagian Tapah yang diketuai Datuk Azman Mahalan adalah kali pertama berlaku dalam sejarah pemilihan UMNO Bahagian (malah di Malaysia), ramai yang tidak menyangka ahli-ahli UMNO bahagian itu akan bertindak keterlaluan.

Walaupun peristiwa itu mencatat sejarah hitam dalam pemilihan jawatan UMNO bahagian tetapi menurut Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim kejadian itu bukanlah bermakna UMNO telah diresapi budaya samseng. Beliau hanya menyif-

fatkan kejadian tersebut yang turut berlaku di peringkat cawangan dan bahagian di beberapa tempat tertentu sebagai penyalahgunaan kuasa pemimpin penaja bagi mengekalkan jawatan mereka. Berikutan itu tujuh bahagian telah digantung dari mengadakan persidangan perwakilan seperti yang dijadualkan. Bahagian-bahagian berkenaan ialah Pengkalan Chepa, Kubang Kerian, Gua Musang, Tanah Merah, Batu Gajah, Tanjung dan Tapah.

Majlis Tertinggi UMNO memberikan tempoh sehingga 31 Oktober 1995 bagi tujuh bahagian yang menghadapi masalah dalaman itu mengadakan persidangan perwakilan masing-masing dengan perjalanan persidangan diawasi oleh wakil MT dengan kerjasama Badan Perhubungan UMNO Negeri terbabit.

Wakil-wakil MT yang dilantik mengawasi perjalanan persidangan tersebut ialah Naib-Naib Presiden parti, Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib untuk Batu Gajah, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Kubang Kerian), Datuk Seri Najib Tun Razak (Tanah Merah) dan Ahli-Ahli MT seperti Tan Sri Mohd. Isa Samad (Pengkalan Chepa), Datuk Abu Hassan Omar (Batu Gajah), Datuk Sabaruddin Chik (Tapah) dan Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Nazri Tan Sri Aziz (Tanjung). Selepas tempoh 31 Oktober 1995, hanya dua daripada tujuh bahagian iaitu Tanjung dan Batu Gajah terus digantung.

Dari beberapa laporan akhbar yang melaporkan tentang insiden dan masalah dalaman parti yang melanda beberapa bahagian, nampaknya ahli-ahli UMNO sudah mula meniru gaya ahli-ahli MIC. Ada yang bergaduh dan ada pula yang menyerang Pejabat UMNO hanya semata-mata kerana tidak berpuas hati dengan beberapa perkara yang dikatakan tidak mengikut peraturan dan perlembagaan parti.

Terdapat juga beberapa bahagian yang Ahli Jawatankuasanya beramai-ramai meletak jawatan ekoran tidak berpuas hati dengan

Ketua Penaja yang dikatakan menyalahgunakan kuasa. Tidak kurang pula ada yang mempertikaikan wakil pemerhati bahagian campurtangan dalam persidangan perwakilan cawangan dan bahagian.

Di Kota Bharu dan Gua Musang, ramai AJK bahagian meletak jawatan beramai-ramai sebagai protes dan tidak berpuas hati dengan beberapa orang tertentu. Laporan akhbar pada 20 September 1995 pula menyebut sekumpulan ahli yang menamakan diri mereka sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Bertindak UMNO Bahagian Kota Bharu mendakwa kononnya persidangan perwakilan bahagian berkenaan tidak sah. Pada sidang itu bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Rastom Ahmad Maher mengekalkan jawatan Ketua Bahagian selepas menewaskan musuh tradisinya, seorang peguam muda, Zaid Ibrahim.

Kelima-lima AJK Bertindak itu telah menghantar memorandum mengenai perjalanan persidangan bahagian tersebut kepada Dr Mahathir melalui Setiausaha Politiknya, Datuk Aziz Shamsuddin. Mereka mendakwa bahawa perjalanan persidangan bahagian itu bertentangan dengan Undang-Undang dan Fasa 15.2 Perlembagaan UMNO.

### **Kes-kes lain termasuk**

- i. Mesyuarat UMNO Cawangan Sri Aman dalam bahagian Batu Gajah mencetuskan pergaduhan apabila kira-kira 110 orang yang mendakwa ahli cawangan berkenaan tidak dibenarkan menghadiri mesyuarat itu. Anggota polis yang berada di sekitar dewan Sekolah Agama Rakyat Sri Aman kira-kira 3.05 petang 21 Ogos 1995 bagaimanapun berjaya mengawal ketegangan itu tetapi beberapa ahli UMNO mendapat kecederaan ringan dan lebam-lebam anggota badan.

ii. Polis menjalankan siasatan terperinci kes Ketua UMNO Cawangan Kampung Padang Lalang Logah, Segamat, Johor, Sulaiman Kemat yang mendakwa anaknya dipukul sehingga berdarah dan tidak sedarkan diri pada 25 September 1995.

iii. Bekas ADUN Kuala Berang, Wan Muda Wan Mohd. membuat laporan polis pada 26 September 1995 dengan mendakwa berlaku penyelewengan proses pengiraan undi semasa persidangan perwakilan UMNO Bahagian Hulu Terengganu.

iv. Pada 10 September 1995 dilaporkan, bekas ADO Daerah Manjung, Ahmad Bajuri Ahmad Fauzi mengakui menerima banyak ugutan dan ancaman yang memintanya menarik diri daripada menentang Ketua UMNO Bahagian Lumut, Mohd. Wajdi Ishak.

v. Mesyuarat UMNO Cawangan Kampung Dewan Besar, Machang gagal diadakan untuk kali keduanya pada petang 11 Oktober 1995 apabila sekali lagi berlaku kekecohan yang berpunca daripada kemunculan "ahli hantu" menyebabkan Setiausaha Kerja UMNO Bahagian ditumbuk kira-kira jam 4.30 petang.

Ketika mesyuarat baru hendak bermula di Sekolah Kebangsaan Dewan Besar, seorang lelaki yang dikatakan penyokong kepada calon yang akan bertanding merebut jawatan Ketua Bahagian, Haji Ismail Mamat membuat bantahan apabila mendapati kemunculan "ahli hantu" sebagai perwakilan dan beliau meminta supaya mesyuarat ditangguhkan.

vi. Sejumlah 16 AJK UMNO Bahagian Machang mengemukakan surat aduan kepada Anwar Ibrahim



kerana tidak berpuas hati terhadap pemecatan empat AJK Bahagian oleh Ketua Penaja, Datuk Abdullah Ahmad,

vii. Datuk Tengku Mahmud Mansur mendakwa ada pihak telah menawar RM30,000 kepada seorang ketua sebuah cawangan UMNO di Bahagian Setiu supaya bertanding Jawatan Ketua Bahagian itu yang dimenangi oleh beliau (Tengku Mahmud). Ketua cawangan itu dikatakan telah menerima pendahuluan RM3,000 yang kemudian diserahkan kepada Tengku Mahmud.

Persoalannya mengapa semua kes yang memalukan ahli malah UMNO sendiri sebagai sebuah parti terbesar mewakili orang Melayu dan juga parti induk kepada BN dan kerajaan itu berlaku sehingga ada pemimpin-pemimpin besar atau penting parti terpaksa membuat kenyataan dan memberi amaran serta nasihat.

Menyedari kejadian-kejadian sudah agak "berlebihan" atau terlampau itu, Dr Mahathir telah beberapa kali memberi nasihat supaya lebih berhati-hati dan cermat memilih pemimpin, begitu juga dengan Anwar Ibrahim, Pak Lah, Muhyiddin, Najib dan lain-lain.

Dr Mahathir sendiri beberapa kali memberi nasihat bahawa dalam pemilihan pemimpin parti di peringkat cawangan dan bahagian hingga ke peringkat nasional, kebolehan dan kewibawaan serta kualiti seseorang pemimpin itu yang mesti diutamakan bukannya pengaruh, kuasa atau wang dan kekayaan mereka.

Ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak (PBB) di Kuching baru-baru ini, Dr Mahathir sekali lagi menasihatkan ahli UMNO supaya memilih pemimpin berdasarkan kemampuan dan keupayaan mereka untuk membawa kemajuan dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Untuk tujuan seperti itu, jika seseorang pemimpin itu masih berkemampuan dan memiliki kualiti yang baik, maka mereka perlu dikekalkan. Kita setuju dengan saranan Perdana Menteri itu kerana tidak ada guna menukar seseorang pemimpin yang berwibawa dan sudah menunjukkan kebolehan dan kemampuannya semata-mata kerana hendak memberi peluang kepada orang lain yang belum tentu lagi kemampuan dan kualitinya itu. Sedangkan yang sudah teruji kualiti dan kebolehannya hendak disingkirkan kerana ada kepentingan lain, seperti pencabar mempunyai kekayaan atau kuasa misalnya.

Ini bukan bermakna ahli parti langsung tidak boleh menukar pemimpin. Mereka boleh menukarkan pemimpin parti terutamanya yang telah kekeringan idea, yang telah berusia dan tidak aktif lagi tetapi merasakan dirinya masih berkemampuan, kuat dan penting. Pemimpin-pemimpin jenis inilah yang selalu menjadi masalah kepada parti.

Ini menyebabkan mereka tidak mahu "turun" untuk memberi laluan kepada pemimpin lain yang lebih muda dan berkemampuan. Maka terjadilah kejadian yang tidak diinginkan seperti yang berlaku di beberapa bahagian UMNO sekarang ini. Pemimpin lama (incumbent) dicabar oleh pemimpin baru yang lebih segar, aktif malah berkelulusan tinggi dan educated. Namun begitu pemimpin-pemimpin lama masih berdegil dan tidak mahu mengundur diri, maka berlakulah pertandingan dua ataupun tiga penjur yang cukup sengit yang berakhir dengan perpecahan. Pemimpin yang tewas akan mengasingkan diri dan membawa penyokong-penyokong keluar parti dan menyertai parti pembangkang seperti Parti Melayu Semangat 46, parti serpihan UMNO pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah.

Benarlah seperti kata Dr Mahathir, dalam sistem demokrasi, setiap ahli parti berhak untuk menukar pemimpin parti, tetapi tidak

semua pemimpin itu perlu ditukarkan secara sewenang-wenangnya kerana dipengaruhi oleh golongan tertentu yang ingin mendapat kuasa sebagai pemimpin.

Golongan yang ingin mendapat kuasa ataupun yang ingin mengekalkan kuasa itu akan berbuat apa sahaja untuk memastikan kemenangan mereka. Oleh yang demikian, walaupun ada pertandingan, peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh perlembagaan atau badan disiplin parti hendaklah dipatuhi supaya tidak menjadi kecoh dan menjadikan mahkamah tempat untuk mencari penyelesaian.

Sebagai sebuah parti yang matang dan kuat dalam BN serta menjadi parti yang menerajui kerajaan mencapai kemerdekaan, UMNO hendaklah menjadi parti contoh kepada parti-parti komponen BN yang lain atau malah juga kepada parti-parti pembangkang. Sikap tolak ansur dan selalu mencari kejernihan hendaklah dipelihara, sebab pemilihan pemimpin dalam parti bukannya pertandingan seperti dalam pilihan raya.

Kita percaya ahli-ahli UMNO yang kini sudah melebihi 2.4 juta orang adalah ahli yang matang dan rata-rata sudah mempunyai pendidikan tinggi. Maka itu adalah lebih wajar mereka bertindak dengan lebih bijaksana bagi memilih seseorang pemimpin untuk menggerakkan parti di peringkat cawangan, bahagian mahupun di peringkat nasional pada pemilihan 1996.

Ahli-ahli UMNO perlulah tahu apa yang baik bagi mereka dan parti. Mereka juga sudah boleh menilai seseorang pemimpin yang benar-benar berkhidmat untuk rakyat atau pemimpin yang berjuang untuk kepentingan diri sendiri dan kunci-kuncunya.

Golongan tertentu yang terlalu ghairah inginkan kuasa atau yang ingin terus mengekalkan kuasa sedangkan sudah kekeringan idea dan tenaga janganlah menggunakan taktik kotor yang

merugikan parti hanya kerana untuk menang. Walaupun pertandingan dibenarkan dalam parti tetapi mereka yang bertanding hendaklah bertanding mengikut peraturan seperti biasa sebagaimana parti 40 tahun lalu. Apakah peristiwa hitam 1987 akan berulang? Samasalah kita tunggu dan lihat.



---

## AHLI POLITIK BERCORAK KOMERSIAL?

**M**ELIHAT kepada perkembangan dan suasana pemilihan pucuk kepimpinan UMNO di peringkat cawangan, bahagian termasuk pemilihan Pergerakan Pemuda dan Wanita yang berakhir Oktober 1995 jelas sekali memperlihatkan parti itu masih menghadapi kemelut dan unsur-unsur yang tidak sihat.

Dalam usaha untuk merebut jawatan, politik wang dan budaya samseng terus menular walaupun Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkali-kali mengingatkan ahli supaya menghindarkan gejala yang tidak sihat itu kerana ia boleh menghancurkan UMNO.

Tetapi ternyata sekali nasihat Dr Mahathir itu langsung tidak diberikan perhatian. Sebaliknya mereka terus menabur wang untuk mempengaruhi ahli supaya mengundi mereka. Ini kerana jawatan yang disandang walaupun di peringkat bahagian dapat mempengaruhi kedudukan seseorang itu untuk dipilih sebagai calon dalam pilihan raya.

Selain itu mereka juga berkemungkinan akan diberi peluang menjawat jawatan yang lebih tinggi dalam kerajaan seperti Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Menteri Besar. Atau setidak-tidaknya dilantik menjadi Pengerusi agensi-agensi kerajaan pusat seperti Uda, Mara, Fama, Majuikan, Risda, Felda, Felcra, Lembaga Tembakau Negara (LTN) dan lain-lain.

Malah melalui jawatan yang dipegang dalam parti mereka berpeluang mengaut kekayaan dengan menceburkan diri dalam dunia perniagaan dan berpeluang mendapatkan tender-tender projek tertentu. Atau sekurang-kurangnya dapat menggunakan jawatan untuk memperkembangkan perniagaan bagi mereka yang telah pun menceburinya.

Solah-olah terdapat kaitan antara politik dan perniagaan, di mana secara tidak langsung mereka yang berjawatan dalam UMNO akan memperolehi pelbagai ganjaran dalam kerajaan mahupun di sektor swasta. Mereka juga berpeluang mendapat penganugerahan bintang-bintang kebesaran seperti Tun, Tan Sri, Datuk, Datuk Seri dan pelbagai anugerah lain.

Dengan demikian jelaslah bahawa rata-rata mereka yang menyertai UMNO dan merebut jawatan penting dalam parti baik di peringkat cawangan dan juga bahagian adalah semata-mata untuk kepentingan "commercial".

Perebutan jawatan yang begitu sengit telah berlaku sejak tahun 80an lagi dan akibatnya terjadilah perpecahan sehingga membawa kepada pengharaman UMNO pada tahun 1987.

Namun begitu nampaknya mereka yang gila jawatan dalam parti tidak pernah belajar dari sejarah hitam yang menimpa UMNO, sebaliknya mereka terus rakus untuk merebut jawatan dan menabur wang yang melebihi jutaan ringgit. Tidak cukup dengan itu, mereka menggunakan kaki-kaki samseng bagi mengertak pihak lawan.

Amalan mereka ternyata bertentangan dengan falsafah perjuangan UMNO sebenar yang inginkan pemimpin tulen dan benar-benar ikhlas berjuang untuk meningkatkan martabat dan kepentingan orang Melayu.

Melihat perkembangan tersebut, fenomena politik wang dan budaya samseng akan berterusan dalam UMNO terutamanya pada pemilihan Majlis Tertinggi (MT) parti 1996.

Kemelut yang melanda UMNO jika gagal dikawal akan mengakibatkan orang Melayu terus berpecah seperti pada tahun 1987 apabila terjadi pertandingan merebut jawatan Presiden parti.

Cukuplah dengan perpecahan yang terjadi apabila wujudnya parti serpihan UMNO iaitu Parti Melayu Semangat 46 (S46) pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah.

Walaupun sebarang kemungkinan boleh berlaku dalam dunia politik, tetapi kita merasa kesal mengapakah perbuatan seperti fitnah, surat layang dan tuduhan yang melulu menjadi budaya baru dalam UMNO sebagai strategi untuk memenangi jawatan.

Jika kita ingin terus melihat perpaduan dalam UMNO menjadi bertambah kukuh dan terus menjadi parti yang memegang tampuk pemerintahan, kita patut menghindari unsur-unsur yang tidak sihat dari terus menular. Jangan biarkan fenomena yang tidak sihat itu menjadi barah yang boleh menghancurkan parti secara senyap-senyap.

Sebagai ahli kita patut menolak unsur-unsur yang tidak sihat dan jangan biarkan diri kita terpertangkap dengan taktik pemimpin yang sudah lupa salasilah serta sejarah perjuangan UMNO dan perjuangan bangsa Melayu di negara ini.



Mereka mungkin sudah lupa sejarah pahit maung perjuangan orang-orang Melayu melalui UMNO untuk membebaskan negara daripada penjajahan Inggeris. Perjuangan mereka kini lebih mirip untuk memenuhi keinginan nafsu dan mengaut kekayaan dengan cara mudah dan segera melalui UMNO.

Orang-orang seperti ini akan menggunakan kekayaan mereka untuk mempengaruhi ahli. Dengan kuasa yang ada mereka dapat menambahkan lagi harta dan kekayaan. Orang-orang seperti inilah perlu diingatkan bahawa UMNO adalah sebuah parti yang dibangunkan atas himpunan semangat nasionalisma Melayu. UMNO dilahirkan melalui semangat yang jitu dan penuh keinsafan serta perpaduan, persefahaman bangsa Melayu yang tulen.

Kehadirannya adalah untuk membangun sebuah negara berdaulat dan merdeka serta menentang Malayan Union bagi menyelamatkan maruah bangsa Melayu sebagai satu bangsa yang hidup sejahtera dan makmur di dunia.

Kesedaran seperti ini bukan sahaja penting kepada generasi muda tetapi juga kepada generasi lama (tokoh veteran) dalam UMNO. Ini kerana masih terdapat ramai di kalangan generasi lama mengambil peluang merebut jawatan dalam parti untuk kepentingan diri dan penyokong-penyokongnya. Orang-orang seperti ini mengambil kesempatan menyertai UMNO bukan kerana hendak berjuang menegak dan membela kepentingan bangsanya tetapi sejak awal lagi memasuki UMNO semata-mata mencari faedah diri sendiri, tidak ikhlas dan tidak jujur.

Barangkali agak anehnya orang-orang seperti ini bukan sahaja terdiri dari kalangan mereka yang sederhana kedudukannya tetapi juga di kalangan mereka yang sudah kaya raya. Mereka ini dengan senang hati menggunakan kekayaan itu untuk mendapat kuasa. Melalui kuasa mereka akan mengaut dan merebut segala peluang

yang terbuka (yang mungkin selalu dalam pengetahuannya) tanpa menghiraukan hak itu sepatutnya diberikan keutamaan kepada ahli-ahli yang belum ada apa-apa.

Orang-orang seperti ini bilangannya tidak ramai tetapi tingkah laku mereka boleh menjejaskan dan memudaratkan imej parti. Golongan inilah yang memusnahkan tradisi perjuangan parti, mencemarkan nama baik parti, malah dapat juga dikatakan mereka inilah yang merosakkan sistem demokrasi yang diamalkan oleh UMNO dalam organisasinya selama ini.

Mereka ini akan menggunakan kekayaan, menabur wang (walaupun dianggap rasuah tetapi dengan cara yang tersembunyi dan sukar dikesan), untuk mempengaruhi ahli-ahli parti khususnya menjelang musim Perhimpunan Agung UMNO sama ada Pemuda ataupun Wanita di pelbagai peringkat.

Walaupun bilangan mereka sangat kecil tetapi mereka sanggup menabur fitnah dan menggunakan taktik kotor, menyebarkan surat layang dan membeli undi jika berlaku pertandingan merebut jawatan dalam parti (lihat apa yang sedang berlaku pada persidangan perwakilan bahagian), Pemuda dan Wanita.

Ahli politik (yang selalunya bercita-cita tinggi) yang bercorak komersial ini tidak akan takut ataupun tidak akan segan silu lagi untuk melakukan apa sahaja demi untuk menang dalam sebarang jawatan (pemilihan) dalam parti.

Mereka sanggup menjadi penaja dan sponser asal sahaja orang-orang yang dipancingnya itu sanggup menyokongnya. Ada pula mereka yang sanggup bermuka-muka. Di depan pucuk pimpinan mereka cakap lain dan di depan golongan-golongan tertentu pula mereka akan "mencipta berbagai keburukan pemimpin-pemimpin lain" dan meburuk-burukkan orang-orang yang tidak disenangi kerana mereka itu tidak tergolong ke dalam "*kliknya*".

Ahli dan pemimpin parti seperti ini lazimnya sangat licin, cekap, pintar dan liar. Jarum yang ditanamnya sangat halus. Cara dan kaedah yang dipakai untuk "naik" sangat *subtle*.

Mereka akan menggunakan isu-isu kotor dan mencari kesempatan di atas kesalahan orang lain (pemimpin lain) yang walaupun tersangat kecil dan lebih bijak lagi mereka akan membina "dinding-dinding" yang amat kukuh sebagai *camouflage* dirinya takut diketahui orang atau pucuk kepimpinan.

Orang-orang seperti ini bila tiba waktunya berulah "kenal" orang, barulah ingin memesrakan dirinya dengan orang lain. Sebelum menjelanginya pemilihan mereka akan memasang agen-agen untuk melobi bagi pihaknya, mencari wartawan atau *freelance* supaya menulis hal-hal yang baik tentang dirinya, member upah yang lumayan pula kepada "penulis-penulis" tadi supaya acap kali membuat susulan dan menyiarkan berita-berita atau rencana-rencana dengan gambar-gambarnya sekali. Ada pula tokoh sanggup menaja akhbar-akhbar nyamuk yang "hidup segan mati tak mahu" dalam mempopularkan orang (tokoh) yang bakal bertanding. Biasanya kira-kira sebulan pemilihan bermula, keseluruhan wakil media massa yang ada di negara ini dijemput untuk makan-makan pada satu-satu majlis tertentu.

Perlakuan-perlakuan seumpama ini sememangnya sah sebagai kegiatan "kotor" yang boleh menjejaskan imej dan maruah parti. Dalam proses kita meletakkan demokrasi dalam parti di tempa yang paling di atas, rasanya perbuatan-perbuatan seperti itu sepatutnya dihalang dari berluasa. Ahli-ahli politik yang bercorak komersial ini sepatutnya jangan dibiarkan menjadi kudis dan kura panau kepada parti yang selama ini dijaga, dikawal dan dipupuk "kebersihannya" itu.

Janganlah hendaknya dibiarkan kegiatan-kegiatan yang negatif ini menular ke dalam UMNO kerana UMNO sejak semula adalah

parti yang disegani oleh kawan dan musuh. Disebabkan UMNO adalah tunggak pentadbiran negara ini, maka ia harus menjadi contoh yang baik dan sepatutnya prestasi yang baik ini dipertahankan akan keseimbangannya.

Jika perkara ini tidak dipedulikan, maka UMNO akan selalu mengalami keadaan yang tidak stabil dalam kancah perebutan jawatan dalam parti yang berlangsung dari masa ke semasa itu. Keadaan seperti inilah juga kita dapati menyebabkan orang-orang yang berkepentingan itu akan cuba mengeksploitkan isu-isu (walaupun isu itu tidak seharusnya bukan bidangnya untuk dibangkitkan). Dan inilah juga puncanya berlaku "ketegangan" dan "konflik" terutamanya di peringkat bahagian atau pusat apabila tiba waktu pemilihan jawatan diadakan.

Menyedari hakikat inilah rasanya, kita sama-sama perlu sekali merenung kembali dan cuba mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menyekat dari membiaknya apa yang dikatakan "ahli politik yang bercorak komersial" ini di dalam UMNO.

Tidak ada jalan dekat dan mudah untuk naik dalam UMNO. Tetapi kalau cara itu juga yang diingini, maka kewibawaan UMNO tentunya akan terjejas. Lalu, siapakah kelak yang akan bertanggungjawab?



---

## PUNCA KEJATUHAN PEMIMPIN

**K**INI ramai tokoh muda mula mengambilalih pucuk kepimpinan di peringkat Bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita. Keputusan itu menunjukkan amaran awal kehendak ahli yang mahu UMNO dipimpin oleh tokoh-tokoh muda yang berkemampuan dan berwibawa. Pandangan itu jelas ditunjukkan apabila ramai tokoh-tokoh penaja tewas di tangan pemimpin muda dan ramai pemimpin muda yang menjadi penaja memenangi jawatan di peringkat bahagian tanpa bertanding.

Perkembangan tersebut membuktikan UMNO sedang menuju era peralihan. Ini menunjukkan UMNO sebagai wadah perjuangan bagi orang Melayu, bukan satu organisasi statik (statis) tetapi sentiasa berkembang. Nampaknya ahli UMNO kini sudah matang berfikir walaupun masih ada ahli yang bersikap "samseng" dan sering menimbulkan masalah dalaman parti.

Antara tokoh muda yang menang dalam pertandingan pucuk kepimpinan bahagian ialah Abdul Fatah Iskandar (Kuala Langat),

Tajul Arus Nordin (Jelutong), Mat Isa Ismail (Bukit Gantang), Che Onn Hamzah (Teluk Intan), Ahmad Kamaruzaman Mohd. Baria (Jerantut), Datuk Abu Zahar Isnin (Jasin), Datuk Fauzi Abdul Rahman (Kuantan), Datuk Ahmad Zahid Hamidi (Bagan Datuh), Datuk Mohd. Ali Rustam (Batu Berendam), Datuk Shahiruddin Moin (Raub) dan Thalha Ismail (Chenderoh) - (sekadar menyebut beberapa nama). Oleh kerana itu ahli (perwakilan) di semua peringkat perlu dan terus membuat keputusan mengikut peredaran masa serta kehendak semasa dalam menentukan pucuk kepimpinan parti.

UMNO kini memasuki era yang menekankan soal pembangunan yang berasaskan sains dan teknologi canggih serta menentukan orang Melayu mempunyai gagasan budaya, politik dan sosio ekonomi yang seimbang dengan keperluan kerohanian. Jika kita melihat dan memikirkan demikian, adalah amat penting bagi ahli parti memainkan peranan sebagai pemangkin pada kelangsungan bangsa Melayu. Dalam melahirkan cita-cita itu, UMNO perlu menonjolkan ramai tokoh pemimpin pelapis dan Pemuda yang bersikap bebas, intelektual, matang dan berdaya maju supaya dapat bersaing dengan kaum lain.

Walaupun seseorang pemimpin itu mempunyai ilmu dan kekuatan iman tetapi penyelewengan masih boleh berlaku. Di sinilah letaknya peranan ahli untuk mengawasi kepimpinan atasan supaya mereka tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan diri sendiri. Bagi mencapai matlamat itu ahli-ahli UMNO perlu mengembling tenaga dan pemikiran secara usrah dan bersyura supaya berkongsi dengan mereka yang kaya dengan ilmu intelektual dalam pelbagai bidang.

Ilmu dan akal menjadi pendorong serta penggerak dalam sesebuah pertubuhan ataupun organisasi. Oleh itu sesebuah tamadun mengalami kehancuran bila ilmu dan akal tidak dapat bergerak seir-

ing. Ahli yang mempraktikkan sikap amanah, jujur, bersih dalam bentuk rohaniah boleh menyelamatkan sesebuah organisasi daripada menuju keruntuhan angkara pemimpin yang lebih mementing diri sendiri.

Sikap sayangkan parti (kelompok) serta mengenyepikan kepentingan individu, UMNO mampu terus menerus menjadi parti induk di Malaysia. Jika ini berjaya, ia dapat menegak dan menjamin kelangsungan bangsa Melayu sebagai pemimpin unggul dan disegani. Justeru kita bukan sahaja dihormati dalam kepimpinan politik di negara sendiri tetapi juga dihormati di arena antara-bangsa. Oleh itu ia bergantung kepada kemampuan kita menangani dan menguasai dalam pelbagai bidang ilmu dan maklumat. Golongan yang mempunyai ilmu dan maklumat dapat merencana masa depan negara dan bangsa yang cemerlang .

Sebab itulah pembentukan pemimpin yang sempurna dan berwibawa dari segi kemampuan dapat memberikan kepimpinan berpolitik dan pengurusan yang berkesan dalam sesebuah organisasi parti dan negara. Pemimpin seperti itu perlulah mempunyai semangat keluhuran perjuangan yang tinggi, bermoral dan beretika.

Kejatuhan kerjaya pemimpin politik di negara-negara luar kebanyakan berpunca daripada skandal yang melibatkan perempuan dan rasuah. Walaupun bukan semua pemimpin itu yang dikaitkan dengan skandal perempuan dan rasuah melakukannya tetapi ia tetap menjadi kayu pengukur yang boleh mencemarkan kewibawaan dan keperibadian seseorang pemimpin. Sekaligus ia juga turut menjejaskan organisasi parti dan dengan sendirinya rakyat akan hilang keyakinan terhadap kepimpinan dan parti politik yang terbabit.

Bagi mengelak berlakunya senario yang menimpa pemimpin-pemimpin tersebut berlaku terhadap UMNO, kita perlu mengelak



daripada membiarkan diri kita menjadi pencipta dan penyebar fitnah bagi menjatuhkan seseorang pemimpin lain yang mungkin tidak sealiran dengan naluri kita. Walaupun tidak benar tetapi kita yakin rakyat akan hilang kepercayaan terhadap pemimpin dan parti.

Oleh yang demikian, setiap ahli UMNO mesti menjadi pengisi atau benteng pertahanan untuk menentukan kekukuhan dan kekuatan UMNO dalam menegakkan kebenaran. Inilah satu agenda utama bagi meneruskan kecemerlangan bangsa masih lagi mempunyai perjalanan yang jauh. Rakyat sering mengharapkan ahli UMNO agar dapat mencapai satu bentuk kepimpinan bersama (*collective leadership*) jika kita tidak mahu melihat ada kapitan-kapitan luar sebenarnya yang mencorak warna parti. Oleh itu kita perlu mewujudkan satu kesinambungan yang berteraskan kepada latar belakang sejarah tetapi diberikan pendekatan baru.

Dengan cara tersebut ahli-ahli dapat membentuk UMNO dan pemimpin di peringkat atasan menjadi lebih pro-aktif sejajar dengan pendekatan parti yang mahu menuju Wawasan 2020. Inilah intipati kepada landasan untuk tiba ke destinasi yang telah ditetapkan.

# 5

---

## KRITERIA PEMIMPIN MASA DEPAN

**U**MNO, sebuah pertubuhan siasah terbesar di Malaysia terus menjadi parti induk Barisan Nasional (BN). Organisasinya semakin kukuh di mana jumlah cawangannya telah berlipat ganda iaitu dari 8,723 cawangan pada tahun 1987 kepada 16,966 cawangan pada tahun 1996.

Jumlah keahliannya juga berlipat ganda iaitu daripada 1.2 juta ahli pada tahun 1987 kepada 2.4 juta ahli pada tahun 1996. Kejayaannya yang paling besar ialah berkembangnya sayap UMNO ke negeri Sabah - suatu peristiwa yang tidak pernah diidamkan pada masa lalu. Kini UMNO sudah menjadi parti yang bersifat nasional dan masa depan bangsa dan negara akan terus ditentukan oleh UMNO.

Sebagai parti yang menjadi tunjang kepada kerajaan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed selaku pemimpin utama parti dan negara telah berusaha melaksanakan pelbagai usaha yang amat

diperlukan untuk meningkatkan taraf dan juga martabat khususnya orang Melayu.

Semuanya berkait rapat dengan kepimpinan dan keupayaan ahli parti meletakkan pemimpin (tokoh) berwibawa, mempunyai wawasan, berpandangan jauh, bertanggungjawab, jujur dan kecekapan yang mantap sebagai seorang pemimpin.

Pemimpin-pemimpin demikian telah meletakkan UMNO ke tahap yang kuat dan negara bertambah maju, begitu juga dengan rakyatnya. Pemimpin parti di semua peringkat tentunya berbangga kerana kejayaan itu adalah kejayaan bersama, apa lagi para pemimpin parti sama ada di peringkat bahagian, Pemuda dan Wanita yang terpilih menerajui UMNO di bahagian masing-masing.

UMNO diberi kepercayaan rakyat untuk memimpin negara, bukan sahaja selepas negara mencapai kemerdekaan 39 tahun lalu tetapi hingga kini tidak putus-putus dasar kerajaan digaris dan dilaksanakan parti bagi meningkatkan kedudukan orang Melayu kepada suatu darjat kecemerlangan sekarang ini. Sebab itu menjadi tanggungjawab setiap pemimpin yang terpilih, apa lagi ahli di semua peringkat memastikan agar kekuatan dan perpaduan yang terjalin dalam UMNO diteruskan malah ditingkatkan ke tahap lebih tinggi.

Memang menjadi satu tugas dan tanggungjawab besar yang harus dipikul oleh ahli dan pemimpin parti di semua peringkat di seluruh negara dan usaha memupuk semangat perpaduan yang kukuh mesti menjadi agenda perjuangan yang berterusan. Kalau ia dapat dilaksanakan dan UMNO bertambah kukuh, maka segala cabaran dalam abad ini dan akan datang akan dapat diatasi.

Zaman telah berubah dan jika dilihat dalam tempoh beberapa tahun khusus pada era kecemerlangan UMNO pimpinan Dr

Mahathir Mohamed, berlaku banyak perubahan dalam serba bidang dan lebih terserlah ialah di bidang pembangunan ekonomi rakyat.

Ini bermakna kepimpinan yang rakyat dan UMNO perlu pada masa depan adalah mereka yang boleh merubah membentuk masyarakat sama ada dari segi gaya dan kehidupan, lebih bergantung kepada kemampuan kepimpinan yang berdaya tinggi, memahami pergolakan ekonomi sama ada di peringkat negara dan antarabangsa.

Dalam kepimpinan ekonomi di mana-mana negara membangun dan maju amat diperlukan untuk meningkatkan lagi kedudukan ekonomi dan martabat bangsa serta rakyat tidak terkecuali rakyat Malaysia.

Dengan perubahan besar yang telah dibawa berasaskan keupayaan pimpinan ekonomi inilah barangkali, maka sekarang rakyat dapat melihat bukan sebagai kejayaan dari segi lahiriah tetapi juga perubahan sikap, cara berfikir, perhubungan antara rakyat dan peningkatan pengetahuan mereka. Semuanya adalah hasil daripada kejayaan kepimpinan ekonomi yang telah merubah bentuk kedudukan politik dan sosial di Malaysia.

Untuk mencapai satu tahap kecemerlangan yang lebih besar pada abad ke-21 yang mencabar ini, pemimpin atau tokoh yang mesti diketengahkan adalah barisan pemimpin yang berdaya maju dan berupaya menerjah lebih jauh dalam melihat ke depan.

Kita janganlah hanya berbangga dengan nostalgia zaman silam dan kita tidak mahu melupai sejarah. Tetapi dalam menangani cabaran yang lebih besar di abad ke-21 ini, maka ahli dan pemimpin UMNO mesti melihat ke depan selari dengan Wawasan 2020. Untuk itu negara perlu menyediakan tokoh pemimpin yang berilmu dan berpengetahuan dalam semua bidang, apa lagi bidang

yang kena mengena secara langsung dengan usaha untuk meningkatkan martabat orang Melayu.

Sebab itulah juga dalam pemilihan pucuk kepimpinan 1996 ini setiap perwakilan perlu mengambil iktibar, memikir dengan serius cara bagaimana hendak mengukuhkan parti bagi menghadapi cabaran yang lebih besar pada abad yang mencabar.

Mahu tidak mahu, kita terpaksa menghadapi apa yang berlaku di depan mata kita sekarang iaitu soal pemimpin parti untuk masa depan. Pemimpin yang bakal diketengahkan adalah mereka yang berwibawa, faham tentang semangat perjuangan secara mendalam dan mempunyai daya pemikiran intelek yang tinggi bagi menerajui pucuk kepimpinan parti.

**“Orang Melihat Kenyataan,  
Bukan Yang Digembar-gemburkan”  
-TAN SRI RAMLI NGAH TALIB**

**M**ENTERI Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib telah mengumumkan kesediaannya untuk bertanding sebagai calon Naib Presiden UMNO dalam pemilihan kepimpinan parti itu Oktober 1996 ini. Apakah yang mendorong beliau sekali lagi bertanding jawatan itu? Apakah wawasan dan janji yang akan ditunaikannya jika terpilih nanti serta apa pula keyakinannya terhadap sokongan rakan-rakan MB lain terhadapnya. Untuk mengetahuinya ikuti wawancara Eksklusif dengannya di kediaman rasmi beliau di Ipoh baru-baru ini.

**SOALAN :** Apa sebenarnya yang menyebabkan Tan Sri yakin bahawa inilah peluang terbaik untuk Tan Sri menawar diri bertanding kerusi Naib Presiden UMNO?

**RAMLI :** Saya sendiri terharu kerana adanya sokongan padu daripada bahagian-bahagian di Perak. Sekembalinya saya dari lawatan ke luar negeri baru-baru ini mereka telah menyatakan akan

memberi sokongan padu kepada saya jika saya bertanding untuk jawatan Naib Presiden pada Perhimpunan Agung 1996 ini. Itu adalah salah satu faktor yang mencetuskan saya bertindak demikian.

Saya akui kalau Perak sahaja yang memberi sokongan, memanglah saya tak boleh menang, tapi pencalonan itu mesti datangnya bukan sahaja dari negeri sendiri tetapi juga dari bahagian-bahagian negeri lain. Jadi dari segi itulah saya menyatakan kerana Perak sendiri telah bersatu padu. Sebab itulah saya katakan bahawa ia adalah satu faktor yang besar. Faktor kedua saya merasakan bahawa pengalaman perkhidmatan saya kepada kerajaan dan juga parti sudah cukup banyak dan lama iaitu lebih 14 tahun. Dan saya pun pernah diletakkan pada Majlis Tertinggi (MT) pada aras yang tinggi dari satu penggal ke satu penggal. Saya merasakan dengan pengalaman yang ada pada saya, maka sudah sampailah masanya untuk saya memberi khidmat yang lebih baik lagi kepada UMNO. Faktor lain mengapa saya menawar diri ialah kerana galakan yang telah diberikan oleh kawan-kawan untuk saya meningkatkan perkhidmatan yang lebih tinggi lagi kepada UMNO, ahli dan juga kerajaan.

**SOALAN :** Apakah dengan kecemerlangan keputusan pilihan raya umum 1995 yang dicapai UMNO dan Barisan Nasional (BN), termasuk di Perak juga menjadikan faktor atau keadaan yang lebih selesa untuk Tan Sri menawar diri?

**RAMLI :** Ya. Mungkin juga ini boleh dikatakan satu faktor. Umpamanya kalau kita ambil contoh seperti gagal atau merosotnya prestasi (dalam pilihan raya), tentunya bukanlah sebagai batu loncatan yang baik untuk kita melangkah atau memegang jawatan yang lebih tinggi. Jadi kalau kita kaitkan dengan pencapaian atau kecemerlangan keputusan pilihan raya umum lalu (1995) juga menjadi satu galakan. Ertinya faktor ini juga memainkan peranan.

**SOALAN :** Nampaknya ramai tokoh dari Perak menawar diri bertanding. Jadi dengan kehadiran mereka tidakkah menjejaskan peluang Tan Sri untuk menang walaupun mereka bertanding untuk jawatan lain?

**RAMLI :** Setakat ini belum timbul apa-apa jalur lagi untuk menunjukkan sesuatu "pattern" dalam pertandingan ini. Jadi setakat ini mereka sekadar menimbulkan hasrat mereka sahaja untuk bertanding sama ada saya dan juga yang lain dari Perak. Apa yang saya nampak "pattern" yang pasti, adalah saya dan juga kawan-kawan saya nak bertanding nanti untuk berkhidmat ke aras yang lebih tinggi lagi. Yang kita rasakan bahawa kita boleh memainkan peranan untuk berkhidmat kepada ahli UMNO. Kalau saya fikirkan ini sahaja, maka saya tak akan dapat mencuba langsunglah. Jadi perkara ini harus dipandang berasingan dan adanya itu adalah secara kebetulan sahaja kerana kebolehan mereka sendiri tidak berkaitan dengan biodata satu negeri atau satu daerah. Kalau macam itulah percaturannya, maka tak sampailah hasrat orang-orang itu walaupun mereka boleh umpamanya sekurang-kurangnya mencuba. Jadi mesti dilihat secara berasingan.

**SOALAN :** Apakah strategi Tan Sri yang telah diatur sehingga ini ke arah kemenangan?

**RAMLI :** Saya pasti ada strategi-strategi tertentu.

**SOALAN :** Pada pemilihan 1993, Tan Sri dikaitkan sebagai "Kempen Manager" pihak atau tokoh-tokoh yang bertanding. Apakah Tan Sri yakin rakan-rakan yang pernah Tan Sri tolong dulu akan memberi perhatian yang lebih baik kepada Tan Sri pula?

**RAMLI :** Ya saya yakin. Saya yakin kepada kebaikan yang ada pada rakan-rakan saya walaupun dalam apa juga senario.



**SOALAN :** Apakah tidak timbul lagi tanggapan-tanggapan bahawa pimpinan Tan Sri di Perak ini tidak dapat hendak mengatur supaya sekurang-kurangnya kita jangan bertembung antara satu sama lain. Mungkin juga Tan Sri yakin ada kalangan mereka yang sanggup berkorban (menarik diri) dan memberi sokongan untuk kemenangan kepada Tan Sri?

**RAMLI :** Kalau ada yang sedia berkorban itu baiklah. Tetapi kalau tidak ada, ia tidak menjadi masalah kerana kita tak mahu memadamkan hasrat ataupun memudahkan kehendak mana-mana pihak (untuk bertanding) kerana itu adalah hak mereka.

**SOALAN :** Jadi Tan Sri tidak bercadang untuk memaksa mereka supaya berkompromi?

**RAMLI :** Tidak ada. Malah kalau nampak mereka ada kebolehan kita boleh galakkan.

**SOALAN :** Dari segi tokoh Perak yang akan bertanding ke peringkat tertinggi, tidakkah ada satu keputusan khas daripada Badan Perhubungan UMNO Negeri?

**RAMLI :** Selalunya di Perak tidak ada membuat keputusan sesiapa yang harus bertanding kerana ini adalah dalam proses demokrasi kita. Walaupun kita harus ada sesuatu landasan tetapi yang penting ialah proses demokrasi adalah untuk menghormati kehendak dan hak seseorang itu menyampaikan hajat. Kalau ramai tokoh dari sesebuah negeri itu bertanding kemungkinan juga boleh menimbulkan sesuatu perkara yang negatif, di sini kita hanya mengharapkan budi bicara dan kebijaksanaan mereka. Kalau mereka ingat mereka boleh menang dan hendak bertanding juga, kita tak boleh tahan atau halang. Jadi kita berharap kebijaksanaan mereka untuk menilai sesuatu situasi. Kalau situasi itu sesuatu yang positif kepada mereka, terpulanglah kepada mereka, sesiapa pun tak boleh tahan.

**SOALAN :** Apakah harapan Tan Sri kepada rakan-rakan Tan Sri di semua Bahagian UMNO (perwakilan) dan juga MB-MB lain terhadap Tan Sri?

**RAMLI :** Dalam kita hendak menjawat sesuatu jawatan dan apa juga hasrat kita, tentulah kita harapkan sokongan penuh. Bagaimanapun mereka juga ada calon-calon yang menjadi pilihan, jadi kita perlu yakinkan agar mereka pilih kita kerana kebolehan dan kemampuan kita. Mereka nak tahu juga siapa yang hendak mereka pilih. Prestasi dan penonjolan tokoh itu menjadi satu faktor. Semuanya ini adalah mustahak. Saya rasa harapan saya bagi bahagian-bahagian di Perak, saya tidak pertikaikan lagi, mereka zahir telah menunjukkan kehendak mereka kepada saya. Kita hanya boleh menilai seseorang itu apa yang telah diperkatakannya, dalam hati tuhan sahaja yang tahu....

**SOALAN :** Apakah janji Tan Sri jika Tan Sri dipilih sebagai salah seorang Naib Presiden nanti?

**RAMLI :** Negara kita sudah dibangun untuk beberapa dekad ke arah kecemerlangan dan ke era kegemilangan, terserlah sama ada di dalam negeri mahupun luar negeri sama ada di bidang politik ataupun ekonomi. Jadi ini bukanlah satu perkara yang mudah dan salah satu tugas kepada tiga orang Naib Presiden dalam haraki ini adalah untuk mendukung kepimpinan yang telah membawa kita kepada kemajuan.

Saya rasa itu yang pertama sekali iaitu mendukung kepimpinan dari segi pendapat, menolong menegakkan lagi kepimpinan supaya dapat memamatkan lagi kedudukan kita (negara dan parti).

**SOALAN :** Apa komen Tan Sri kalau masih ada lagi pihak yang menggunakan politik wang semasa kempen pemilihan musim ini?

**RAMLI** : Perkara ini tak berbangkit lagi. Ini telah diputuskan oleh parti dan yang bertindak demikian telah pun diambil tindakan. Saya penuh yakin bahawa tidak ada lagi politik wang dalam kempen tahun ini. Harap tidak ada lagi orang hulur wang dan berkata undilah saya.

**SOALAN** : Bagaimana dengan persediaan, apakah sudah diatur "*Road Show*"?

**RAMLI** : "*Road Show*" macam dulu saya rasa mungkin berkurangan. Kalau ada pun tidaklah begitu hebat. Tapi sebagai proses untuk mengenalkan diri perlu juga saya menjelajah ke seluruh negara.

**SOALAN** : Dulu Tan Sri pernah tewas, apakah kini cukup yakin?

**RAMLI** : Memang dulu sekali saya tewas, masa itu adalah situasi yang berlainan sedikit. Itupun undi yang saya dapat tidaklah sedikit sangat. Tapi kali ini saya rasa agak yakin untuk bertanding kerana ada gesaan, sokongan dan pertolongan dari kawan-kawan. Setakat ini saya tidak ada hasrat untuk menarik diri. Saya akan teruskan!

**SOALAN** : Kemenangan seorang Menteri Besar dalam merebut salah satu jawatan penting dalam parti dikaitkan dengan pembangunan negeri yang ditabdir oleh tokoh berkenaan seperti Tan Sri di Perak dan kini jelas pembangunan di Perak begitu terserlah. Apa pandangan Tan Sri dalam hal ini dan mengapa Tan Sri tidak suka atau tidak banyak publisiti atau kurang menonjol mengenai pembangunan?

**RAMLI** : Kurang menonjol saya tak tahulah. Tetapi pembangunan di Perak ada. Boleh dikatakan banyak kalau dibandingkan di

negeri lain kerana dalam jangka masa dua atau tiga bulan sahaja kita telah buat ketetapan untuk menarik HICOM dan Proton ke Perak dengan menempatkan satu kawasan 4,000 ekar. Seperti yang dikatakan Perdana Menteri YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Proton akan mengeluarkan kereta sebanyak 300,000 buah setahun. Kalau kita bandingkan sekarang ini pengeluaran Proton keseluruhannya 24,000 buah sahaja setahun dalam satu kawasan seluas 460 ekar.

Kini kita ada 2,000 ekar sebagai kilang kedua Proton dan 2,000 ekar lagi untuk HICOM. Dengan itu Perak akan menjadi Pusat Industri Otomobil terbesar. Bukan sahaja itu, tetapi ada juga integrated development yang bersepadu, adanya vendor sistem, penubuhan Institut Latihan Otomobil pastinya berbentuk nasional juga, jadi merupakan satu pembangunan yang tak ada tolak bandingnya. Pengeluaran otomobil bukan sahaja memenuhi keperluan dalam negeri tetapi juga keluar negeri sejumlah 300,000 buah. Dalam pada itu banyak lagilah kalau hendak saya senaraikan projek-projek yang besar di Perak seperti kita hendak menjadikan Ipoh-Lumut sebagai satu koridor pembangunan yang boleh menyaingi koridor pembangunan Kelang-Kuala Lumpur ataupun boleh sama tarafnya dan satu "highway" yang baru dari Ipoh-Lumut, Selangor-Taiping dan satu koridor pembangunan yang besar dari Taiping ke Parit Buntar.

Kita juga telah menyediakan 1,300 ekar lagi di Krian untuk kawasan perindustrian untuk menampung kawasan perindustrian di Pulau Pinang dan juga pembangunan di Utara Perak yang kita boleh tekankan kepada pembangunan pelancongan juga di Hulu Perak. Kompleks kolam air panas yang bakal ditumpukan oleh orang Pulau Pinang, Kedah dan sebagainya ke sana, begitu juga pembangunan di Grik dan juga pembangunan dari Bernam selain proton tadi, di Behrang, saya rasa dari situ sampai ke Ipoh tak kurang daripada 10,000 ekar sedang proses pembangunan. Jadi satu pattern dan senario pembangunan yang kita nampak sekarang, adalah yang belum pernah ada di Perak sebelum ini. Dan kita juga

telah berpeluang untuk mengwujudkan satu pelabuhan iaitu Pelabuhan Lumut, jadi Perak juga sebagai sebuah negeri yang mengambil penyertaan dalam bidang industri pelancongan dan juga pembangunan-pembangunan yang lain.

Begitu juga kalau dulunya Perak pada suatu masa adalah terkenal dengan pusat pengajian seperti Malay Kolej, bukan sahaja menampung anak-anak Perak tetapi memberi pelajaran kepada anak-anak dari negeri lain. Sebab itu ramai anak bukan dari Perak jadi pemimpin besar. Perlu juga saya mengatakan bahawa Kampus ITM yang baru yang lebih besar dan Institut Kemahiran Belia Negara dan baru-baru ini syukur Alhamdulillah dan berterima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana Perak dapat Universiti Petronas, satu-satunya universiti yang dikendalikan sepenuhnya oleh Petronas. Bukan itu sahaja Perak akan menumpukan perhatian terhadap sains dan kejuruteraan.

**SOALAN :** Bercakap tentang pembangunan, apakah Tan Sri mengamalkan sikap "diam ubi berisi" atau "resmi padi makin tunduk semakin berisi". Dengan kata lain Tan Sri nampaknya tidak suka kepada publisiti sehingga ada pihak tidak tahu Perak kini terus membangun, apa lagi sudah mempunyai pelabuhan bertaraf antarabangsa seperti Pelabuhan Lumut.

**RAMLI :** Biasanya sesuatu projek yang besar, tentunya ia dibina secara berperingkat-peringkat atau fasa demi fasa. Umpamanya fasa pertama majlis pecah tanah dan diikuti dengan fasa-fasa lain. Mungkin selepas majlis pecah tanah, 10 tahun selepas itu masih belum dibuat fasa seterusnya. Jadi ada sekatan atau kegagalan.

Sebab itu saya tak nak heboh-heboh sesuatu projek itu kerana bimbang ia gagal. Tetapi yang mustahaknya adalah keinginan saya tak mahu mengelirukan mata orang ramai. Sudah jadi dan dah siap kalau nak heboh, hebohlah. Saya juga rasa publisiti tentang pembangunan Perak mungkin 50 peratus sahaja diperolehi kalau dibandingkan negeri-negeri lain. Satu sebab lain lagi ialah saya

sendiri mengingatkan bahawa akhir-akhirnya orang ramai akan melihat kepada kenyataan, bukan melihat kepada apa yang digembar-gemburkan.

**SOALAN :** Apakah Tan Sri yakin Perak akan menjadi pusat pertumbuhan ekonomi number satu?

**RAMLI :** Saya yakin. Saya yakin menerusi pembinaan jalan raya baru di Perak akan dapat diwujudkan satu koridor pembangunan yang sama taraf dengan Lembah Kelang di Selangor. Kerajaan Perak akan memberi tumpuan kepada pembinaan koridor lebuh raya dan pembinaan jambatan baru untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Antara projek yang telah dikenalpasti ialah pembinaan jambatan merintang di Sungai Dinding di Manjung terus ke Damar Laut yang menelan belanja RM100 juta. Jambatan itu akan dibina berhampiran pesisiran Pantai Barat antara Sabak Bernam, Selangor hingga ke Changkat Jering yang memendekkan jarak perjalanan dari selatan ke utara. Beberapa jalan baru juga akan dibina antara Post Slim hingga ke Pahang dan terus ke Kelantan yang dapat memendekkan perjalanan antara Pantai Timur dengan Pantai Barat. Selain itu pembinaan jalan raya daripada Slim River ke Teluk Intan dan terus ke Lumut juga dirancang bagi memendekkan lagi destinasi pelancongan Lumut-Pangkor kepada pengguna Lebuhraya Utara-Selatan. Pembinaan Lebuhraya Tol antara Ipoh-Lumut juga sudah dirancang yang diharapkan dapat memendekkan lagi jarak perjalanan antara pusat pentadbiran negeri dengan Pelabuhan Lumut.

Pembangunan di koridor Krian pula lebih ditumpukan kepada perindustrian kepesatan sektor iaitu dari Taiping hingga ke Parit Buntar. Selain itu perhubungan antara Kuala Kangsar dengan pekan-pekan kecil di Daerah Hulu Perak seperti Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu dijangka lebih dekat apabila projek pembebasan dan melebarkan jalan raya siap sepenuhnya tidak lama lagi. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan persekutuan kerana

memilih kawasan Tanjung Malim-Slim River yang terletak di Lembah Bernam.

Begitu juga pembinaan Bandar Tasek Bukit Merah yang menelan belanja RMI bilion akan menjadikan Perak sebagai destinasi pelancongan termoden di rantau ini menjelang tahun 2000. Dengan terlaksananya kesemua projek pembangunan terbesar yang telah, sedang dan akan dimajukan di Perak itu, ia dijangka akan meletakkan Perak sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang terkini di masa depan.

**SOALAN : Apa lagi program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh?**

**RAMLII :** Kita juga akan memberi perhatian dan tumpuan khas kepada kawasan-kawasan mundur terutamanya di luar bandar untuk sama-sama dimajukan dalam tempoh RM7 kelak. Antara kawasan yang bakal diberi tumpuan khusus ialah Daerah Hilir Perak yang dulunya tercicir berikutan ancaman komunis di kawasan itu. Daerah Hulu Perak akan dilengkapkan dengan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, bekalan elektrik dan beberapa prasarana lain yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

**SOALAN : Misi pelaburan Perak yang diketuai Tan Sri baru-baru ini telah ke Amerika Syarikat dan Jepun. Jadi apakah hasil daripada lawatan itu?**

**RAMLII :** Pelaburan susulan yang dijangka diperolehi hasil daripada misi dua minggu itu ialah berjumlah RMI.4 bilion manakala RM500 juta lagi adalah nilai pelaburan yang sudah pasti. Keseluruhan jumlah pelaburan yang telah dan bakal diperolehi daripada para pelabur di Amerika Syarikat membabitkan industri perkilangan berasaskan teknologi tinggi.

---

## RAMLI YAKIN CIPTA KECEMERLANGAN PERAK

**N**AMPAKNYA segala usaha mahu menjadikan Negeri Perak Darul Redzuan sebagai Negeri Perindustrian telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang. Satu demi satu projek pembangunan yang dirancang menzahirkan realiti. Keadaan ini berikutan keyakinan para pelabur yang kian menaruh kepercayaan terhadap pimpinan negeri itu yang diterajui oleh Menteri Besar, Tan Sri Dato' Seri Ramli Ngah Talib.

Ini terbukti apabila dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RME), jumlah pelaburan yang dilulus dan dilaburkan di negeri itu berjumlah RM10.7 bilion berbanding dengan RM1.6 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML).

Justeru Ramli Ngah Talib menjangka pelaburan bernilai RM30 bilion akan dilaburkan di Perak buat beberapa tahun akan datang. Beliau juga memberitahu sebanyak 44,291 peluang pekerjaan baru telah dapat diwujudkan dalam RME berbanding dengan 10,141 orang dalam RML.



Dari segi guna tenaga, pengangguran di negeri ini telah sampai kepada kadar 2.3 peratus menjadikan negeri Perak berada dalam keadaan guna tenaga penuh, katanya ketika ditemui pada Konvensyen Ulang Tahun UMNO ke-50 yang dirasmikan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Ipoh 25 Mei lalu sambil menjelaskan berasaskan laporan RMT, Perak mencapai purata pertumbuhan ekonomi sebanyak 7.5 peratus sepanjang RME.

Katanya, dalam RMT, purata pertumbuhan ekonomi negeri dijangka mencapai 8.2 peratus setahun, melebihi pertumbuhan purata negara yang dianggarkan berada pada kadar 8 peratus setahun.

Dengan kadar pertumbuhan tersebut Perak akan kekal berada di tempat ke-empat selepas Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor dari segi prestasi pembangunan.

Ramli juga berkata, pendapatan per kapita, penduduk Perak turut meningkat daripada RM3,532 pada tahun 1990 kepada RM4,808 dalam tahun 1995, dan dianggarkan meningkat kepada RM6,937 menjelang tahun 2000. Jumlah rakyat termiskin juga telah dapat dikurangkan dari 13,771 keluarga dalam tahun 1990 kepada 4,616 keluarga dalam tahun 1995.

Beliau seterusnya memberitahu kekurangan bekalan tenaga kerja semakin terasa. Sebab itu tegasnya, di samping memilih pelaburan yang berintensif dan berteknologi tinggi, program latihan dan penggunaan sumber manusia diberikan penekanan.

Katanya, corak latihan berorientasikan keperluan industri setempat diberikan tumpuan dan Yayasan Perak dipertanggungjawabkan untuk menyediakan peruntukan kewangan dan merangka corak kursus kemahiran dan separa mahir dengan institusi-institusi latihan dan sektor swasta.

“Penubuhan beberapa pusat pendidikan kerajaan seperti universiti petronas, politeknik, universiti komanwel dan institusi-institusi latihan swasta dijangka dapat berperanan besar menangani masalah bekalan tenaga mahir.

Dari segi kemudahan sosial, Ramli menegaskan bahawa Perak melebihi purata negara dengan pencapaian 100 peratus bekalan elektrik, 92.9 peratus bekalan air bersih dan 89.9 peratus kadar celik huruf.

Pembangunan pesat yang rancak berlaku telah meningkatkan hasil negeri. Dalam tahun 1990, kerajaan negeri berjaya memungut hasil bernilai RM255.4 juta, meningkat kepada RM295.5 juta pada tahun 1994 dan terus melonjak kepada RM454.5 juta tahun 1995.

Bercakap mengenai UMNO, Ramli menegaskan kekuatannya bukan terletak kepada ideologi yang sempit dan bergantung kepada retorik. UMNO bukannya sebuah parti kebangsaan yang bersifat rasis atau chovinis dan UMNO juga tidak mengamalkan budaya ekstremis. Kekuatan UMNO bertunjangkan kepada amalan politik yang pragmatik.

Harapannya semoga UMNO dengan fahaman dan amalannya yang sederhana, pragmatik, realistik dan adil akan terus hidup kukuh dan gagah. Ramli menyatakan kepimpinan negara dan UMNO khasnya telah menyediakan satu landasan yang cukup baik bagi pembangunan negara.

Katanya, perkembangan pesat di dalam pertumbuhan ekonomi negara amnya dan Perak khasnya telah banyak menyediakan peluang-peluang perdagangan dan perniagaan. Sektor perindustrian telah mula berkembang luas ke seluruh wilayah negeri Perak dan dari segi strukturnya pula tidak lagi tertumpu kepada sektor asas semata-mata.

Sebaliknya bidang-bidang baru seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, automatif dan maritim telah dapat dibangunkan di Perak. Seiring dengan perkembangan ini, masyarakat bumiputra haruslah bersedia melengkapkan diri untuk mengambil faedah daripada peluang-peluang yang ada.

Menurutnya, kerajaan yang didokong oleh UMNO telah merencanakan program pembangunan dan memastikan perlaksanaannya secara berkesan supaya taraf hidup rakyat yang lebih baik dapat dicapai. UMNO sedar bahawa kemerdekaan politik tidak bermakna kalau kemakmuran negara tidak diagihkan dengan adil dan rakyat terus kekal dalam suasana kemiskinan.

Sementara itu Pengarah Pendidikan Perak, Datuk Abdul Rahim Abdul Majid berkata, UMNO adalah sebuah parti politik yang telah banyak mewarnai atau menjadi tulang belakang terpenting dalam pembangunan sistem pendidikan di Malaysia.

Beliau berkata, di Perak khususnya, kewujudan institusi pendidikan seperti MCKK dan MPSI menjadi tapak awal pergerakan kemerdekaan secara terancang di negara ini. Tegasnya, parti UMNO yang menjadi parti dominan Melayu tidak dapat dipisahkan dari sejarah perjuangan pendidikan kerana melalui pendidikan, rakyat dapat menubuhkan UMNO.

"Melalui UMNO pula kerajaan terbentuk serta mengungguli kecemerlangan dalam pendidikan ke-abad 21", ujarnya ketika membentangkan kertas kerjanya bertajuk "Pendidikan dan sosio budaya dalam perjuangan UMNO abad ke-21" pada konvensyen UMNO Negeri Perak yang disertai kira-kira 2,000 pemimpin UMNO negeri termasuk Pemuda dan Wanita dari 23 Bahagian UMNO di Perak.

## Segelintir ahli diselar USAH JADI “KUDA” HAWA NAFSU

**M**ENYEDIA, membina dan mengembling segala kekuatan yang ada adalah agenda utama yang perlu dilaksanakan oleh UMNO bagi membolehkan parti itu bergerak dengan kemas, teratur dan berkesan.

Dalam rangka melaksanakan amanah yang besar ini, UMNO perlu mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menyusun semula kehidupan politik sosial dan ekonomi umat bagi menghadapi segala cabaran dan perubahan yang berlaku.

Sebagai langkah pertama, UMNO perlu terlebih dulu melihat pada diri sendiri dan perpaduan dalam UMNO perlu sentiasa berada dalam keadaan yang kukuh dan mantap.

“Budaya mendewa-dewakan kekayaan kebendaan hendaklah dikikis sebersih-bersihnya. Amalan politik wang lambat laungnya akan membawa kehancuran kepada UMNO,” ujar Yang Dipertua

Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) Haji Azmi Abu Sujak di Konvensyen UMNO Perak di Ipoh 25 Mei 1996 sempena Ulang Tahun UMNO ke-50.

Beliau berkata, adalah amat mendukacitakan sekiranya ahli-ahli UMNO tenggelam dalam kemewahan yang berlebih-lebihan dan dikudakan oleh hawa nafsu. Katanya, sikap sombong dan angkuh disebabkan oleh harta benda dan kemewahan sehinggakan pemimpin tertinggi sendiri yang bertaraf antarabangsa tidak lagi dihormati amatlah mendukacitakan.

"Sikap suka membuat bising dan mendesak pemimpin sama ada di peringkat bahagian, negeri atau pun pusat termasuk dalam hal yang melibatkan kuasa budi bicara pemimpin berkenaan jelas menunjukkan sikap angkuh, berfikiran sempit dan kurang matangnya segelintir ahli UMNO walaupun mereka telah ketua dalam UMNO.

Mungkin mereka terlupa, pemimpin dan orang yang berprinsip tidak akan gentar terhadap golongan yang angkuh, menyeleweng dan tidak berpendirian.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa harapan negara Islam untuk bergantung kepada Malaysia atau tegasnya kepimpinan UMNO sebagai penggerak kepada kebangkitan ummah akan menemui kekecewaan sekiranya perpaduan UMNO goyah dan tidak kukuh.

Katanya, Malaysia dilihat sebagai negara yang paling berpotensi untuk memimpin dan menerajui kebangkitan dan kegemilangan Islam.

Jika sekiranya UMNO berpecah dan hancur maka harapan dan wawasan yang besar itu akan turut hancur berkecai.

Justeru itu UMNO tidak ada pilihan selain dari bersatu dan berpadu di bawah ikatan aqidah dan fikrah yang bersih lagi mantap serta akhlak yang mulia lagi terpuji.

Azmi menegaskan bahawa perpaduaan yang hakiki hanya akan terbina sekiranya sesebuah organisasi itu tegak berdiri di atas asas yang berpaksikan ketaqwaan dan keredhaan ilahi.

Beliau seterusnya berkata, usaha memantapkan akidah, menguasai ilmu, mengukuhkan jiwa serta memajukan minda dan akhlak yang terpuji di kalangan umat Islam di Malaysia adalah tugas yang amat besar.

Katanya, ia amat kritikal kepada UMNO dalam melaksanakan tanggungjawab menerajui kepimpinan Islam di abad ke-21.

Menurutnya Malaysia perlu melahirkan generasi Islam yang menguasai ilmu agama dan dalam masa yang sama menguasai disiplin-disiplin ilmu yang lain dalam setiap aspek kehidupan.

Justeru itu UMNO perlu memikirkan strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi membina generasi yang serba boleh ini.

"Harapan kita ialah untuk mewujudkan semula angkatan seperti golongan generasi awal Islam yang menggunakan profesion masing-masing sebagai wadah dan landasan menyampaikan dakwah.

Katanya, di antara langkah yang boleh diambil ialah dengan menyusun semula dasar, struktur dan sistem pendidikan negara.

Dasar struktur dan sistem yang ada sekarang didapati hanya berupaya melahirkan individu Islam yang mahir dan berketrampilan sama ada dalam bidang fardu ain atau fardu kifayah.

Tujuannya ialah untuk melahirkan generasi Islam yang mempunyai pendidikan agama yang baik dan berkeupayaan pula mengi-

marahkan bumi ini mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing dengan taat dan tunduk sepenuhnya kepada kebesaran Allah S.W.T.

“Bagi menggerak usaha yang besar ini adalah juga perlu institusi dan organisasi agama diperkukuhkan. Ini boleh dilakukan melalui penyusunan semula struktur organisasi, penyediaan perjawatan yang mantap dan mencukupi, peningkatan kualiti tenaga manusia dan pembekalan kemudahan fizikal dan peralatan yang sempurna.

Kualiti bukan sekadar meminta atau melaungkan supaya orang menjadi bertambah baik tetapi yang lebih penting menyediakan segala bantuan, sokongan dan kemudahan agar orang boleh menjadi bertambah baik.

“Institusi dan organisasi agama juga perlu diperkukuhkan supaya mereka berusaha memainkan peranan sebagai agen perubahan yang utama dan terpenting kepada masyarakat Islam di Malaysia,” tegasnya.

Sementara itu Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, JAIP sedang dan akan meneruskan program pembangunan kerohaniah dan sosio ekonomi umat Islam di negeri itu.

Ia meliputi bidang-bidang pendidikan, dakwah, pembentukan keluarga bahagia, kemurnian akidah, pembangunan ekonomi, khidmat kebajikan serta pencegahan maksiat.

Dari segi pendidikan agama katanya, JAIP telah dapat menyediakan 112,000 orang pelajar iaitu 100,000 pelajar sekolah rendah dan 12,000 pelajar peringkat menengah. Selain itu kata Ramli pendidikan agama juga diberikan kepada masyarakat umum di masjid, surau, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta, kilang-kilang termasuk media massa, kursus, seminar dan majlis dialog.

Semua program JAIP sentiasa mendapat sambutan menggalakkan daripada segenap lapisan masyarakat pelajar hingga orang mulimim dan muslimat di Perak.

Mengenai cabaran umat Islam bagi menghadapi tahun 2000, Menteri Besar berkata, JAIP turut mempunyai strategi jangka pendek dan panjang bagi menangani cabaran masa depan.

Kesemua program yang dilaksanakan di bawah strategi JAIP, diselaraskan dengan keutamaan kerajaan sebagai persediaan menghadapi abad ke-21.

Bagi menjayakan matlamat itu, JAIP telah memberi perhatian yang serius terhadap penggubalan strategi yang lebih mantap, peningkatan kualiti tenaga manusia, pengukuhan perjawatan dan struktur organisasi JAIP.





---

## ZAHID TOLAK POLITIK WANG

**K**ETUA Penerangan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Ahmad Zahid Hamidi yang akan bertanding jawatan Ketua Pergerakan itu dalam pemilihan pucuk kepimpinan parti itu Oktober 1996 ini mungkin berbeza sedikit daripada calon-calon lain.

Sementara Datuk Annuar Musa dan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berstatus menteri baik di peringkat pusat maupun negeri, Zahid terkeluar dari kedudukan tersebut.

Sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN) dan duduk dalam Lembaga Pengarah beberapa syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Zahid lebih dilihat sebagai orang korporat. Seorang lagi calon dan penyandang jawatan, Tan Sri Rahim Thamby Chik tidak pula dilihat sebagai orang korporat, walaupun beliau tidak lagi menjadi Ketua Menteri Melaka.

Dunia korporat selalunya dikaitkan dengan kekuatan wang ringgit. Dan dalam senario politik UMNO sekarang, ramai yang percaya wang boleh membeli kuasa. Ketika politik wang masih hangat diperkatakan, orang korporat yang bertanding dalam parti mudah dikaitkan dengan pembelian undi atau penggunaan wang untuk mendapatkan pengaruh.

Namun bagi Zahid, beliau tidak termasuk dalam kelompok orang yang menggunakan wang untuk mencapai matlamat politik kerana beliau yakin para perwakilan parti masa kini adalah terdiri dari mereka yang telah matang. "Saya tidak fikir mereka boleh dibeli dengan wang. Lagi pun berapa banyak mereka boleh dibayar? Seribu? Lima ribu? Sepuluh ribu? Saya tidak fikir mereka meletakkan maruah mereka serendah itu," kata Zahid yang ditemui di pejabatnya di tingkat 21 Menara BSN, Kuala Lumpur.

Zahid tidak menafikan politik wang masih wujud dalam parti. "Malah, keadaan menjadi makin teruk sekarang, walaupun ada usaha tegas untuk membentersanya. "Tetapi beliau percaya wang bukanlah satu-satunya faktor penentu untuk seseorang memilih pemimpin, lebih-lebih lagi bagi mereka yang memikirkan keberkesanan dan kewibawaan parti.

"Akhirnya mereka akan menilai latar belakang peribadi dan *track record* seseorang calon. Saya percaya wang ringgit tidak boleh menutup kepincangan peribadi seseorang," tegas Zahid yang memiliki ijazah dari Universiti Malaya dan pernah mengikuti program pengurusan di Harvard.

Beliau menawarkan diri bagi jawatan Ketua Pemuda kali ini adalah untuk memberi sumbangan yang lebih bererti kepada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.

Kini berusia 43 tahun, beliau sudah lama melibatkan diri dalam pergerakan tersebut, bermula sebagai Ketua Pemuda UMNO

Bahagian Bagan Datoh (1982-1987), Naib Ketua Pemuda UMNO Negeri Perak (1987), Ketua Pemuda UMNO Negeri Perak (1990) dan Ketua Penerangan Pemuda UMNO Malaysia (1988 hingga sekarang). Dalam erti kata lain, Zahid bukanlah tokoh *'payung terjun'*, sebaliknya bergelumang dalam parti sejak dari peringkat bawah.

Lain-lain jawatan yang pernah beliau sandang termasuk Setiausaha Pemegang Amanah Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan. Zahid juga memulakan kerjayanya di Bank Simpanan Nasional (BSN) dalam tahun 1977 dan dinaikkan pangkat daripada Penolong Pengurus di bahagian Sijil Simpanan Premium kepada Pengurus Pemasaran BSN dalam tahun 1980.

Beliau kemudian meninggalkan bank tersebut untuk menjawat jawatan Setiausaha Politik kepada Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada tahun 1987 di Kementerian Pertahanan. Bagaimanapun pada tahun 1984, Zahid kembali semula ke BSN selepas dilantik sebagai Pengerusi bank tersebut.

Beliau menjadi Ahli Dewan Negara (Senator) dari 1991 - 1994 dan kemudian bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1995 dan menjadi Ahli Parlimen kawasan Bagan Datoh. Kesediaannya bertanding jawatan number satu Pemuda UMNO bukanlah untuk menjadi batu loncatan ke jawatan yang lebih tinggi dan tidak juga untuk menguji kekuatan diri.

"Saya ingin meneruskan kesinambungan kepimpinan yang ada untuk menangani banyak lagi agenda yang belum selesai. Banyak agenda yang telah dilakukan dan direncanakan oleh pemimpin yang ada sekarang untuk mencapai matlamat dan wawasan masa depan.

"Saya ingin menyumbang untuk meneruskan kepimpinan dan merealisasikan apa yang telah rencanakan. Saya percaya Pemuda

boleh digerakkan untuk mencapai matlamat dan wawasan," tegasnya.

Ada pendapat mengatakan pertandingan kali ini adalah antara calon Presiden dan calon Timbalan Presiden. Tumpuan mungkin lebih kepada Rahim dan Zahid. Rahim yang duduk semula sebagai Ketua setelah melepaskan jawatan itu berikutan satu kontraversi, dilihat sebagai orang Datuk Seri Dr Mahathir sementara Zahid dikatakan orang Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun, bagi Zahid sendiri masalah itu tidak timbul. "Saya tidak percaya ada orang Dr Mahathir dan ada orang Anwar. Bagi saya pertandingan ini adalah bersih dan berdasarkan prinsip demokrasi.

"Pada hemat saya semua calon yang menawarkan diri adalah atas kerelaan dan kesediaan masing-masing; saya tidak percaya Dr Mahathir atau Anwar mahu campur tangan dalam pemilihan ini.

"Tetapi mungkin ada yang mengaku atau ada pihak yang membuat andaian dia orang Mahathir atau dia orang Anwar, itu terpujang pada tafsiran masing-masing. Macam saya kata tadi, perwakilan kita sudah matang," jelas Zahid yang percaya pada prinsip demokrasi. Beliau juga tidak mahu terlalu yakin untuk memenangi pertandingan yang dijangka lebih hebat dari tahun-tahun sebelumnya ini.

Dia cuma berkata: "Memang satu pertandingan yang sengit dan masing-masing ada peluang untuk menang. Saya boleh kata 50-50."

Zahid merasakan Pemuda era baru perlu memainkan peranan yang lebih berkesan dan mesti sejalan dengan inspirasi dan idealisme UMNO. Zahid tidak mahu Pemuda bergerak dengan cara dan landasan tersendiri hingga boleh mewujudkan parti dalam parti. Tegasnya: "Sebagai sayap kanan parti kita mesti seiring dengan

kehendak parti.”

Beliau tidak percaya imej '*pressure group*' seperti yang pernah dibawa oleh Pemuda UMNO satu ketika dahulu masih relevan dalam keadaan sekarang. "Kita tidak perlu menjadi kumpulan pen-desak, sebaliknya kita perlu berganding bahu dengan parti induk. Dengan cara ini peranan Pemuda akan menjadi lebih berkesan," katanya.



# 10

## BSN KE ARAH MATLAMAT GEDUNG KEWANGAN

**B**ANK Simpanan Nasional (BSN) bercadang untuk menjadikan bank itu sebagai "pasaraya kewangan" yang mampu memberi perkhidmatan menyeluruh kepada orang ramai. Usaha ke arah itu sedang dilakukan sekarang demi kepentingan orang ramai, kata Pengerusinya, Datuk Haji Ahmad Zahid Hamid ketika ditemui di Menara BSN baru-baru ini.

Katanya, beliau juga bercadang untuk menukarkan keseluruhan sistem perbankan BSN sekarang kepada sistem yang sama tetapi tanpa faedah mengikut konsep perbankan Islam.

Zahid seterusnya menegaskan bahawa usaha ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Bagaimanapun tegasnya, sehingga ini BSN telah melancarkan tiga skim perbankan tanpa faedah iaitu Skim Simpanan AL-Wadiah, Skim Pelaburan AL-Mudharabah dan Skim Pembiayaan Harta Al-Bai Bithaman Ajil.



Beliau menjangka BSN akan dapat melaksanakan sistem perbankan tanpa faedah dengan sepenuhnya dalam waktu yang terdekat.

Dengan demikian beliau berharap BSN akan menjadi alternatif kepada umat Islam di Malaysia untuk mendapatkan kemudahan itu selain yang diwartakan oleh Bank Islam.

Kepada soalan Zahid menyatakan "Itulah visi saya, saya mahu menjadikan Kumpulan BSN sebagai sebuah pasaraya atau gedung kewangan yang serba lengkap dalam tempoh lima tahun akan datang,".

Apa pun tegasnya, bagi mencapai wawasan itu, Kumpulan BSN perlu melengkapkan diri untuk menawarkan semua jenis perkhidmatan yang ada kaitan dengan industri kewangan dan ia akan dilaksanakan melalui anak syarikat dan syarikat sekutu BSN.

Antara langkah yang telah diambil bagi menjayakan wawasan itu termasuk mempelbagaikan perkhidmatan perbankan BSN yang telah dimulakan sejak lima tahun lalu.

Selain itu katanya, BSN juga sudah mengambilalih 41.08 peratus ekuiti Bank Buruh (M) Berhad yang kini dikenali sebagai BSN Commercial Bank (M) Berhad. Perjanjian pemilikan ekuiti yang ditandatangani 8 Mei 1994 itu mencatat sejarah BSN sebagai bank simpanan terulung di negara ini memegang ekuiti terbesar dalam sebuah bank perdagangan.

Ia sekaligus menandakan bermulanya kegiatan BSN dalam aktiviti bank perdagangan menerusi bank berkenaan. "Kita kini sedang dalam perundingan untuk megambilalih sebuah syarikat kewangan tempatan untuk dijadikan sebagai anak syarikat yang akan dikenali sebagai BSN Kewangan Berhad. Ia bagi membolehkan Kumpulan BSN bergiat cergas pula dalam bidang kewangan selain perbankan.

Usaha seterusnya ialah perundingan juga sedang dijalankan untuk memiliki sebuah syarikat insurans yang akan dikenali sebagai BSN Insurans Berhad.

Zahid berkata, pemilikan syarikat insurans bagi membolehkan BSN menawarkan kemudahan perlindungan insurans kepada pelanggan terutamanya pendeposit dan peminjam. Selain itu katanya, BSN kini sedang menunggu kelulusan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan lesen bagi membolehkan pembukaan sebuah syarikat pembrokeran saham. Syarikat itu nanti bakal dikenali sebagai BSN Securities Berhad.

“Kita berharap kesemua usaha ini akan dapat dilaksanakan menjelang akhir tahun ini kerana ia adalah komponen penting untuk menjayakan wawasan menjadikan Kumpulan BSN sebagai “pasaraya kewangan”.

Sementara itu Datuk Zahid ketika ditanya tentang keuntungan BSN sejak beliau menerajui pentadbiran bank tersebut berkata, keuntungan BSN tahun 1995 meningkat lebih 100 peratus iaitu daripada RM47 juta pada 1994 kepada RM97 juta tahun 1995. Dan untuk empat bulan pertama tahun 1996 ini, BSN memperolehi keuntungan kasar sebanyak RM40 juta.

Dari segi nilai aset, BSN mencatat sebanyak RM6.07 bilion tahun 1995 berbanding RM5.08 bilion pada 1994. Jumlah simpanan BSN turut meningkat sebanyak RM5.3 bilion tahun 1995 berbanding RM4.8 bilion tahun 1994 dan ini menunjukkan peningkatan yang menggalakkan.

Peningkatan positif itu disebabkan BSN, mengamalkan dasar “aktiviti ekstrem” setelah mendapat kebenaran khusus daripada Kementerian Kewangan dan Bank Negara untuk mengurangkan jumlah dana yang dilaburkan dalam sekuriti kerajaan daripada 70

peratus kepada kurang daripada 50 peratus. Melalui pengurangan itu, BSN telah melaburkan wang tersebut di sektor pasaran saham dan pasaran kewangan.

## **ZAHID DARI KACA MATA PENULIS**

Melihat kepada laporan keuntungan yang dicapai oleh BSN pimpinan Datuk Ahmad Zahid ternyata tugasnya sebagai seorang Pengerusi amat mencabar. Calang-calang manusia yang dapat duduk di kerusi itu kerana pada masa yang sama Zahid juga orang politik tentunya sering mengangkat beliau untuk sentiasa berada di pejabat atau menghadiri mesyuarat, apalagi dia juga telah mempunyai keluarga.

Namun waktu yang terbatas itu tidak melalaikan beliau daripada menunaikan tanggungjawab sebagai suami juga bapa kepada lima orang anak di rumah. Dalam seminggu beliau meperuntukkan masa satu hari bermesra dengan isteri dan anak-anak, melakukan aktiviti bersama dan berbincang mengenai perkara-perkara rumah-tangga.

Zahid sebenarnya adalah seorang manusia yang bertanggung-jawab, menghormati orang tua dan rajin berusaha. Anak sulung daripada sembilan adik beradik itu, Zahid sentiasa menitikberatkan kebajikan kekuarganya sehinggalah sekarang.

Sifat pemimpin yang ada dalam diri Zahid itu membuatkan, bukan sahaja isteri, tetapi juga rakan-rakan tertarik dan menghormatinya. Ciri-ciri tanggungjawab yang ada dalam diri Zahid tentunya menarik perhatian isteri untuk terus memilikinya.

Sebaik sahaja Zahid tamat belajar di Universiti Malaya dan mendapat pekerjaan di BSN, Pada tahun 1977 Zahid mengambil keputusan mendirikan rumahtangga dengan seorang gadis bernama

Hamidah. Masa itu Zahid berusia 25 tahun dan Hamidah, dua tahun lebih muda daripada Zahid. Selepas mendapat anak pertama Hamidah terpaksa berhenti kerja di Suruhan Jaya Pilihanraya (SPR).

Menjalani kehidupan berumahtangga, tidaklah seindah yang disangkakan. Di awal perkahwinan Zahid dan Hamidah terpaksa berdepan dengan pelbagai masalah terutamanya dari segi kewangan. Walaupun sudah berumahtangga, namun tanggungjawab Zahid terhadap keluarga tidak pernah diabaikan. Dengan pendapatan yang tidak seberapa, Zahid terpaksa mengagih-agihkan wangnya untuk anak, isteri dan keluarga di kampung.

Keluarga ini sering sahaja keputusan wang waktu itu. Pernah terjadi satu ketika, untuk membayar sewa rumah dan kereta serta membeli susu anak pun, mereka tidak mencukupi wang. Tapi Zahid amat tabah orangnya. Pelbagai usaha yang dilakukan untuk menambahkan pendapatan keluarga termasuk menulis rencana di akhbar-akhbar dan menulis skrip drama radio dan bermacam-macam lagi.

Sikap gigih dan tidak pernah mengenal erti bosan untuk terus berusaha dan bagi saya Datuk Zahid adalah contoh model yang mengkagumkan bukan sahaja sebagai ketua dalam rumahtangga tetapi dalam keluarga di kedua belah pihak.

Dua tahun lamanya keluarga ini hidup dalam kesusahan dan sepanjang tempoh itu jugalah Zahid terpaksa kerja lebih keras dengan melakukan apa sahaja yang boleh mendatangkan sumber kewangan halal untuk menyara keluarga.

Satu sikap terpuji yang menjadi kebanggaan saya mengenai Datuk Zahid ialah, dalam apa juga hal, Datuk Zahid tidak pernah mengenyepikan isteri. Apa sahaja yang dilakukannya Datuk Zahid

akan meminta pendapat dan pandangan isteri terlebih dulu. Malah pembabitannya dalam dunia politik juga adalah hasil perbincangan mereka berdua.

Bagi Zahid juga tentulah isteri merupakan orang yang terdekat dan pertama yang harus tahu mengenai perkembangan seorang suami. Kerana itu, Zahid sering mengambil kira setiap komen dan pendapat isterinya.

Zahid sebenarnya seorang yang bersifat rasional. Jika ada sesuatu yang tidak kena, isterilah orang pertama yang akan menegurnya. Selalunya, Zahid akan menerima segala komen dan teguran itu sebagai satu yang membina.

Sesungguhnya kehidupan Zahid dan keluarganya mula berubah sebaik sahaja dia melibatkan diri secara serius dalam politik. Waktu itu Zahid menjadi Setiausaha Politik kepada Datuk Seri Najib Tun Razak yang ketika itu menjadi Menteri Belia dan Sukan.

Sebelum berjaya, banyak dugaan terpaksa Zahid tempuhi. Selain daripada surat-surat layang yang diterimanya, ada juga orang yang tidak dikenali menelefon dan menaburkan fitnah sehingga hampir-hampir menjejaskan kebahagiaan keluarga itu. Tetapi semuanya itu Zahid dan isteri menerima dugaan itu dengan tabah. Prinsip "mungkin ada hikmah di sebalik dugaan" membuatkan Zahid dan keluarga menerima keadaan dengan hati terbuka.

---

## PERAK RESTU SYED ABU HUSSIN

**P**ADA tahun pemilihan pucuk kepimpinan UMNO 1993, dua beradik ini mencipta sejarah apabila mereka pada persidangan peringkat bahagian Pemuda, buat pertama kalinya terpilih menerajui pucuk kepimpinan Pemuda bahagian masing-masing.

Dua beradik yang dimaksudkan itu ialah Dr Said Abu Hassan Said Abu Fazal (Bahagian Taiping) dan adiknya, Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abd. Fazal, 35, menang Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bukit Gantang.

Tetapi pada pemilihan bahagian 1995, Dr Said Abu Hassan kecundang tetapi adiknya Syed Abu Hussin Hafiz kekal menerajui kepimpinan Pemuda Bahagian Bukit Gantang.

Dan pada pemilihan pucuk kepimpinan Pemuda peringkat pusat musim ini, Said Abu Hassan mendaftar untuk bertanding kerusi Naib Ketua Pemuda, manakala Syed Abu Hussin sekadar bertanding kerusi Exco.

Sebenarnya pada pemilihan 1993, Syed Abu Hussin turut mendaftar bertanding kerusi Exco tetapi menarik diri untuk memberi laluan kepada abangnya yang pada masa itu bertanding kerusi Exco.

Syed Abu Hussin selaku bekas Pengarah Biro Tata Negara (BTN) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Cawangan Perak tentunya mempunyai sebab tersendiri mengapa beliau buat kali pertamanya menawar diri bertanding kerusi Exco pergerakan tersebut Oktober ini.

Beliau yang juga Bendahari Pergerakan Pemuda UMNO Negeri itu adalah di antara empat tokoh Pemuda Perak yang direstui Badan Perhubungan UMNO Negeri pimpinan Tan Sri Ramli Ngah Talib untuk bertanding kerusi Exco Pemuda musim ini.

Tiga tokoh lain ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lubuk Merbau, Jamal Nasir Rasdi yang juga Ketua Pemuda Chenderoh, ADUN Manjoi, Nazri Ismail yang juga Ketua Pemuda Tambun dan Ketua Pemuda Teluk Intan, Zulkifli Alwi yang juga Setiausaha Akhbar Menteri Pendidikan Datuk Najib Tun Razak.

Syed Abu Hussin yang telah dua penggal memimpin Pemuda UMNO Bahagian Bukit Gantang adalah seorang tokoh korporat berjaya dan pelatih BTN ketika ditemui menegaskan bahawa di atas alasan itu dia melihat bahawa beliau boleh memberi banyak sumbangan dari pengalaman latihan yang ada padanya untuk melatih dan membimbing Pemuda kerana di akhir-akhir ini dari segi latihan beliau menyifatkan amat kurang.

Justeru itu dalam menghadapi dan menangani masalah ancaman dan masa depan Pemuda, latihan adalah yang penting untuk generasi muda baik dari segi latihan untuk kemahiran mana-mana bidang untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi yang ada yang

dirasakan orang Melayu banyak yang ketinggalan. "Jika kita melihat di luar bandar amat menyedihkan termasuklah Pemuda di semua peringkat masih jauh ketinggalan ke belakang," ujar beliau.

Jadi menurutnya, jika diberi peluang, beliau mahu melatih pemuda agar boleh berfikir tentang politik dengan matang. "Inilah pada saya yang paling penting selain daripada kita memberi pendedahan kepada mereka supaya berdikari dalam bidang ekonomi."

Harapan Syed Abu Hussin kepada para perwakilan pemuda nanti ialah beliau merasakan setiap perwakilan kenalah berfikir secara matang, menilai dan melihat calon-calon yang bertanding bukan kepada sentimen kenegerian, bukan kepada sentimen kenalan dan yang paling penting bukan kerana wang.

"Sebab saya rasa dalam Pemuda sekarang ini, bukan sahaja dalam pemuda tetapi mentaliti kita sekarang ini ialah kita memikirkan tentang reward. Apa yang kita boleh dapat dalam jangka masa yang pendek. Ini sangat bahaya kerana dalam pemuda kesinambungan dan kesan jangka panjang adalah yang paling penting.

"Sekurang-kurangnya kita mengenali latar belakang seseorang pemimpin serta sumbangan yang kita boleh harapkan. Lebih penting lagi kalau kita boleh melihat apakah sumbangan di bahagian yang telah dibuat,".

Syed Abu Hussin berkata di bahagiannya (Bukit Gantang), ketika mula-mula beliau menjadi Ketua Pemuda pada tahun 1993, beliau menghantar ahli pergerakan pemudanya berkursus.

"Saya betulkan lagi arah panduannya apakah matlamat perjuangan UMNO sebenarnya kerana zaman pemuda ke belakangan ini,



dia masuk UMNO isi borang sahaja, tak baca pun perlembagaan, tak menghayati betul-betul sejarah perjuangan.”

“Sekarang ini ramai pemuda lahir selepas tahun 1957, tidak ramai yang benar-benar menghayati... kalau ini tak ada, nampaklah pemuda sekarang masuk UMNO kerana pandang kepada material sahaja. Jadi semangat kesetiaan kepada UMNO ini boleh berbelah bahagi bila ada rintangan, cabaran dan sebagainya”.

Syed Abu Hussin berkata, beliau juga cuba mengukuhkan ekonomi ahli-ahli dan beliau telah berusaha secara kecilan dengan memberikan sesuatu kepada ahli seperti mesen rumput, mesen gaji dan dengan itu mereka boleh mengambil upah.

Yang paling besar yang telah beliau lakukan di Bukit Gantang sekarang ialah memulihkan kawasan bendang terbiar supaya ditanam dengan padi. “Insya-Allah kita akan beli jentani, trektor untuk ambilupah dan apabila berkembang nanti kita akan beli jenuai (mesin besar).

“Insyaallah jika saya terpilih menduduki salah satu kerusi Exco Pemuda nanti saya akan bawa idea saya ini ke pusat untuk dilaksanakan pula di bahagian-bahagian Pemuda lain di seluruh negara,” tegasnya.

---

## Benteras Segera Bahaya Samseng Dalam Parti DR. ALIAS MOHAMED

**D**r. Alias Mohamed bukan orang baru dalam politik. Tetapi namanya tidak begitu menonjol, lantaran peranannya 'di balik tabir'. Bekas pensyarah di Universiti Malaya dalam bidang perkembangan politik di Malaysia dan tokoh korporat ini juga seorang penulis yang prolifik dan telah menghasilkan kira-kira 20 buah buku. Beliau yang juga bekas guru, wartawan, diplomat (Kedutaan Malaysia Di Ottawa, Kanada) adalah bekas Setiausaha Akhbar Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Ghafar Baba. Jika dilihat kepada kariernya dalam politik, beliau tidak menjawat jawatan tinggi seperti Ketua Bahagian ataupun Ketua Pemuda tetapi beliau kini sekadar Ketua Penerangan UMNO Cawangan Kebun Bunga Bahagian Segambut, Wilayah Persekutuan. Pun begitu beliau telah dicalonkan untuk bertanding salah seorang Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada pemilihan musim 1996 ini. Mengapa beliau meneruskan hasratnya untuk bertanding dan apakah visinya jika terpilih nanti? Ikutilah Wawancara khas dengan Dr Alias - **Pengarang.**

**SOALAN:** Apakah alasan Dr. menawarkan diri bertanding sebagai salah seorang Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO?

**DR ALIAS:** Saya sudah lama berada dalam UMNO iaitu sejak 1976. Bermula di Kelantan dan kini Wilayah Persekutuan. Sebab saya bertanding ahli MT juga berasaskan kepada dorongan dari pencapaian dan kejayaan teman-teman dalam UMNO seperti Pengerusi KUB Harun Hassan, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan Ketua Pergerakan Pemuda Tan Sri Rahim Thamby Chik dan ramai lagi pemimpin tertinggi parti hari ini yang juga merupakan sahabat saya sewaktu di universiti dulu, sesetengahnya pula adalah penuntut saya ketika saya menjadi pensyarah di mana saya banyak memberi syarahan tentang organisasi politik, sedangkan saya tidak berpeluang untuk mengamalkannya.

Kemasukan saya dalam senarai calon Ahli MT UMNO hari ini juga dianggap sebagai melintasi nilai-nilai yang diperlukan oleh UMNO untuk mencapai Wawasan 2020 dan saya berpendapat kriteria atau ukuran untuk menjadi pemimpin itu mungkin sedikit sebanyak ada kepada saya.

Pada tahun 60-an lagi saya banyak menolong tokoh-tokoh tertentu melalui media massa. Justeru saya mempunyai advantage dari hubungan saya dengan pemimpin UMNO hari ini kerana saya boleh berjumpa dengan mereka terus menerus terutama sekali beberapa pemimpin tertinggi parti. Dan jika saya terpilih sebagai salah seorang ahli MT, maka mudahlah saya berhubung dengan pemimpin-pemimpin untuk membincangkan masalah yang dibincangkan dalam MT.

Tidak ada lain niat saya kecuali untuk melengkapi cita-cita UMNO yang dimainkan oleh pemimpin kita hari ini supaya UMNO bukan sahaja berkuantiti tetapi juga berkualiti.

**SOALAN :** Apakah harapan Dr. kepada para perwakilan nanti?

**DR ALIAS:** Saya menganggap ahli yang terpilih sebagai perwakilan nanti adalah seorang ahli matang kerana mereka sendiri boleh menilai dan ramai di antara mereka ini berkelulusan tinggi, sesetengahnya pula lepasan universiti.

Jadi harap perwakilan sedar bahawa kemasukan saya sebagai calon MT akan membawa manfaat kepada UMNO seperti mana mereka pada masa hadapan juga akan mengambil jalan seperti saya iaitu akan menceburkan diri, sama ada pemimpin yang ada sekarang bersara ataupun memberi jalan kepada pemimpin muda. Jadi mereka juga akan berpendapat seperti saya bahawa masanya sudah tiba untuk mereka yang berpelajaran dan berpengalaman mengambilalih dari pucuk kepimpinan yang ada hari ini. Kebanyakan pemimpin hari ini majoriti usianya dalam lingkungan umur 40-an dan sedikit 50-an.

**SOALAN: Apa pandangan Dr tentang politik wang...?**

**DR ALIAS:** Politik wang tidak boleh dihapuskan sebab negara kita semakin maju. Sebagaimana diakui oleh Perdana Menteri sendiri bahawa untuk menghapusnya memang sukar tetapi untuk menghalang boleh dilakukan, tetapi cara menghalang itu hendaklah berkesan dan caranya ialah mengenakan hukuman yang berat, baru boleh berkesan. Jika tidak berkesan maka politik wang akan menjelma dengan pelbagai cara.

**SOALAN: Pada pandangan Dr, gabungan pemimpin bagaimana yang perlu duduk pada kerusi MT musim ini?**

**DR ALIAS:** Apa yang saya fikir penting sekarang ini ialah nilai atau value system dalam masyarakat Melayu tidak mahu berubah dan tidak pula ada para pemimpin di peringkat atas mahu menaja perubahan seperti Ahli MT, maka apapun yang dibuat oleh MT tidak akan sampai ke bawah. Ertinya nilai-nilai yang ditaja dan diserapkan ke dalam UMNO itu hanyalah menjadi kosmetik sahaja dan ia tidak diikuti oleh semua pihak, nilai itu tidak diserapkan ke seluruh akar umbi masyarakat Melayu.

Jadi nilai-nilai ini selain ia ditaja oleh pucuk pimpinan tertinggi ia juga hendaklah ditaja di peringkat bawah, bukan sahaja dalam parti bahkan dalam segenap pertubuhan yang ada kaitan dengan kepentingan orang Melayu termasuk dalam korporat dan badan-badan agama, tentera, polis dan dalam birokrasi kerajaan, sistem kehakiman.

Sebab jika sekiranya pihak-pihak ini tidak menaja nilai-nilai seperti ini betapa baik Ahli-Ahli MT sekalipun, mereka tidak akan dapat mencapai matlamat untuk mewujudkan nilai-nilai yang baik.

**SOALAN: Bagaimana pula bentuk pemimpin tahun 2000 atau 2020?**

**DR ALIAS:** Ukuran yang pertama sekali ialah bukan pemimpin yang diangkat dari bawah sahaja tetapi pemimpin yang diangkat dari atas juga. Sebab pemimpin yang diangkat dari bawah itu boleh jadi kebanyakannya ada yang berlaku sekarang ini, apabila satu peringkat mereka dapati tidak menepati ukuran yang diperlukan oleh orang Melayu atau UMNO, kebanyakannya terlibat dalam banyak masalah, walaupun kerajaan kata mereka tiada bukti tetapi percakapan di kalangan rakyat merosakkan imej parti.

Perkara ini boleh dielak jika pemimpin itu sendiri memang tidak terlibat. Tetapi kalau dia terlibat walaupun sedikit dan ia menjadi bahan, ia akan menjejaskan imej parti. Jadi yang penting sekali ialah pemimpin sendiri hendaklah menaja pemimpin-pemimpin dari bawah dan juga dari atas dengan menyesuaikan dengan acuan kepimpinan yang diperlukan. Kalau pemimpin kebangsaan sendiri tidak ada satu acuan khas bagaimana bentuk pemimpin yang bagaimana yang mereka mahu, ia akan menyebabkan ahli-ahli di bawah akan mengangkat pemimpin yang palsu.

Sebab di bawah peluang untuk menilai kepimpinan seseorang amat kecil sekali dan mereka biasanya dinilai dari segi berapa kerat mereka berhubung dengan rakyat walaupun mereka ini mungkin

bukan pemimpin yang baik dan mungkin juga kerana mereka ini menunjukkan kemahiran mereka berhubung kait dengan rakyat tetapi ada teman-teman tertentu yang apabila sampai di satu peringkat dalam kepimpinan apabila ia naik ia akan tersekat kerana ada nilai-nilai yang tidak baik tersembunyi sewaktu dia memimpin di peringkat bawah. Jadi pemimpin pada masa hadapan pada fikiran saya ialah pemimpin bukan yang kaya tetapi yang jujur, mestilah memegang satu-satu jawatan bukan kerana kepentingan peribadi tetapi untuk berkhidmat kepada orang Melayu.

Sekarang ini terlampau ramai para pemimpin Melayu mengatakan mereka berkhidmat kepada orang Melayu tetapi didapati sebenarnya mereka hendak mengekalkan kedudukan mereka dan kepentingan mereka, sebab itu berlaku perbalahan dalam parti. Jika mereka jujur, kalau sampai masa, mereka boleh berundur secara sendiri, tidak perlu mempertahankan jawatan dengan menggunakan wang, jentera machinery dan sebagainya.

**SOALAN: Apakah visi Dr nanti?**

**DR ALIAS:** Visi saya ialah untuk mewujudkan satu nilai dalam pimpinan UMNO dan nilai seharusnya dengan pandangan dan sikap kita ketika kita mengutarakan pendapat pada MT. Jadi jika MT dipenuhi dengan para pemimpin yang mempunyai idea-idea yang baik bukan sahaja kerana pengalaman dan kelayakan mereka, maka dengan sendirinya pimpinan UMNO akan dapat menggarap satu visi untuk masa depan parti. Jadi kehadiran saya jika saya menang nanti, saya akan memberi sumbangan idea kepada parti dengan mencadangkan cadangan-cadangan yang saya fikir boleh diterima oleh Majlis Tertinggi.

**SOALAN: Apa pandangan Dr tentang rancangan meningkatkan penyertaan Bumiputra dalam program perindustrian negara?**

**DR ALIAS :** Bumiputra yang ada sedikit pengalaman dan kelayakan dalam perniagaan yang bergabung dengan syarikat awam yang disenaraikan hendaklah diberi galakan menyertai projek-projek penswastaan. Bumiputra seperti ini hendaklah diasuh dan dididik supaya mengekalkan ekuti yang diberi kepadanya dalam syarikat gabungan dengan syarikat awam bagi projek berkeuntungan supaya dia dapat mengumpul kemahiran dan kecekapan secara perlahan-lahan.

Sejak ke belakangan ini, ramai bumiputra yang dikenali tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman tetapi hanya mempunyai "connection" dengan pemimpin-pemimpin tertinggi, diberi peluang mendapat projek-projek penswastaan yang dicadangkan secara usaha-sahama dengan syarikat bukan Bumiputra yang terkenal. Satu peningkatan atau shift daripada bumiputra kategori ini kepada bumiputra yang mempunyai sedikit kemahiran dan pengalaman perlu dipercepatkan supaya menjelang tahun 2020, bilangan bumiputra yang berkualiti dapat menyertai semua bidang perusahaan.

**SOALAN: Mengenai tanah-tanah yang diberi hak milik kepada bumiputra...**

**DR ALIAS:** Tanah-tanah kerajaan yang diberi hak milik kepada bumiputra untuk dimajukan hendaklah dimonitor supaya hak milik mereka tidak bertukar tangan 100% akibat penjualan tanah tersebut kepada syarikat bukan bumiputra. Perlu ditubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Tanah di peringkat negeri supaya semua Pejabat Tanah dalam negeri itu dapat berfungsi sebagai pembekal maklumat kepada Jawatankuasa Bertindak Kemajuan Pembangunan Tanah Negeri (JKBKTN). Dan JKBKTN bertanggungjawab melaporkan semua pemberian tanah kepada Majlis Tanah Negara (MTN). Oleh kerana masalah tanah adalah masalah yang sensitif maka di Peringkat Tertinggi UMNO perlu ada peranan untuk mengetahui perkembangan pemindahan hak milik tanah pada setiap bulan. Sistem pengaliran maklumat ini hendaklah diwujudkan-

kan atas alasan kepartian sekiranya terdapat kesukaran untuk mengalirkan maklumat kerana alasan bahawa kuasa mengenai tanah berada dalam Perlembagaan Negeri dan berlaku keengganan negeri untuk berkongsi dengan kuasa Persekutuan.

Tanah-Tanah Simpanan Melayu (Malay Reserve) yang diambil oleh kerajaan negeri untuk sebarang projek pembangunan ataupun infrastruktur hendaklah diganti serta merta. JKBKTN hendaklah sekali lagi memainkan peranan di sini.

Agensi-agensi kerajaan yang berkait dengan pembangunan tanah hendaklah diperbesarkan peranan dan aktiviti mereka supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam tanah-tanah kerajaan negeri yang dipindah milik kepada syarikat bumiputra untuk dimajukan.

Dan dengan ini dapat mengelak daripada penglibatan secara total syarikat-syarikat bukan bumiputra dalam memajukan tanah yang diberi hak milik kepada bumiputra. Cara ini juga dapat mengelakkan syarikat-syarikat bumiputra daripada menjual sebahagian besar daripada tanah mereka yang diperolehi daripada kerajaan kepada syarikat bukan bumiputra.

**SOALAN:** Bagaimana pendapat Dr tentang budaya samseng dalam UMNO di mana hal ini pernah berlaku pada pemilihan 1995?

**DR ALIAS:** Dari pengalaman saya, memang ada budaya samseng dan ugutan dalam UMNO. Pernah berlaku calon yang hendak bertanding diminta berjumpa dengan orang-orang tertentu dan mereka diancam supaya menarik diri dengan memberi upah. Orang-orang yang membuat ancaman seperti ini ialah yang berkedudukan dalam parti dan dianggap berpengaruh. Masalahnya sekarang ini ada pemimpin kita sendiri yang kadang kala diketahui ada hubungan dengan orang yang bersikap samseng ini. Mereka juga bergantung kepada orang seperti ini untuk mendapat pengaruh. Jadi saya rasa parti hendaklah tegas, sesiapaapun yang menjadi



anggota hendaklah bercakap terus terang dan mana-mana ketua-ketua bahagian yang melindungi samseng-samseng ini memang diketahui hendaklah diambil tindakan atau disiasat. Soalnya siapa yang hendak menyiasat.

### **SOALAN: Pihak mana yang perlu menyiasat?**

**DR ALIAS:** Bahagian-bahagian sendiri membuat laporan dan laporan hendaklah dihantar kepada Badan Perhubungan Negeri. Perhubungan sendiri hendaklah menghantarnya kepada Presiden parti. Sekiranya didapati laporan-laporan ini tidak tepat, maka Presiden dan Timbalan Presiden parti melantik agensi-agensi lain seperti Jabatan Penerangan Bahagian Perang Saraf dan dalam MT ditubuhkan satu biro dengan melantik jawatankuasa khas untuk membersihkan bahagian-bahagian daripada unsur-unsur samseng. Kita patut menbenteras masalah ini dan kalau tidak maka orang yang layak memimpin parti disekat dan tidak diberi peluang.

Di sini saya hendak menambah bahawa dalam sejarah UMNO tidak pernah berlaku ancaman kepada Presiden lebih nyata daripada hari ini. Dan ini ialah kerana ada pihak-pihak yang menaja pihak lain untuk menentang Presiden parti. Bukan kerana Presiden parti tidak baik, tetapi kerana ada orang lain yang mereka ingin menaja sebab orang lain ini mungkin lebih akrab dengan mereka. Jadi orang-orang yang berani untuk menukar Presiden sebelum tempohnya ialah mereka yang mempunyai wang dan kedudukan dalam parti.

Jadi ini juga satu daripada elemen budaya samseng yang wujud dalam parti yang tidak peduli sama ada orang itu boleh memimpin atau tidak, tetapi mereka hanya melihat golongan mereka sahaja.

Dan budaya seperti ini tidak mendatangkan faedah jangka panjang kepada UMNO. Sebab PM kita boleh memimpin untuk beberapa tahun akan datang sehingga parti menunjukkan tanda-tanda Perdana Menteri tidak lagi mampu untuk memimpin negara, tetapi daripada penglihatan saya, untuk selama 10 tahun lagi pun sukar

untuk mencari seorang pemimpin yang berkebolehan seperti Dr Mahathir. Yang penting sekarang ini ialah orang-orang yang berada di bawah tangga Presiden itu hendaklah melengkapkan diri apabila tiba waktu, maka mereka bolehlah mengambilalih. Dan para penyokong golongan ini tidak perlu mengangkat atau memaksa tokoh mereka mengambilalih jawatan Presiden sebelum daripada tempoh. Sebab jika ini berlaku, pertama UMNO akan pecah, keduanya, pemimpin yang mereka angkat ini, akan diangkat pada satu masa kelak sebagai palsu. Jadi mereka juga akan dijatuhkan oleh orang lain.

**SOALAN:** Apakah ada usaha-usaha ke arah itu pada pandangan Dr?

**DR ALIAS:** Usaha ke arah itu dilihat dari segi persetujuan UMNO untuk tidak menandingi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Yang penting dalam UMNO jawatan Presiden tidak ditandingi, itu sahaja. Tak timbul soal jawatan-jawatan lain.

**SOALAN:** Apa pandangan Dr. tentang penyertaan Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam UMNO?

**DR ALIAS:** Hasrat Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah menyertai semula UMNO bermula sebelum menjelangnya pilihan raya umum 1995 lalu. Sebelum pilihan raya umum 1995 itu saya pernah bertanya kepada Tengku Razaleigh sama ada hendak masuk sekarang (1995) atau selepas pilihan raya.

Kata Tengku Razaleigh beliau (Tengku Razaleigh) tidak mahu masuk UMNO sebelum pilihanraya 1995. Alasannya ialah kerana partinya (S46) kuat. Jadi dia (Tengku Razaleigh) kata, mungkin selepas pilihan raya 1995 dia akan bincang dengan pemimpin tertinggi UMNO. Kini saya bersyukur kerana selepas pilihan raya 1995, segala apa yang Tengku Razaleigh memberitahunya dulu

kini bakal menjadi kenyataan. Saya juga telah mengutus surat kepada Tengku Razaleigh supaya masuk UMNO secepat mungkin dengan harapan dia (Tengku Razaleigh) boleh memberi sumbangan bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang sahabat Perdana Menteri yang lama.

---

## Pemilihan: Jangan “Gelap Mata”

### RUSLAN KASSIM

**P**ERTEMBUNGAN enam penjurong bagi merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada pemilihan Oktober 1996, merupakan suatu proses untuk membolehkan perwakilan Pemuda membuat pemilihan.

Mereka yang mengesahkan bertanding kali ini ialah penyandang jawatan Tan Sri Rahim Thamby Chik, Ketua Penerangan Pemuda, Datuk Haji Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Haji Annuar Musa, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd. Isa Samad, Abdul Rahman Mat Salleh dan Abdul Rauf Jamal.

Exco pergerakan tersebut, Ruslan Kassim yang juga Ketua Pemuda UMNO Negeri Sembilan ketika diminta mengulas mengenai pertandingan enam penjurong itu berharap setiap perwakilan tidak mudah “gelap mata” dalam membuat pilihan.

Ruslan yang digelar *'ustaz'* turut mengesahkan untuk mempertahankan jawatan Exco pada pemilihan kali ini demi meneruskan kesinambungan pergerakan tersebut, yakin para perwakilan cukup matang membuat pilihan.

"Pilihlah calon yang boleh bekerja untuk parti, rakyat dan negara. Semestinya calon pemimpin hendaklah tokoh yang berkualiti, berkarisma dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang boleh menjadi pemangkin kepada Pergerakan Pemuda," ujarnya.

Ruslan menambah beliau sekali lagi bertanding jawatan Exco untuk meneruskan kerja-kerja (program) yang belum selesai, antaranya ialah program-program besar yang telah dirancang sebelum ini yang belum sempat dilaksanakan kerana masalah kepimpinan yang melanda Pergerakan Pemuda selama kira-kira 14 bulan.

"Jadi kita terlalu banyak membuang masa untuk menyelesaikan masalah kepimpinan sehingga ada Pemuda peringkat bahagian merasakan Pergerakan Pemuda tidak wujud kerana mereka tidak merasai kehadiran pemimpin-pemimpin mereka ke bahagian-bahagian.

"Kita tidak boleh disalahkan pemimpin bahagian oleh kerana keadaan pada waktu itu yang telah memaksa tumpuan diberikan lebih sedikit bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pemimpin Pemuda,".

Faktor kedua menyebabkan Ruslan mempertahankan jawatan Exco Pemuda kerana beliau merasakan bahawa inilah kali pertama beliau menyertai Exco Pemuda dan dalam masa yang singkat itu pula dia menjawat dua jawatan.

Tan Sri Abdul Rahim telah melantik beliau sebagai Pengerusi Biro Latihan dan banyak program telah disediakan termasuk program khusus kepimpinan khas untuk Pemuda peringkat bahagian di seluruh Malaysia.

“Ketika saya menjalankan tugas sewaktu Datuk Nazri Aziz memangku jawatan Ketua Pemuda, sambutan ketika itu, ada negeri baik dan ada negeri tak berapa baik sebab ketika itu telah memuncak isu Tan Sri Rahim.

“Saya sempat juga melalui Biro Latihan menganjur forum membicarakan isu-isu semasa politik tanah air. Kita hanya sempat mengadakannya di beberapa bahagian sahaja iaitu di Perlis, Pahang dan Johor.

“Kita juga tidak boleh buat semua program yang dirancang kerana ketika itu berlaku pula pilihan raya umum iaitu pada 24 dan 25 April 1995. Bila pilihan raya kita (Pemuda) lebih banyak menumpukan masa kepada kempen di bahagian-bahagian memastikan calon Pemuda menang pilihan raya”.

Katanya, selesai pilihan raya, Pemuda dan parti menghadapi pula proses pemilihan pemimpin di peringkat bahagian 1995. Ketika itu Nazri telah mengarahkan semua bahagian Pemuda supaya menggantung atau membekukan sebarang program untuk mengelak salahguna kuasa seperti politik wang dan kempen yang berlebih-lebihan.

Jadi tegasnya, segala program yang dirancang tidak boleh buat walaupun beliau telah merancang banyak program.

Ruslan menjelaskan sebaik sahaja Nazri memangku jawatan Ketua Pemuda, dia ditukarkan kepada Pengerusi Biro Belia dan Siswazah dengan menyusun beberapa program termasuk men-

adakan ceramah dan dialog dengan Kelab-Kelab UMNO di luar negeri.

“Dan baru-baru ini saya fikir program yang paling besar yang telah dilaksanakan ialah Konvensyen Kepimpinan Generasi Muda Malaysia yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melibatkan 1,600 peserta.

Dalam hubungan ini Ruslan juga menjadi Exco Majlis Belia Malaysia (MBM) jadi beliau fikir ada ruang untuk bekerjasama di antara MBM dengan Pemuda UMNO.

Justeru itu katanya, banyak program yang perlu beliau lakukan, “Inshaallah kalau perwakilan Pemuda sekali lagi memberi mandat kepada saya, saya akan meneruskan agenda perjuangan Pergerakan Pemuda.”

---

## PADAH TERLALU PENTING KOMERSIAL

**H**ARAPAN Kementerian Belia dan Sukan terhadap generasi muda masa kini dan akan datang sangat besar dalam memastikan terangkatnya martabat agama, bangsa dan negara.

Justeru itu Jabatan Belia dan Sukan Sabah 27 Jun lalu menganjurkan Konvensyen Pimpinan Perdana peringkat negeri itu di Dewan Serbaguna KWSP Kota Kinabalu.

Konvensyen bertemakan "Isu dan Cabaran Pimpinan Belia" itu dihadiri lebih 300 orang yang terdiri daripada belia dan NGO, pertubuhan politik serta para pelajar pusat-pusat pengajian tinggi seluruh Sabah. Ia dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin. Turut diadakan pada konvensyen tersebut ialah majlis forum yang mendapat sambutan hangat daripada para peserta.



Antara ahli penal majlis forum tersebut termasuk Exco Majlis Belia Malaysia, Ruslan Haji Kassim yang juga Exco Pergerakan Pemuda UMNO dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Shafie Afdhal. Ruslan ketika berucap menegaskan bahawa kegemilangan masa depan dan kesinambungan kecemerlangan bangsa dan negara yang telah dilandaskan oleh pemimpin besar negara, sesungguhnya bergantung kepada kualiti kepimpinan yang ada pada pemimpin-pemimpin mudanya hari ini sambil menyingkap kata-kata Imam Al-Ghazali: "Bagaimana keadaan pemudanya hari ini, begitulah corak masyarakatnya di masa depan."

Justeru katanya, negara memerlukan pemimpin muda yang berkualiti cemerlang agar berupaya mempertahankan dan melanjutkan fenomena kecemerlangan yang sedang dibina pemimpin masa kini.

Menurutnya, masalah peribadi, masalah siapa dulu siapa kemudian, siapa naik, siapa turun adalah perkara yang kecil. Tetapi apa yang penting ialah tumpuan dan perhatian serta tenaga kepada perjuangan untuk mengangkat martabat generasi muda bagi menjayakan cita-cita agama, bangsa dan negara.

Ruslan menyatakan generasi muda jangan sekali-kali terus khayal dan selesa tanpa usaha dan terikat dalam kepompong malas dengan menyangka kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi cukup baik yang berkekalan. Kekal atau tidak kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi hanya bergantung kepada kesedaran dan tanggungjawab untuk terus berusaha memajukan diri.

Katanya, adalah penting generasi muda mempunyai kepimpinan yang ideal dengan zamannya. Ini perlu kerana kepimpinan serta aspirasi sesuatu generasi hanya akan dapat difahami oleh generasi itu sahaja. Beliau juga menyatakan bahawa minat golongan muda terhadap kerja-kerja sukarela dan masyarakat semakin berkurangan

pada masa kini. Ini mungkin golongan muda mempunyai minat di bidang lain yang lebih glamour dan menganggap kerja-kerja sukarela sebagai tidak penting atau mungkin "budaya komersial" telah menguasai kehidupan masyarakat sehinggakan jika tidak ada upah atau diupah menyebabkan kerja dan aktiviti tidak dapat dilaksanakan.

Malah apa sahaja aktiviti sosial, agama, sukan dan sebagainya sudah dikomersialkan. Inilah sindrom baru yang kita hadapi sekarang, mengadakan kursus komersial, pendakwah komersial, ahli sukan komersial dan artis komersial, perkahwinan komersial, isteri komersial, dapat anak pun komersial.

Ruslan kemudian mengingatkan bahawa segala tindakan yang dilakukan pada masa kini akan mencorakkan keadaan akan datang. Ini bermakna segala apa yang kita lakukan sekarang akan menjadi asas membentuk keadaan yang akan diwarisi oleh generasi akan datang.

Memandangkan keadaan yang mungkin berlaku pada masa akan datang, beliau berharap dapat bertindak dengan lebih bertanggungjawab dengan sikap yang lebih positif.

Mengkritik memang penting, tetapi mengkritik serta mengeluarkan suara yang lantang sahaja tidak bermakna sudah menjalankan tugas dan tanggungjawab. "Kita harus memainkan peranan yang boleh mendatangkan hasil bagi mengisi cita-cita dan idealisme perjuangan belia,".

Menurut Ruslan, Malaysia akan memasuki abad ke-21 dengan disertai peralihan generasi iaitu generasi terdahulu yang lahir sebelum merdeka memperlihatkan kesediaan untuk melepaskan peranan kepada generasi muda yang lahir di awal kemerdekaan untuk meneruskan cita-cita dan kesinambungan perjuangan bagi merealisasikan wawasan 2020.

Oleh yang demikian generasi muda harus bersedia mempersiapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran baru abad ke-21. Masanya akan tiba bagi generasi muda mengambil posisi penting yang akan diwarisi dari generasi terdahulu. "Kita memerlukan pimpinan muda yang berkualiti dan mempunyai persefahaman yang tinggi dengan pemimpin terdahulu agar proses generasi berjalan lancar. Mahu tidak mahu generasi muda kini dalam proses penantian dan penggantian yang akan mengambil peranan dan tanggungjawab dalam politik, ekonomi, sosial, dan sebagainya."

Beliau menegaskan bahawa betapa pentingnya generasi muda belajar dari sejarah bangsa, kemerdekaan dan demokrasi di samping bersedia memainkan peranan dan tanggungjawab membangunkan bangsa dan negara serta kemampuan menyuarakan aspirasi perjuangan rakyat serta meningkatkan semangat nasionalisme dan patriotsme dan mampu memikirkan persoalan bagaimana membangunkan bangsa di era persaingan global dunia sekarang dan masa depan.

Jika ini berlaku proses regenerasi tidak akan mengalami masalah dan peralihan kepimpinan berjalan dengan penuh harmoni dan bijaksana. Katanya, era globalisasi dikaitkan dengan kehidupan generasi muda yang mengalami perubahan dan gaya hidup moden iaitu gaya hidup global dan bergaya seperti masyarakat maju di Barat. Mereka hidup secara liberal, seks bebas dan kebebasan yang tercabut dari akar umbi nilai-nilai etika dan moral.

Masyarakat sering menyalahkan globalisasi sebagai penyebab keruntuhan moral dan akhlak. Apapun tanggapan globalisasi tetap berlaku dan akan menguasai seluruh kehidupan manusia.

Sebenarnya kata Ruslan, keruntuhan moral dan akhlak generasi muda harus dilihat bukan kerana faktor globalisasi tetapi lebih disebabkan kelunturan nilai-nilai agama.

Oleh itu tegasnya, adalah penting untuk menanamkan nilai-nilai agama semenjak kanak-kanak hingga mereka matang agar kelak dapat membeza mana yang benar dan mana yang salah.



---

**MELINTASI ERA PERUBAHAN PESAT**

**K**onvensyen Kepimpinan Generasi Muda SeMalaysia Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia selesai diadakan pada 6 dan 7 April lalu di Dewan Tun Hussien Onn, PWTC. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. Untuk mengetahui tujuan sebenar konvensyen dan apa pula resolusinya, ikuti penjelasan EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Ruslan Haji kassim yang juga Pengerusi Konvensyen merangkap Pengerusi Biro Belia dan Siswazah Pergerakan tersebut kepada penulis - **Pengarang**.

Soalan : **Apakah tema konvensyen dua hari itu?**

**RUSLAN** : Temanya ialah "Generasi Muda Pendokong Dan Penggerak Wawasan Negara.

Soalan: **Mengapa tema tersebut menjadi pilihan?**

**RUSLAN :** Sebagai generasi muda yang prihatin, Biro Belia dan Siswazah Pengerakan Pemuda UMNO Malaysia merasa ter-panggil untuk turut membicarakan persoalan masa depan ummah dan negara. Kami sedar dan insaf bahawa umat Melayu kini sedang melintasi era perubahan yang serba pesat dan penuh kejutan. Sebab itu tema tersebut menjadi pilihan kami untuk konvensyen dua hari itu.

Soalan : **Apakah tujuan sebenar konvensyen tersebut?**

**RUSLAN :** Tujuannya ialah untuk menyediakan suatu forum keilmuan bagi membiasakan para pemimpin generasi muda sege-nap peringkat berbincang dan berdialog secara serius, terbuka dan berteraskan budaya ilmu mengenai isu-isu besar, terutamanya senario negara pada abad ke-21, senario kepimpinan cemerlang dan senario ummah gemilang pada tahun 2020 dalam konteks realiti nasional dan sejagat.

Soalan: **Apa pula bentuk kepimpinan Melayu menjelang abad ke-21?**

**RUSLAN :** Kepimpinan Melayu menjelang abad ke-21 adalah kepimpinan penterjemah wawasan negara. Dengan demikian mereka harus cukup mampu mempersiapkan jiwa dan minda umat untuk memasuki era baru, era kecanggihan sains dan teknologi, era perindustrian, globalisasi, ledakan maklumat, kebajikan Islam dan kebangkitan Asia -Pasifik. Dengan ungkapan lain Kepimpinan Melayu era perubahan harus cukup berwibawa dan mampu membina generasi Melayu Baru. Malah kepimpinan itu sendiri harus merupakan seniman dari perwatakan Melayu Baru.

Tugas besar mentransformasikan umat ini memerlukan kehadiran sejenis kepemimpinan yang diistilahkan sebagai "*transforming leader*" iaitu kepemimpinan yang mampu merubah umat, menggilap bakatnya, mengembangkan potensinya dan menyegarkan nilai-nilai unggul agama dan budayanya.

**Soalan: Dengan kata lain negara memerlukan kehadiran pemimpin yang mampu membantu Melayu Baru..?**

**RUSLAN :** Ya. Memang yang namanya pemimpin bukan cuma pandai mengarah dan mengerah tetapi harus tahu dan mampu mendidik umat. Pemimpin adalah human transformer atau pembina manusia baru. Dalam kaitan ini kita perlu memiliki tradisi kepemimpinan yang berteraskan nilai-nilai unggul seperti keilmuan, ketaqwaan, integriti moral, keadilan dan sebagainya.

**Soalan: Apakah pemimpin abad ke-21 juga berkemampuan untuk memberi khidmat kepada dunia..?**

**RUSLAN :** Pemimpin umat abad ke-21 harus berkemampuan memberikan khidmat bukan sahaja kepada negaranya tetapi juga kepada dunia, khususnya dunia Islam. Sesungguhnya Dunia Islam memerlukan pemimpin yang mampu menjadi catalyst atau penggerak untuk bangkit sebagai suatu kekuatan di pentas dunia antarabangsa. Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed telah pun memulakan tugas besar dan penting ini.

**Soalan: PM pernah berkata pemimpin harus mampu merancang. Jadi apa pandangan Pemuda?**

**RUSLAN :** Setiap orang yang menginsafi erti dan fungsi kepemimpinan tentu bersetuju dan menyepakati pandangan YAB Perdana Menteri itu. Tanpa kemampuan ini bangsa dan negara akan kehilangan arah dalam menghadapi masa depan dan seterusnya akan membeku di takut lama. Pembinaan generasi penerus untuk meneruskan kesinambungan kepemimpinan negara yang berkualiti seharusnya mendapat perhatian utama pemimpin di setiap peringkat. Pemimpin masa kini seharusnya mempunyai keinginan untuk punya generasi penerus yang cukup kompetent dan berkemampuan menghadapi cabaran masa depan.



**Soalan: Jadi kejayaan Wawasan 2020 banyak bergantung kepada keupayaan generasi sekarang membina kualiti generasi pewaris..?**

**RUSLAN :** Ya..

**Soalan: Bagaimana pula bentuk masyarakat Wawasan 2020?**

**RUSLAN :** Sebagaimana yang telah banyak diamalkan bahawa masyarakat Wawasan 2020 akan merupakan persaingan yang sengit. Sekarang inipun kita sedang sama-sama merasakan betapa cemasnya menyaksikan generasi anak-anak kita yang berhempas pulas untuk menghadapi saingan di pelbagai bidang terutama di bidang pendidikan

**Soalan: Apakah program atau strategi pemimpin negara (kerajaan) dalam memperkuat generasi muda Melayu dalam menghadapi cabaran masa kini?**

**RUSLAN :** Memang pemimpin negara kita telah melaksanakan pelbagai strategi untuk memperkuat generasi muda Melayu-Muslim, tetapi ternyata pesaing-pesaing kita juga punya strategi mereka sendiri. Malah tidak mustahil generasi Melayu-Muslim abad mendatang ini akan menghadapi cabaran generasi baru bukan Melayu yang lebih agresif. Sekarang pun kita sudah merasai bahangnya. Oleh itu strategi dan program pembinaan generasi pelanjut ini perlu diberi perhatian yang lebih serius. Agar lahirlah generasi pewaris kepimpinan yang kuat, generasi yang beriman dan beramal, berilmu dan berakhlak, berfikiran cergas dan berjiwa murni.

**Soalan: Boleh Saudara gariskan rosolusi yang dicapai pada konvensyen tersebut?**

**RUSLAN** : Bertolak daripada keyakinan dan kesedaran, Generasi Muda Malaysia yang berkonvensyen, dengan ini membuat ketetapan-ketetapan seperti berikut:

- i. Mempertegaskan sokongan padu yang tidak berbelah bagi terhadap kepemimpinan YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai pemimpin utama parti dan negara.
- ii. Program pendidikan, pembangunan kesedaran dan pemantapan penghayatan sejarah perjuangan generasi terdahulu mestilah diperhebatkan dan disebarluaskan kepada seluruh generasi muda di segenap peringkat tanpa jemu.
- iii. Program pemahaman dan pencernaan wawasan negara mestilah menjadi teras kepada gerak kerja generasi muda negara pada setiap masa di segenap tempat dan dalam segala bentuk.
- iv. Program penyuburan daya kepemimpinan generasi muda mestilah berpaksikan kepada hakikat bahawa kepemimpinan adalah amanah dan tanggungjawab untuk kesejahteraan agama bangsa dan negara. Dan bukannya untuk memenuhi kepentingan diri yang sememangnya tidak terbatas dan puas.
- v. Membudayakan tradisi keilmuan dan pencanaian akal budi generasi muda mestilah menjadi keutamaan dan fokus kepada segala perencanaan dan pelaksanaan gerak kerja pertubuhan-pertubuhan pemuda dan belia.
- vi. Seluruh kekuatan generasi muda mestilah digemblangkan ke arah kesinambungan kepemimpinan yang

toleran sederhana dan sentiasa peka kepada permasalahan majoriti umat sekaligus prihatin terhadap kemajuan rakyat keseluruhannya.

Justeru itu konvensyen Generasi Muda SeMalaysia dengan ini mencadangkan kepada kepimpinan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia untuk mengambil tindakan-tindakan serta merta seperti berikut:

- vii. Menubuh dan menggerakkan Grup Generasi Muda Berwawasan Kebangsaan bagi menyatukan seluruh generasi muda yang prihatin kepada kecemerlangan bangsa dan negara Malaysia, merentasi sempadan idealisma politik, bangsa dan agama.
- viii. Menjadikan Konvensyen Kepimpinan Generasi Muda SeMalaysia sebagai program tahunan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.
- ix. Menyegerakan usaha-usaha untuk merealisasikan Institut Penggerak Wawasan dan Yayasan Kepemimpinan Pemuda Asia Timur sebagaimana yang telah dirancangan.

## **“Penyertaan Saya Tidak Menggugat Calon Lain”**

### **DATUK ISHAK ISMAIL CALON MT NEGERI SEMBILAN**

**U**MNO sebagai sebuah parti terbesar dan teras pemerintahan di negara ini tetap mengamalkan amalan demokrasi. Ini jelas dalam setiap perhimpunan agungnya sejak penubuhannya pada tahun 1946. Perhimpunan Agung UMNO tahun ini selepas sambutan penubuhannya sejak 50 tahun lalu tetap terpancar amalan demokrasi.

Jawatan-jawatan tertinggi dalam parti khususnya Majlis Tertinggi UMNO tetap terbuka kepada sesiapa saja yang menawarkan khidmat tanpa mengira kedudukannya dalam kerajaan. Amalan yang sihat ini sekurang-kurangnya membuka peluang kepada pemimpin-pemimpin di luar kerajaan untuk mencurahkan khidmat kepada parti tanpa mengira kedudukan. Bagaimanapun sumbangan yang ditawarkan itu hendaklah sesuai dengan kehendak parti dan sokongan ahli.

Melihat kepada senarai calon yang mendaftar untuk mengisi jawatan MT UMNO boleh dikategorikan kepada beberapa kumpulan. Antaranya Pemimpin-pemimpin Peringkat Pusat (Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen), Ketua-ketua Kerajaan Peringkat Negeri, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Exco-exco Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Bahagian dan tokoh-tokoh korporat.

Selama ini kategori yang kurang diberi perhatian para perwakilan ialah penyertaan calon-calon kategori Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Bahagian dan tokoh-tokoh korporat. Tetapi ini tidak bermakna UMNO menutup pintu kepada mana-mana individu yang berminat menduduki mana-mana jawatan dalam parti.

Daripada 67 calon yang mendaftarkan diri untuk merebut jawatan Ahli MT, terdapat beberapa nama yang mewakili kategori Ketua-ketua UMNO Bahagian dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Mereka antaranya Mohamad Kamal Hussain, Datuk Salomon Selamat, Datuk Kamal Salleh dan Datuk Haji Ishak Ismail.

Berbanding dengan calon-calon lain, Haji Ishak Ismail (Adun Lenggeng, Negeri Sembilan/ Ketua UMNO Bahagian Seremban) dirasakan mempunyai kedudukan yang istimewa. Beliau yang dikenali dengan sikap 'berani kerana benar' mendapat restu dari Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Samad dan Badan Perhubungan UMNO Negeri.

Difahamkan dalam satu perjumpaan biasa selepas Persidangan Speaker-Speaker Dewan Undangan di Port Dickson baru-baru ini, ada orang bertanya kepada Isa berkenaan kesediaan Ishak bertanding jawatan MT. Secara bersahaja Isa menjelaskan bahawa beliau secara peribadi menyokong Ishak bertanding.

Isa juga berkata, sekurang-kurangnya Perhubungan UMNO Negeri dapat meletakkan barisan pelapis. Beliau juga menambah

soal kalah menang tidak perlu ditimbul. Tetapi Perhubungan UMNO negeri amat jelas membuat keputusan berkaitan perkara ini.

Beliau juga yakin UMNO Bahagian Seremban juga akan menyokong beliau bertanding merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Menurut Isa, beliau secara terbuka menyokong Ishak bertanding jawatan tersebut untuk membuktikan UMNO Negeri Sembilan cukup stabil bagi menghadapi cabaran-cabaran dekad akan datang.

Sementara itu Ishak yang ditemui baru-baru ini menjelaskan, beliau mendaftarkan diri untuk bertanding dan terserah kepada perwakilan menentukannya. Sekalipun harapannya tipis untuk terse-narai antara 25 Ahli MT yang dipilih, Ishak berharap penyertaannya yang pertama kali ini tidak menimbulkan sebarang prasangka buruk yang boleh menjejaskan kestabilan politik Negeri Sembilan.

"Saya tidak berniat untuk mencabar sesiapa apabila mendaftarkan diri untuk bertanding. Ianya satu amalan demokrasi kepada sesiapa yang merasakan layak untuk mengisi mana-mana jawatan dalam parti. Selain itu, saya yakin penyertaan itu tidak akan menggugat calon-calon lain yang turut menawarkan diri bertanding dalam pemilihan tahun ini. Mereka yang menawarkan diri tentunya memiliki kemampuan tersendiri," ujarnya.

Selain Ishak, calon-calon lain dari Negeri Sembilan ialah Tan Sri Mohd Isa Samad (calon Ketua Pemuda), Datuk Khalid Yunus (mempertahankan jawatan MT), Datuk Napsiah Omar (mempertahankan jawatan Naib Ketua Wanita), Ruslan Kassim (mempertahankan Exco Pemuda), Hajah Dermataksiah Abdul Jalil dan Fuziah Haji Abdul Hamid (calon Exco Wanita).

Tambah Ishak lagi, apabila beliau membuat keputusan bertanding terpulang kepada perwakilan untuk menentukan siapa yang dip-

ilih untuk menduduki jawatan tersebut. Hari ini perwakilan UMNO telah memiliki kematangan yang tinggi dan mereka mampu untuk menilai siapa yang perlu diletakkan di tahap tersebut.

Pun begitu dalam pemilihan jawatan MT, mereka yang mempunyai kedudukan yang lebih rendah seperti timbalan menteri adakalanya mendapat jumlah undi yang lebih tinggi daripada mereka yang berjawatan menteri. Malah ada juga yang tidak mempunyai jawatan langsung dalam parti dan kerajaan seperti Datuk Tengku Adnan Mansur dipilih oleh perwakilan.

Rumusan dari itu Ishak berpendapat senario politik UMNO hari ini mengalami sedikit perubahan berbanding daripada apa yang berlaku terdahulu daripada ini. Kalau ahli UMNO itu mempunyai keahlian yang datangnya dari semua strata kelompok Melayu yakni dari kumpulan profesional, petani, nelayan, korporat, guru dan sebagainya yang makna menunjukkan keahlian UMNO itu mengandungi beraneka macam jenis orang Melayu maka tidak ada sebab kepimpinan UMNO itu juga perlu dianggotai oleh segala kumpulan yang disebutkan tadi.

Bercakap mengenai UMNO Negeri Ishak berkata, sejak Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad mengambilalih kepimpinan kerajaan Negeri Sembilan pada 29 April 1982, kedudukan UMNO berada dalam keadaan yang cukup stabil. Hanya pada 1969 sahaja pengaruh pembangkang agak kuat sedikit di negeri ini. Begitupun selepas itu pengaruh mereka semakin merosot.

Menurutnya, pencapaian terbesar UMNO Negeri ialah pada 1990 apabila calon BN (UMNO) berjaya mengalahkan tokoh-tokoh besar pembangkang seperti Pengerusi DAP Kebangsaan, Dr Chen Man Hin dan Timbalan Presiden S46, Datuk Rais Yatim.

Pada tahun 1990 adalah tahun yang paling mencabar bagi UMNO dan BN negeri kerana pada tahun itu diramalkan kononnya

BN akan menghadapi saingan sengit daripada pembangkang disebabkan perpecahan UMNO dan wujudnya S46. Begitupun UMNO dan BN berjaya menang pilihanraya.

Pada 1995 kedudukan UMNO dan BN negeri bertambah kukuh lagi apabila hanya tewas dua kerusi DUN sahaja iaitu Lambak dan Temiang. Pada masa ini kedudukan UMNO negeri semakin kukuh dan keyakinan orang Melayu terhadap UMNO meningkat sehingga kini UMNO mempunyai 423 cawangan dengan keahlian hampir 120,000 orang.





**Hasrat Ahmad Lebai Sudin  
membangun bangsa  
MENGUJI KEMAMPUAN DIRI**

**P**EMIMPIN pelapis dari kalangan anggota Pergerakan Pemuda hari ini adalah pengganti kepada pemimpin yang sedia ada. Merekalah yang bakal meneruskan kepimpinan yang ada sekarang di dalam menjayakan Wawasan 2020. Para pemimpin pelapis yang dimaksudkan telah dapat dilihat pada pemilihan perwakilan bahagian Pemuda 1995.

Di sini ramai tokoh muda yang berwibawa sebagai pemimpin terpilih untuk menerajui kepimpinan bahagian masing-masing dan sebilangan besarnya terpilih pula sebagai calon pilihan raya UMNO pada Pilihan Raya Umum 1995. Terbukti sebilangan besar memenangi pilihan raya itu dengan majoriti besar.

Apa pun kemenangan ramai calon Pemuda membuktikan kewibawaan golongan muda dalam kepimpinan tidak boleh diketepikan.

Di antara tokoh Pemuda yang menang cemerlang pada pilihan 1995 ialah Ketua Pemuda UMNO Negeri Kedah, Ahmad Lebai Sudin, 38, yang juga Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Pada Pilihan Raya 1995 Ahmad Lebai Sudin menewaskan calon Pas dengan majoriti 1,198 undi. Beliau memperoleh 9,189 undi manakala calon Pas Mahmud Ahmad sebanyak 7,201 undi.

Kalaulah bukan calang-calang tokoh yang diletakkan sebagai calon di Bukit Lada, tentunya BN akan kecundang satu lagi kerusi kerana ia adalah sebuah kubu kuat Pas.

Ahmad Sudin cukup bersyukur dan berterima kasih di atas sokongan padu pengundi dan masyarakat Bukit Lada yang menentukan kemenangannya. Walaupun ini kemenangan pertama, namun Ahmad Sudin seolah telah matang dengan senario politik di kawasannya.

Semuanya adalah kerana kewibawaan yang ada padanya, apa lagi beliau juga seorang tokoh Pemuda yang disegani bukan sahaja di kalangan Pemuda tetapi juga masyarakat setempat.

Bintang anak muda yang berasal dari Kampung Pokok Sena ini terus bersinar kerana minggu lalu beliau diberi kepercayaan oleh Menteri Besar Kedah yang baru, Datuk Seri Sanusi Junid untuk menduduki salah satu kerusi Exco (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri).

Sebenarnya Ahmad Sudin layak terpilih sebagai Ahli Exco kerajaan negeri kerana beliau pernah menjadi Pegawai Pentadbir dan diplomatik dan Setiausaha Politik bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr. Ibrahim Saad sebelum meletakkan jawatan untuk bertanding bagi kerusi DUN Bukit Lada pada Pilihan Raya Umum 1995.

Ahmad Lebai Sudin ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Sanusi Junid kerana memberikan kepercayaan kepadanya untuk menyertai jentera pentadbiran kerajaan negeri pimpinan beliau (Sanusi).

“Saya akan menggunakan pengalaman saya selama sepuluh tahun sebagai PTD dan Setiausaha Sulit kepada Ketua Menteri dalam membantu membangunkan negeri saya (Kedah) ini,” ujarnya.

Katanya, beliau akan berusaha sedaya upaya membantu Sanusi untuk membawa Kedah ke arah kecemerlangan dan kegemilangan baru.

Ahmad yang dilahirkan pada 11 November 1958 di Kampung Panchor, Pokok Sena, Kedah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Gajah Mati (kini Sekolah kebangsaan Wan Abdul Samad). Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan pengkhususan bidang Antropologi dan Sosiologi pada tahun 1982. Beliau kemudian mengikuti kursus kadet PTD di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) pada 1983 dan lulus Diploma Pengurusan Awam.

Mulai 1991 Ahmad Lebai Sudin menjawat tugas Setiausaha Sulit Dr Ibrahim Saad, 1993 sebagai Setiausaha Politik, kemudian pada 1995 meletak jawatan untuk bertanding di DUN Bukit Lada. Pada 1994 beliau terpilih sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO negeri dan Pengerusi Biro Agama Pemuda UMNO Malaysia.

Dan pada tahun 1996 ini beliau sekali lagi menawar diri untuk mempertahankan jawatan Ahli Jawatankuasa Pemuda UMNO Malaysia (Exco) untuk meneruskan agenda perjuangan yang belum selesai.

“Segala pengalaman baru yang saya perolehi nanti akan saya curahkan kepada Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia.” tegasnya sambil berharap tidak berlakunya politik wanag semasa pemilihan nanti kerana amalan itu tidak akan bertahan lama.

Beliau juga berhasrat dengan pengalaman-pengalaman yang ada padanya akan membantu Pergerakan Pemuda dalam perjuangan demi kepentingan agama, negara dan bangsa.

# 18

---

## DATUK MOHD. FATMI YAKIN PEMUDA SUDAH MATANG

**K**etua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Kelantan, Datuk Mohd. Fatmi Che Salleh buat kali ketiga akan mempertahankan kerusi tersebut pada pemilihan kali ini. Apa alasannya yang mendorong beliau yang juga Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu sekali lagi merebut kerusi tersebut? Beliau juga mengulas mengenai kemelut politik Pas dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) di Kelantan. Ikutilah Wawancara Khas dengan Fatmi ketika ditemui di Kota Bharu minggu lalu -  
**Pengarang**

**SOALAN :** Apakah yang mendorong Datuk untuk mempertahankan kerusi Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia buat kali ketiga?

**FATMI :** Ada beberapa sebab. Pertama kerana saya rasa bertanggungjawab terhadap nasib rakyat Kelantan lebih-lebih lagi dalam senario politik yang berlaku di negeri itu sekarang.

Tambahan pula tahun 1996 ini tidak ramai ahli-ahli Exco yang masih dalam jawatan itu tidak menawar diri untuk mempertahankannya. Saya ingat tujuh atau lapan orang sahaja. Yang lain adalah muka-muka baru. Yang tidak menawarkan diri mungkin ada yang mahu bertanding untuk jawatan lebih tinggi dan juga faktor umur. Dengan keadaan itulah maka saya merasakan ia satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

**SOALAN :** Mungkin ada beberapa perkara lain lagi yang mendorong Datuk berbuat demikian. Misalnya memastikan perjuangan UMNO benar-benar diresapi oleh rakyat Kelantan?

**FATMI :** Ya. Itu juga antara puncanya. Malah yang paling utama dan terpenting sekali ialah mewujudkan kesinambungan daripada pimpinan sekarang sehinggalah kepada pimpinan akan datang. Kerana kalaulah seluruh Exco Pemuda bertukar, saya rasa itu amat tidak baik sekali untuk Pergerakan Pemuda. Sudah tentu kita memerlukan pengalaman lama untuk digabungkan dengan pengalaman baru supaya menjadi barisan Pemuda yang mantap bagi menuju cabaran abad ke-21 ini.

Perlu diingat cabaran akan datang dalam abad ke-21 amat besar bagi Pemuda UMNO Malaysia. Kerana selain menuju ke abad itu, kita juga dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020 dan salah satu perkara yang ditekankan dalam Wawasan 2020 ialah pembangunan manusia. Maka ia memerlukan pada kesinambungan.

Keduanya, dari faktor usia. Saya masih lagi layak memegang Exco Pemuda dan kerana itu tidak ada salahnya saya sekali lagi menawar diri mempertahankan jawatan sebagai Exco Pemuda yang saya sandang sejak tahun 1990.

**SOALAN:** Setiap calon sudah tentu memerlukan sokongan padu perwakilan untuk menang. Tetapi keputusan MT UMNO baru-baru ini bersetuju mengharamkan kempen dijalankan

oleh calon-calon yang bertanding. Bagaimana pendapat Datuk?

**FATMI :** Saya kira itu tidak menjadi masalah, malah saya setuju. Bagi saya tujuan MT membuat keputusan itu juga mempunyai beberapa sebab, pertama adalah atas satu objektif iaitu meredakan perasaan calon-calon yang bertanding.

Kedua, supaya calon-calon MT dapat memberi tumpuan kepada kerja mereka. Kalau kempen dibenarkan maka banyaklah calon akan menghabiskan masa untuk berkempen dan ini sekaligus mengabaikan kerja sedangkan kerja adalah penting ke arah memajukan negara.

Para perwakilan UMNO pula patut melihat perkara itu sebagai sumbangan ke arah memajukan negara. Mereka juga harus sedar bahawa setiap calon yang hendak dipilih mestilah yang mempunyai prestasi kerja bukan prestasi kempen. Bagi saya pandangan dan keputusan MT itu amat baik sekali supaya dapat membetulkan asas perwakilan memilih seseorang pemimpin.

**SOALAN:** Bagaimana dan apakah kesan sekiranya MT membenarkan kempen dijalankan sebagaimana yang dilakukan pada tahun-tahun lepas?

**FATMI:** Kalau dibenarkan berkempen sudah tentu ada perwakilan yang terpengaruh dengan kempen yang dijalankan oleh calon-calon bertanding. Pelbagai tohmahan mereka lemparkan terhadap lawan masing-masing dan ini satu perkara kurang baik dan tidak patut diamalkan dalam UMNO.

Selain itu, ia juga memberi kesan buruk kepada perwakilan. Sebagai contoh, ada calon yang tidak mempunyai prestasi kerja yang baik tetapi mempunyai prestasi kempen yang cukup baik.



Perkara ini jika diamal dan dibiarkan berterusan akan menjejaskan dan merugikan nama baik negara.

**SOALAN:** Apa untung ruginya bagi seseorang calon apabila kempen diharamkan. Boleh Datuk jelaskan?

**FATMI :** Untung dan ruginya seseorang calon kesan daripada pengharaman kempen ini ada belaka. Mereka yang ada jawatan pun untung dan yang tidak ada jawatan juga untung.

Masing-masing guna cara tersendiri. Sebagai contoh, apabila dilarang berkempen.

Calon yang tidak ada jawatan sudah tentulah tidak boleh turun pada majlis-majlis rasmi kerajaan tetapi orang yang ada jawatan boleh turun ke majlis-majlis rasmi melalui program-program kerajaan. Mereka boleh guna majlis-majlis itu untuk berkempen kerana banyak perwakilan yang menjawat jawatan dalam jabatan kerajaan hadir pada majlis itu. Ini sudah tentu satu kebaikan bagi orang berjawatan dan keburukan bagi yang tidak berjawatan.

Tetapi bagi yang tidak berjawatan, mereka ada cara tersendiri. Mereka boleh turun ke bawah dengan cara menyusup dari satu tempat ke satu tempat dan orang tidak tahu, itu kelebihan mereka. Kesimpulannya sama ada ada untung dan ruginya. Seimbang.

**SOALAN :** Tetapi ada sesetengah calon membuat anggapan bahawa keputusan MT itu menguntungkan sesetengah pihak yang lain...

**FATMI :** Itu tidak benar dan sebagaimana yang saya katakan tadi. Kita tidak boleh mudah mengatakan keputusan MT itu menguntungkan satu pihak dan merugikan pihak yang lain. Bagi saya sama sahaja, kedua-duanya ada pro dan kontranya.

**SOALAN :** Datuk pernah bertanding bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Mas pada pilihan raya umum 1995 lalu. Difahamkan ini adalah kali pertama Datuk

diberi kepercayaan sebagai calon DUN. Apakah ketika mula-mula diberi pengiktirafan itu, Datuk berasa yakin akan menang.

**FATMI :** Sudah tentulah saya yakin. Kalau tidak saya tidak akan menawar diri bertanding. Bagaimanapun nasib tidak menyebelahi saya dan rakan-rakan yang lain.

**SOALAN:** Datuk sudah ada pengalaman bertanding peringkat DUN. Dan kekalahan itu memberi pengajaran kepada Datuk untuk menilai kelemahan yang ada. Jadi apakah langkah seterusnya yang akan Datuk lakukan dan apakah perasaan Datuk dengan kepercayaan pucuk kepimpinan terhadap Datuk?

**FATMI :** Banyak lagi perkara yang perlu saya lakukan dan berusaha. Daripada pertandingan itu saya dapat tahu apa yang perlu dilakukan lagi sebagai tambahan daripada apa yang telah dilakukan. Perasaan saya pada ketika itu amatlah baik sekali kerana tidak menyangka diberi kepercayaan dan pengiktirafan oleh pucuk kepimpinan parti bagi mewakili BN pada pilihan raya umum 1995 itu.

Pengalaman itu sudah tentu tidak dapat dibeli di mana-mana, hatta di universiti sendiri pun tidak boleh. Kerana menjadi calon adalah salah satu pengalaman tersendiri. Saya sendiri yang tahu apa yang silap, apa yang patut buat dan apa yang harus dibuat lagi dan ini tidak boleh diberitahu kepada orang lain kerana kita kena alaminya sendiri.

**SOALAN :** Dalam masa Datuk dipilih untuk calon DUN tersebut dan menerima kekalahannya secara terbuka, adakah Datuk mengesyaki kekalahan itu selain daripada mendapat

tentangan hebat daripada penyokong Pas dan S46, ada ahli-ahli UMNO sendiri yang bertindak "menikam dari belakang".

**FATMI :** Saya rasa itu tidak ada. Saya tidak nampak ada perbuatan seperti itu. Semuanya OK. Mereka beri kerjasama baik dan kesepakatan yang padu demi UMNO.

**SOALAN :** Mungkin Datuk sudah matang dengan sejarah pilihan raya serta mempunyai matlamat untuk memperbaikinya...

**FATMI:** Sudah tentu ada beberapa perkara terutama kerja yang perlu saya buat untuk mempertingkat dan memperkuat peluang BN untuk menang pilihan raya umum akan datang. Perkara utama ialah mendaftar mana-mana yang masih belum mendaftar agar mereka mendaftar dalam UMNO dan beberapa strategi yang akan Pemuda atur untuk memenangi fikiran rakyat terutamanya pengundi. Pelbagai cara boleh dilakukan dan salah satunya membuat kebajikan kepada seluruh masyarakat dari semua segi. Itulah beberapa perkara yang saya rasa patut kita buat dan baiki mana-mana kelemahan yang berlaku.

**SOALAN :** Dalam tempoh Kelantan dipimpin oleh Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sejak 1990, apakah tugas atau isu paling berat Pemuda lakukan?

**FATMI:** Tidak ada lain isu melainkan isu menutup Jalan Tok Hakim, Kota Bharu. Saya salah seorang yang kuat memprotes mengenai penutupan jalan itu. Bagi menangani isu tersebut, Pemuda kena ingat bahawasanya kita di dalam UMNO sedang berhadapan dengan kerajaan Pas yang mentadbir negeri secara tidak betul, tidak stabil.

Dalam pada itu, Pemuda hanya boleh melahirkan rasa tidak puas hati dan sekadar buat bising sahaja dengan memprotes di merata-rata tempat. Kerana kita tahu pada akhirnya keputusan akan dibuat

oleh kerajaan APU. Sebab itulah ketika saya membuat perjumpaan dengan Pemuda di Dewan Perniagaan Cina di Kota Bharu, baru-baru ini, dua perkara saya bangkitkan. Pertama apakah peranan Ahli Parlimen Kota Bharu dari S46, Hajah Ilani Datuk Isahak tetapi yang terbuktinya pada masa itu memang dia (Ilani) tidak buat apa-apa.

Kedua, tindakan yang boleh diambil ialah mengambil tindakan undang-undang terhadap Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) yang bertindak menutup jalan itu. Apabila hendak ambil tindakan undang-undang kita dapati bahawa Pemuda UMNO tidak ada 'local standard' untuk berbuat demikian. Yang boleh ialah peniaga-peniaga atau orang yang terbabit dengan penutupan jalan itu.

Sudah tentu mereka (peniaga) tidak berani dan tidak mahu berbuat demikian. Itu hakikat orang berniaga, tidak mahu terjebak dengan isu politik sebab mereka berniaga. Maka kita terlekat di situ dan sehingga kerajaan negeri gazet dengan menyatakan bahawa projek itu adalah baik untuk rakyat, baik untuk masyarakat Kota Bharu dan baik untuk semuanya. Ketika itu rakyat tidak tahu apa APU hendak buat. Hari ini nampaknya dia buat setakat wakaf sahaja.

**SOALAN : Kenapa rakyat Kelantan pada awalnya bersetuju dengan cadangan itu?**

**FATMI :** Masa itu gambaran yang dia (Pas) beri amat luas maknanya bahawa jalan itu ditutup dan sah untuk dilakukan sebagaimana impian mereka. Tetapi kita lihat hingga sekarang masih belum siap lagi, wang rakyat beratus-ratus ribu ringgit habis begitu sahaja. Yang didirikan hanya wakaf-wakaf. Tidak ada pun gambaran seperti di Paris atau negara barat. Kosong. Tidak ada makna langsung.

Kalau itulah idea mereka hendak jadikan bandar terindah di Kota Bharu, saya rasa matlamat itu tidak tercapai malah merugikan rakyat terutamanya komuniti dan masyarakat di Kota Bharu.

**SOALAN : Kenapa Pemuda menentang penutupan Jalan Tok Hakim itu?**

**FATMI:** Jalan itu jalan terbaik, jalan utama yang menggerakkan ekonomi bandar Kota Bharu. Bagi Pemuda UMNO Kelantan, kita tetap dengan pendirian bahawa kalau BN diberi mandat oleh rakyat untuk memerintah, Pemuda UMNO akan berjuang untuk membuka kembali jalan itu serta-merta. Itu saya boleh beri jaminan.

**SOALAN : Apakah peranan Pemuda UMNO Kelantan ketika melihat kepada pergolakan yang berlaku antara Pas-S46?**

**FATMI:** Peranan Pemuda sama ada APU bergolak atau tidak, Pemuda tetap seperti biasa iaitu memperkuat BN (UMNO) dan memperkukuhkan Islamiah baik di peringkat atas mahupun akar umbi.


Masalah mereka (APU) bergolak atau tidak, itu urusan rumah tangga mereka. Pemuda tidak mahu campur tangan dan tetap menjalankan tugas mengerat dan memperkukuhkan jentera Pemuda UMNO di seluruh pelusuk negeri Kelantan.

Masalah Pas dengan S46 ini saya tidak mahu sentuh. Itu hak mereka. Tetapi saya ingin komen mengenai pimpinan Pas terutamanya Datuk Nik Aziz Nik Mat itu sendiri mengamalkan dasar pentingkan diri sendiri dan parti untuk berkuasa tanpa memikirkan kesejahteraan rakyat.

Apa yang dilakukan dan tindak tanduk Nik Aziz hari ini dengan menggantung jawatan Exco kerajaan negeri terhadap empat wakil rakyat S46 adalah satu perkara biasa. Tetapi yang peliknya ialah jawatan sebagai Exco ada tetapi kerja tidak ada. Maknanya mereka makan gaji buta. Rakyat bayar gaji tetapi kerja tidak buat. Itu namanya makan gaji buta. Itu tafsiran yang lebih tepat.

Nik Aziz pula menggantungkan semua mesyuarat Exco, mesyuarat Jawatankuasa Exco, mesyuarat Majlis Daerah, mesyuarat MPKB, semua sekali mesyuarat ditangguh. Maknanya semua jentera kerajaan negeri sudah tidak ada kerja dan tidak berfungsi. Kesemuanya makan gaji buta di saat ini, itu sudah tentu haram dalam Islam.

Adakah Nik Aziz memikirkan apabila membuat keputusan itu dan apakah akibat daripadanya. Ia tidak memberi kesan kepada wakil rakyat, ahli Exco dan pimpinan besar mereka tetapi memberi kesan jangka panjang kepada rakyat. Rakyat yang menderita dan menanggung kepayahan.



---

## PEMUDA “KILANG” PEMIMPIN - Datuk Mohd. Shafie Apdal

**N**AMA Datuk Mohd. Shafie Haji Apdal sudah cukup untuk mengenalkan dirinya sebagai pemimpin muda yang berjaya dilahirkan oleh Sabah. Perlantikan beliau sebagai Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, menaikkan imejnya sebagai pemimpin pelapis yang mempunyai masa depan yang cerah. Hari ini pun, Shafie sudah membuktikan kewibawaan dan kecemerlangannya dalam pentadbiran kerajaan maupun pemimpin politik di Sabah.

Kini beliau adalah salah seorang pemimpin pelapis yang berjaya dalam kerjaya menongkah arus perjuangan politik. Jangkauan politik beliau cukup tersusun dan berwawasan. Kedudukannya selaku Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Sabah dan Ketua UMNO Bahagian Semporna sudah cukup membuktikan realiti, beliau seorang pemimpin berwibawa.



Anak ke empat daripada lapan adik beradik ini dilahirkan di Kampung Bubul, Semporna, Sabah memiliki Ijazah Ekonomi dan Diploma Pengurusan dan Perkapalan dari Universiti Stafforshire, England.

Datuk Shafei memulakan kerjaya pada 1982 sebagai Ahli Ekonomi di Kementerian Kewangan Negeri Sabah sebelum ditukarkan sebagai Pegawai Pentadbir Kanan di Unit Pelaburan, Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah dari tahun 1984 -1986.

Sebelum berkecimpung dalam bidang politik, asas kepimpinan Mohd Shafei bermula melalui penglibatannya yang aktif di dalam Persatuan Kebangsaan Belia Negeri Sabah (SANYA) dan Persatuan Sabah Bajau Bersatu (PSBB) di antara tahun 1983 - 1987. Dalam bidang ekonomi khususnya di Negeri Sabah, pada tahun 1994, beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Innoprise Sdn. Bhd (Yayasan Sabah), Pengerusi Lembaga Shangri La Tanjung Aru Beach Hotel, Kota Kinabalu, Sabah dan memegang jawatan Pengerusi Syarikat North Borneo Timber (NBT).

Pada tahun 1990, Mohd Shafei telah meletak jawatan sebagai Penolong Setiusaha Kanan di Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Luar Bandar Negeri Sabah untuk memulakan karier baru dalam bidang politik. Bermula tahun 1991 hingga 1994, beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Tan Sri Sakaran Dandai yang ketika itu menjadi Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Kini Mohd Shafei memiliki Wawasan tersendiri dalam merealisasikan menjadi pemimpin berwibawa suatu hari kelak. Ke arah menyelami isi hati Mohd Shafei, berikut luahan beliau dalam satu sesi wawancara khas.

**SOALAN : Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-brau ini melahirkan kebimbangannya ter-**

hadap generasi baru ahli-ahli UMNO yang kurang menghayati semangat perjuangan parti. Datuk selaku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Sabah dan Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia tentunya memahami luahan Dr Mahathir itu. Jadi dalam aspek ini, apa reaksi Datuk?

**SHAFEI :** Pada saya dalam membincangkan mengenai generasi baru dalam UMNO, sudah pasti saya tidak dapat mengelakkan diri membincangkan mengenai pergerakan pemuda yang bukan sahaja dianggap sebagai sayap kanan UMNO malah lebih ditafsirkan sebagai 'kilang' mengeluarkan pemimpin. Bidang Dr Mahathir selaku Presiden parti terhadap kebimbangannya pada generasi baru ahli-ahli UMNO saya terima secara positif dan terbuka.

Ke arah menangani permasalahan ini saya lihat jalan yang harus diterapkan kepada generasi baru dalam UMNO ialah menerapkan perjuangan kepada perjuangan asal yang berpaksikan memahami sejarah bangsanya dan perjuangan UMNO itu sendiri. Penekanan sejarah perjuangan bangsa adalah landasan yang terbaik dalam menanam rasa kesedaran di samping memastikan kejayaan bangsa di masa akan datang.

Jika ahli-ahli UMNO khasnya generasi muda tidak mahu memahami perjuangan asal UMNO sudah pasti mereka (generasi baru) tidak akan menghargai perjuangan parti yang disayangi malah ia pasti lebih memburukkan keadaan dengan mereka tidak langsung akan menghargai nilai bangsa sendiri.

Percayalah, keadaan ini boleh berlaku kerana mereka (generasi baru) dilahirkan dalam sebuah negara yang serba moden melalui perjuangan UMNO. Oleh itu sudah pasti mereka merasakan UMNO sudah kuat dan soal sejarah asal tidak perlu dibangkitkan lagi.

Sesungguhnya secara peribadi, saya bimbang jika suatu hari kelak sikap ini berlaku, ia bukan sahaja boleh menghancurkan UMNO malah lebih buruk daripada itu menghancurkan bangsa Melayu sendiri.

Dalam aspek ini, saya berpendapat generasi baru dalam UMNO harus tegas dan berani untuk memperjuangkan parti, bangsa serta negara dan bukannya merebut jawatan semata-mata.

**SOALAN :** Demi maruah UMNO khasnya Pergerakan Pemuda, usaha bagaimana yang boleh membantu mengukuhkan martabat bangsa serta generasi baru?

**SHAFEI :** Selain penekanan tegas dan berani memperjuang parti, Pergerakan Pemuda UMNO harus menanam semangat perjuangan yang komited, jujur dan ikhlas kerana mereka (generasi baru) ini akan mewarisi suasana politik dalam masa 20 tahun akan datang.

Saya tidak mahu Pemuda hari ini sebagai penumpang sahaja atau pengikut, apabila pucuk pimpinan parti menasihatkan supaya berpadu, Pemuda tidak boleh tunggu, sebaliknya bertindak segera merealisasikan arahan itu. Sehubungan itu, adalah penting generasi baru dalam UMNO memahami dan mengerti mengapa mereka memasuki politik.

**SOALAN :** Ahli-ahli UMNO telah mengetahui Datuk tidak akan mempertahankan jawatan EXCO Pemuda UMNO dalam pemilihan Oktober depan sebaliknya Datuk bersikap gentleman menawarkan diri bertanding merebut kerusi Majlis Tertinggi UMNO. Berdasarkan asas apakah Datuk berbuat demikian dan apakah kelebihan kerusi MT.

**SHAFEI :** Sebenarnya punca yang menyebabkan saya tidak bertanding mempertahankan jawatan Exco Pergerakan Pemuda UMNO adalah disebabkan faktor usia. Jadi dengan usia yang

sudah melangkaui kebenaran yang diizinkan Pemuda, saya berpendapat untuk meneruskan khidmat tidak salah untuk meneruskannya di peringkat Majlis Tertinggi.

Saya beranggapan saya mampu mencurahkan khidmat dan tenaga demi parti kesayangan, UMNO. Sesungguhnya saya belum puas untuk menabur bakti pada parti. Disebabkan saya masih bertenaga dan muda, jalan untuk meneruskan kesinambungan kerja kepada parti ialah menduduki kerusi MT. Jika berada dalam kelompok kepimpinan MT, peluang saya untuk memperjuangkan permasalahan di Sabah akan lebih terbuka dan dapat diberi perhatian oleh pimpinan MT secara langsung.

**SOALAN :** UMNO yang usianya sudah menjangkau 50 tahun, tentunya Datuk berasa kagum dengan kejayaan yang diperolehinya. Dalam UMNO menuju abad ke-21 pasca cabaran yang akan dilalui di hari-hari mendatang pasti hebat. Selaku pejuang parti yang setia dan Ketua Pemuda UMNO Sabah merangkap Ketua UMNO Bahagian Semporna, apakah kunci mantap yang harus dipegang oleh UMNO dan ahli-ahli

**SHAFEI :** Saya sesungguhnya kagum berbau bangga dan gembira kerana UMNO hari ini dan UMNO dahulu tiada bezanya disebabkan UMNO hari ini masih meneruskan cita-cita, matlamat dan inspirasi UMNO dalam memperjuangkan nasib bangsa Melayu. Dengan kecemerlangannya mengekal pengaruh serta kewibawaan sebagai sebuah parti yang berjaya merintis dan membawa rakyat pelbagai kaum untuk terus membangun dan negara berkeadaan stabil, UMNO berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh kejayaan.

Yang nyata kecemerlangan UMNO dan prestasinya hingga mampu bertahan hingga hari ini bergantung kukuh pada sejarah bangsa dan negara selepas perang. Kecemerlangan itu ditambah

dengan kewibawaan pimpinan lalu sejak zaman Dato Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjurus tidak mengenal putus asa dan komitmen jitu pada parti.

Dalam mengharungi abad ke-21, cabaran dan ujian UMNO ialah menggunakan kecemerlangan prestasi yang sedia ada sebagai asas untuk terus meningkat maju dan mencapai keagungan bangsa, negara dan agama di abad akan datang.

UMNO dan ahli-ahlinya tidak harus berpuashati dengan pencapaian yang dikecapi hari ini. Sebaliknya tanamkan rasa komited pada perjuangan, patuh kepada perlembagaan parti, beramanah, bertanggungjawab, jujur dalam perjuangan, berani, tegas dalam pendirian, matang dalam tindakan, cekap membuat keputusan dan sentiasa berwawasan dalam program yang dirancang.

Paksi lain ialah ahli-ahli harus menanamkan kesediaan menghadapi cabaran dan ujian getir masa depan sebagai sebuah parti yang bermanifestasi cita-cita bangsa dan negara di samping bersedia bersaing dengan bangsa-bangsa lain untuk lebih maju serta mendapatkan hak kita.

**SOALAN :** Sejak UMNO berjaya bertapak di Sabah hingga mantap hari ini, bagaimana pendekatannya yang Datuk lihat?

**SHAFEI :** Kehadiran UMNO di Sabah nyata membawa tuah tersendiri. Hari ini UMNO di Sabah cukup mantap dan diakui kewibawaannya.

Kerana UMNO berjuang atas prinsip bertanggungjawab, Sabah kini melalui banyak perubahan melalui pentadbiran kerajaan yang diterajui Barisan Nasional (BN). Rakyat khasnya ahli-ahli UMNO di Sabah sudah merasai pembangunan yang diidamkan selama ini. Saya melihatnya sebagai satu perkembangan memberansangkan dan ia positif.

UMNO jelas dan terbukti membawa senario pembangunan menyeluruh masa depan Sabah masa kini dan hari-hari mendatang. Rakyat Sabah harus terus memberi sokongan padu pada kerajaan BN yang diterajui oleh Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee. Manakala ahli-ahli UMNO harus terus mewujudkan kesepaduan komited dalam perjuangan politik UMNO demi membela maruah, bangsa, agama dan negara.

**SOALAN : Sebagai calon yang menawarkan diri bertanding kerusi MT, apakah harapan Datuk pada perwakilan?**

**SHAFIE :** Selaku calon yang menawarkan diri bertanding untuk kerusi MT, harapan saya cukup tinggi. Selaku pejuang parti UMNO, ahli perwakilan harus bersikap matang dan bijaksana dalam membuat pemilihan. Utamakan pemilihan pemimpin yang mempunyai kriteria kecemerlangan dalam diri, berwawasan, khidmat pada rakyat dan rekod kerjaya yang cemerlang.

Selaku ahli UMNO, tanggungjawab yang diamanahkan ialah menonjolkan taat setia pada parti tanpa berbelah bagi di samping memilih pemimpin yang berkeupayaan untuk memimpin.

Menjadi tanggungjawab ahli UMNO untuk tidak memilih pemimpin berdasarkan kepada kekuatan wang. Adalah berbahaya sekiranya seseorang itu dipilih sebagai pemimpin di peringkat Pusat, Bahagian maupun Cawangan kerana kekuatan wang. Pemimpin yang menggunakan wang untuk naik adalah pemimpin yang tidak mempunyai daya kepimpinan. Sebenarnya wang bukan kriteria pertama kepada seseorang ahli UMNO untuk menjadi pemimpin sebaliknya yang penting ialah kebolehan dan keupayaan untuk memimpin.

**SOALAN : Selaku Ketua Bahagian Semporna, Datuk tentunya mempunyai nasihat tersendiri. Demi perpaduan UMNO**

**di Bahagian Semporna, apakah nasihat yang harus dijadikan terapan kepada ahli?**

**SHAFEI :** Ahli-ahli UMNO di Sabah khususnya di Bahagian Semporna yang mana saya selaku Ketua UMNO Bahagian ini begitu menekankan supaya setiap ahli menekankan prinsip kerjasama, bersatu dan sokongan bagi memantapkan lagi kekuatan yang sedia ada kepada UMNO Bahagian.

UMNO yang menjadi nadi kepada perjuangan bangsa Melayu perlu memasyarakatkan diri ketengah-tengah rakyat jelata supaya mereka sedar bahawa UMNO sahaja satu-satunya parti politik yang memperjuang nasib bangsa, agama dan negara sejak ia ditubuhkan pada tahun 1946. Di samping itu juga, ahli-ahli UMNO di Bahagian Semporna perlu terus berusaha mengekalkan perpaduan sesama sendiri dan bekerja kuat bagi memastikan parti kukuh dan mantap.

Sebagai sebuah parti terbesar dan tonggak orang Melayu, UMNO mesti dipelihara dan diperkukuhkan lagi supaya nasib masa depan orang-orang Melayu dan Bumiputera terus terbela.

**SOALAN :** Bagaimana pula Datuk melihat senario politik Pemuda pada masa ini. Pemimpin yang bagaimana Datuk berpendapat mampu memimpin Pemuda terutama menjelang abad ke-21 yang penuh dengan pelbagai cabaran?

**SHAFEI :** Apabila bercakap soal Pemuda UMNO, kita perlu membicarakan soal generasi muda. Jadi sudah semestinya kefahaman dan penghayatan generasi muda harus dikuasai di samping berani membicarakan aspek sejarah lalu sebagai landasan untuk generasi muda memimpin diri memperkukuh parti.

Budaya selesa yang hari ini dinikmati oleh generasi muda hingga membawa kelalaian pada mereka yang sedikit sebanyak telah

menimbulkan tiada kefahaman jelas mengenai perjuangan UMNO, pengorbanan susah payah nenek moyang dulu hingga membawa UMNO hari ini hingga ke tahap cukup selesa, jika tidak ditangani secara bijaksana ia pasti memberi kesan di kemudian hari.

Apabila taat setia kepada parti agak luntur, timbul pelbagai gejala tidak sihat, hakikat ini sesiapa sahaja boleh menafikannya atau mengakuinya. Justeru itu, kembalikanlah kepada prinsip perjuangan ke atas generasi muda dengan menekankan perjuangan UMNO dengan prinsip-prinsip moral yang jitu dan sokongan tidak berbelah bagi pada parti.

**SOALAN :** Sering kali ahli-ahli UMNO melaungkan UMNO adalah parti memperjuang nasib bangsa Melayu. Sebagai pejuang parti, bagaimana usaha seterusnya mengangkat martabat bangsa untuk semakin di segani di kaca mata masyarakat antarabangsa?

**SHAFEI :** Alhamdulillah, salah satu intipati perjuangan UMNO ialah memperjuang nasib bangsa Melayu. Hari ini ia telah terbukti berjaya mengangkat martabat bangsa, contohnya Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah diiktiraf oleh pemimpin - pemimpin dunia sebagai pemimpin Melayu yang paling berjaya dewasa ini. Ini sekaligus satu kewibawaan cemerlang bagi UMNO.

Mengangkat martabat bangsa bukan sekadar disebut tetapi mempamer kemampuan kita dengan diiringi oleh pengakuan dan pengiktirafan orang terhadap kita. Tanda-tanda kita mula diberi pengiktirafan sudah ada. Kejayaan kita memimpin sebuah negara yang penduduknya terdiri pelbagai kaum bukan sahaja diakui tetapi mahu dipelajari. Apabila kejayaan demi kejayaan kita mahu dicontohi oleh negara luar dengan sendirinya ia akan membantu mengangkat martabat bangsa Melayu.



**SOALAN** : Perkembangan dunia wanita masa kini semakin mencabar lebih-lebih lagi dalam arus modenisasi. Pergerakan Wanita UMNO juga semakin kompleks dengan perkembangan ini. Demi pembelaan sewajarnya pada kaum wanita apakah yang perlu Wanita UMNO lakukan untuk menangani cabaran ini. Sebagai calon MT, bagaimana Datuk melihatnya?

**SHAFEI** : Secara peribadi saya akui Pergerakan Wanita UMNO telah berjaya memainkan peranan sebagai pembela golongan wanita. Berkat daripada perjuangan wanita UMNO, hari ini banyak kejayaan wanita sudah terbukti dan ia menunjukkan suatu perkembangan yang membanggakan.

Hari ini dan masa akan datang, tanggungjawab wanita UMNO cukup kompleks lagi mencabar lebih-lebih lagi dalam menghadapi abad ke-21. Ke arah memastikan wanita terus mara dalam perjuangan, setiap ahli wanita UMNO harus peka, prihatin dan lebih bertanggungjawab dengan melengkapkan diri dalam pelbagai ilmu pengetahuan di samping mengekalkan disiplin diri yang tinggi dan patuh pada perlembagaan parti.

Seiringan itu juga, kepimpinan wanita UMNO perlu sentiasa mengamalkan sikap terbuka tetapi positif, lantang serta berani menyuarakan hak wanita dan bukannya mengamalkan sikap 'tunggu dan lihat'.

Aspek lain yang perlu juga diberi perhatian oleh kepimpinan wanita UMNO ialah memberi perhatian di atas setiap luahan ahli di peringkat grassroot. Ini penting kerana selain daripada melaksanakan arahan pucuk pimpinan parti, suara ahli di peringkat bawahan wajar juga dipertimbangkan demi memastikan wanita UMNO sentiasa dihormati dan disegani.

**SOALAN :** Pada pandangan Datuk, dalam era negara menuju abad ke-21, apakah peranan penting yang harus dimainkan oleh bangsa Melayu ke arah membentuk peradaban tinggi?

**SHAFEI :** Saya yakin dan percaya dekad-dekad mendatang menjelang tahun 2020 ia suasana mencabar khasnya di kalangan bangsa Melayu.

Malahan bangsa Melayu akan menjadi umat penentu kepada peradaban bangsa kerana persaingan ekonomi, politik dan pendidikan akan menjadi lebih sengit akibat desakan masyarakat bukan Melayu yang membawa kepada kompromi dan konsesi demi menjaga kestabilan politik.

Demi memastikan peradaban bangsa terus mantap serta unggul yang bukan sahaja dalam bidang politik dan pemerintahan tetapi lebih penting ialah dalam bidang ilmu pengetahuan dan ekonomi.

Itulah pentingnya bangsa Melayu tampil dengan suatu suntikan semangat ingin mempertahankan maruah bangsa jika ingin terus dihormati dan disegani oleh bangsa asing.

**SOALAN :** Datuk selaku pemimpin yang komited pada UMNO dan pemimpin yang berwawasan tentunya memahami secara mendalam berkaitan erti perpaduan kaum. Dalam perkembangan ini boleh Datuk kembangkan ciri-ciri membina satu bangsa Malaysia bersatu padu?

**SHAFEI :** Pada saya banyak aspek yang boleh mengukuhkan lagi perpaduan kaum di negara ini dan salah satunya ialah Bahasa. Dalam ertikata lain 'Bahasa' berfungsi sebagai alat menyampaikan perasaan, interaksi, ilmu dan sebagainya. Kerana itu, saya anggap Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan tidak sahaja sebagai satu dasar dalam sistem pendidikan tetapi jauh dari itu ke arah

membentuk keharmonian antara kaum.

Sebenarnya, Bahasa Melayu berperanan menyatukan kaum-kaum lain di Malaysia. Perpaduan yang wujud melalui bahasa menjadikan ia selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan kebudayaan kebangsaan. Misalnya dalam ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Majlis Pelancaran Rancangan Pemasyarakatan Perpaduan 1988, beliau seringkali menekankan 'perpaduan' dalam setiap mesejnya. Yang pasti, hari ini negara kita (Malaysia) boleh berbangga dengan sistem pendidikannya yang menekankan bahasa Melayu sebagai wahana ilmu dan perpaduan.

**SOALAN :** **Datuk selaku Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan merangkap Pengerusi Jawatankuasa K3P, boleh Datuk jelaskan apakah peranan K3P dan bagaimana penerimaan rakyat?**

**SHAFEI :** K3P adalah ringkasan dari Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca. Rasional penubuhannya berasas kepada gabungan bersepadu di antara masyarakat setempat dengan agensi-agensinya kerajaan demi membentuk sebuah masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat.

K3P juga bertindak sebagai pemangkin dan penggerak serta pembentukan minda masyarakat bagi menerima aspek-aspek baik lagi positif dan menghindar aspek negatif. Wawasan 2020 bermatlamatkan mewujudkan sebuah negara maju. Seiringan itu, ia menuntut rakyat bersedia dengan ilmu pengetahuan yang luas dalam membina rakyat yang kreatif, inovatif dan produktif yang dapat mengeluarkan hasil yang banyak dan mencipta pelbagai barangan yang baru demi kemajuan negara. Sehingga hari ini, penerimaan rakyat terhadap program K3P ini cukup memberangsangkan dan usaha ini akan dikembangkan dari masa ke semasa.

**SOALAN :** Boleh Datuk jelaskan mengenai usaha melahirkan 'Sabah Baru' - Satu Cetusan Minda Ke arah Merealisasikan Satu Wawasan Yang Murni Menjelang 2000?

**SHAFEI :** Hakikatnya Sabah memerlukan satu wawasan tersendiri untuk menyuluh haluan yang terbaik baginya dalam memastikan 'Sabah - Negeri Di bawah Bayu' melonjak ke depan dan bergerak cergas untuk membolehkannya selari dengan haluan negara.

Wawasan ini difikirkan perlu memandangkan bahawa selama tiga dekad yang lalu, Sabah yang masyhur dengan kekayaan sumber buminya telah gagal menonjolkan kewibawaan sebagai negeri maju yang patut dieontohi.

Sebaliknya, Sabah mengalami keadaan pembangunan yang hampir kaku sejak beberapa tahun ke belakangan. Lantaran itu, Sabah kini di bawah pentadbiran kerajaan BN tidak mahu lagi memencil diri serta mensia-siakan masa depan sumber alam semulajadi.

Asasnya, Sabah Baru adalah rangkuman satu rangka pelan induk dan ikrar BN bagi negeri Sabah untuk merealisasikan wawasannya menjelang tahun 2000.

Pada saya terdapat dua matlamat pokok yang saling berkaitan mengenai Sabah Baru. Yang pertama untuk melahir dan mewujudkan satu suasana politik yang stabil. Manakala matlamat kedua - mewujudkan dan mengembangkan pembangunan di negeri Sabah. Dalam pada itu, sejarah akan dijadikan asas serta pengajaran untuk mencapai kedua-dua matlamat ini. Yang pasti, kita hendaklah berpandangan jauh dan mampu untuk membawa satu perubahan dari segi kepimpinan yang berlainan dari masa lampau. Justeru itu, pemimpin mesti memahami matlamat perjuangan yang sebenar.

**SOALAN :** Dalam menangani konteks Sabah Baru, usaha terbaik yang harus ditekankan ke arah mewujudkan lagi Intergrasi Nasional. Apakah reaksi Datuk?

**SHAFEI :** Satu daripada asas utama cabaran serta kejayaan Sabah Baru ialah dalam konteks intergrasi nasional. Penekanan aspek ini penting dan ia satu keprihatinan yang positif. Walaupun sedar akan wujud halangan tertentu dalam merealisasikan hasrat melahirkan Sabah Baru, tetapi ia tidak mustahil boleh dilakukan.

Ke arah memastikan cabaran-cabaran ini dapat ditangani dan meningkatkan perpaduan kaum di Sabah ialah;

- Menggunakan Bahasa Malaysia secara menyeluruh.
- Perayaan-perayaan kaum seboleh-bolehnya dirayakan bersama.
- Mewujudkan penempatan berbilang kaum
- Mengurangkan persatuan-persatuan yang berunsur perkauman
- Menjadikan Rumpun Melayu sebagai asas perpaduan kaum Bumiputera Sabah.

Manakala langkah yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan Intergrasi Nasional;

- Politik - mengekal dan mengukuhkan konsep parti komponen yang diwakili oleh pelbagai kaum
- Pentadbiran - mewujudkan program pertukaran kakitangan/pegawai kerajaan yang berasal dari Sabah dengan lain-lain negeri di Malaysia. Memperluaskan skim gunasama. Pegawai-pegawai dari Sabah haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat di peringkat nasional dan antarabangsa seperti di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara dan sebagainya.

• **Fizikal**

- Kurangkan tambang kapal terbang antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak

• **Sosial**

- menggalakkan lawatan sambil belajar di antara rakyat Malaysia dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak
- mewujudkan program keluarga angkat terutamanya yang membabitkan rakyat Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan
- menggalakkan pertukaran pertunjukan kebudayaan di antara negeri-negeri di Malaysia.

• **Pendidikan**

- menggalakkan program penghantaran dan pertukaran pelajar-pelajar di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan
- menyerapkan asas intergrasi nasional dalam kurikulum sekolah-sekolah.

**SOALAN :** Ke arah merealisasikan Sabah Baru, apakah cabaran kepimpinan yang bakal dihadapi?

**SHAFIE :** Cabarannya banyak tetapi yang penting seseorang pemimpin yang bertanggungjawabkan membawa Sabah baru mesti mempunyai keupayaan tinggi dan wibawa untuk membawa sesuatu perubahan.

Seorang pemimpin akan memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat yang dipimpinnya dan akan terus dipandang sebagai sumber rujukan yang penting di samping memiliki wawasan kepimpinan yang jelas dan mampu mengekalkan keperibadian yang baik serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang proaktif.

Mengenai tanggungjawab yang bakal dihadapi ialah menunaikan janji dan meningkat prestasi pelaksanaan pembangunan, menyatupadukan parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah yang banyak, memastikan rekod pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah termasuk membentaras rasuah serta menjaga kepentingan rakyat.

---

## MENJANA SEMULA MASYARAKAT DESA

**M**ENURUT penulis Jepun dalam bukunya *Borderless World*, evolusi pembangunan bukan sahaja tertumpu kepada negara-negara maju. Oleh kerana sains dan teknologi komunikasi telah berkembang dengan cukup pesat, maka perubahan Megatrends akan berlaku di seluruh dunia sehingga menjadikan dunia sebagai Global Village.

Kata-kata itu amat terkesan apabila kita melihat Revolusi Maklumat mula melanda Malaysia yang dianggap sebagai negara ketiga dengan begitu pesat sekali. Secara totalnya, revolusi ini bukan sahaja melanda negara maju. Malah, ketika Revolusi Pertanian dan Revolusi Industri melanda dunia, Malaysia juga turut mengalaminya.

Bagaimanapun, revolusi yang melanda negara kita boleh disifatkan tidak seimbang antara masyarakat kota dan desa. Ciri-ciri revolusi maklumat lebih ketara dalam masyarakat kota, seba-



liknya ciri-ciri revolusi pertanian dan industri lebih ketara dalam masyarakat desa.

Untuk menyeimbangkan pembangunan ini, maka Kementerian Pembangunan Luar Bandar, di bawah pimpinan menterinya, Datuk Haji Annuar Musa telah memperkenalkan Transformasi Kedua Masyarakat Luar Bandar. Matlamat kementerian ini adalah untuk menjana semula kehidupan masyarakat desa agar lebih berkembang dan seimbang dengan proses geladak pembangunan di desa.

Bagaimanapun, mentaliti masyarakat desa serta kemudahan infrastruktur yang juga tidak seimbang, tentunya memberi cabaran kepada Annuar Musa untuk merealisasikan hasrat dan impian kementeriannya. Cabaran utama yang barangkali perlu ditekankan ialah istilah kemiskinan yang menjadi amat akrab dan sinonim dengan masyarakat luar bandar.

Tidak dinafikan pembangunan di luar bandar sekarang ini meningkat dengan pesat, umpamanya liputan bekalan air meningkat daripada 66% pada tahun 1990 kepada 74% pada tahun 1993. Begitu juga dengan liputan bekalan elektrik telah mencapai tahap 98% di kawasan luar bandar dan nisbah telekomunikasi pula dijangka meningkat 4.7% setiap 100 penduduk.

Tetapi yang menjadi persoalannya ialah kualiti infrastruktur tersebut. Apakah ia setanding dengan kualiti di kota yang memungkinkan segala aktiviti pembangunan dilakukan? Secara dasarnya untuk merealisasi dan menjana semula pembangunan penduduk dalam Transformasi Kedua ini, kita harus 'mengkotakan' desa dan tidak salah juga kita 'mendesakan' kota agar pembangunan kota dan desa bergerak seiring.

Apa yang menarik, Annuar Musa mempunyai wawasannya tersendiri dalam menjana semula pembangunan desa melalui Wawasan Desa Tahun 2020. Idea Annuar memang tidak disangkal.

umpamanya Rakan Muda dan peningkatan kemudahan gelanggang atlet ialah tercetus dari idea asalnya ketika berada dalam Kementerian Belia dan Sukan. Namun yang menjadi persoalannya di sini, sejauhmanakah para penggerak mampu menjadikan cetusan idea Annuar sebagai sebuah kenyataan?

Transformasi pertama pembangunan luar bandar telah berhasil di mana banyak kemudahan dan pembangunan disediakan. Namun yang wajar kita renung, kenapa masih wujud jurang sama ada dari segi ekonomi atau status-quo antara kota dan desa? Barangkali bagi Annuar, kemudahan dan pembangunan yang pesat tidak membawa apa-apa makna selagi manusia itu sendiri tidak mahu membangunkan dirinya sendiri.

Inilah matlamat utama Annuar dalam proses meralisasikan pembangunan desa iaitu melalui Transformasi Kedua yang lebih memberi fokus kepada pambangunan manusia. Tidak dinafikan kualiti manusia yang sanggup bergerak dengan sendirinya akan membentuk satu kawasan desa yang lebih maju dan sekaligus dendangan lagu lama tentang kemiskinan dapat diatasi.

Merenung hasrat dan impian Annuar dalam wawasannya, boleh disimpulkan Annuar ingin melihat kampung dan desa menjadi lebih kompetitif dengan kedua-dua sektor iaitu pertanian dan industri moden menjadi aktiviti utama penduduk luar bandar dengan penggunaan sumber yang lebih optima tetapi alam sekitar tetap bersih dan terjaga.

Untuk menjayakan hasrat ini tentunya pertanian dijalankan dengan lebih moden dan diuruskan secara komersial serta tanaman diuruskan secara estet. Konsep ini telah dijalankan oleh Annuar dalam kawasan Peringat di mana setiap penghuni rumah dikehendaki menanam beberapa pokok buah-buahan dan secara tidak langsung Annuar telah mewujudkan estet dalam kampung.

Annuar juga nampaknya tidak melupakan proses kediaman dan perkampungan tradisonal yang lebih tersusun di mana perumahan harus tertumpu dalam kawasan Pusat Pertumbuhan Desa dengan bentuk serta susunatur yang lebih menarik.

Di sini Annuar secara tidak langsung telah kembali kepada asas kehidupan di mana penempatan yang sempurna dan terancang lebih memberi ruang dalam membentuk kehidupan yang lebih baik.

Menyedari banyak sumber asas perindustrian banyak terdapat di kawasan luar bandar, hasrat untuk mengujudkan industri kecil yang bertindak sebagai sub-kontraktor. Ini secara tidak langsung, memberi ruang pekerjaan yang lebih luas kepada penduduk kampung, sekaligus dapat mempertingkatkan sosio-ekonomi mereka.

Dalam senario Wawasan Desa 2020, Annuar juga menekankan konsep industri perkhidmatan, seperti pasar mini yang lebih tersusun dan kemas, bank dan pelancongan. Hasrat beliau agar penghijrahan ke kota akan dapat dikurangkan dan sekaligus dengan sistem pengangkutan dan prasarana yang lebih baik dapat menarik pelaburan.

Apa yang pasti, bagi melaksanakan cita-cita ini, kawasan luar bandar juga harus dilihat cukup menarik yang mampu menjadi daya tarikan kepada penduduk bandar untuk menetap di situ. Kita tidak nafikan, kekurangan prasarana dan situasi kampung yang kurang menyenangkan kurang digemari oleh masyarakat untuk menetap di kampung.

Menyedari perubahan paradigma satu aset penting untuk mencaai matlamat wawasan, penekanan terhadap perubahan ini diberi perhatian utama dan inilah sebenarnya teras falsafah Transformasi Kedua pembangunan luar bandar yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan November 1994. Sistem nilai ini disebut 'homecentric' yang falsafahnya jauh beza daripada paradigma lama.

Matlamat falsafah ini adalah untuk membangunkan manusia luar bandar yang berkualiti menguasai nilai murni agar mereka dapat menggunakan faktor masa, informasi dan sumber yang ada kepada suatu tahap yang paling optima. Bagaimanapun untuk mencapai matlamat falsafah ini beberapa penekanan dan inisiatif perlu diberikan, seperti:-

1. Pembangunan manusia yang cemerlang kepada penekanan perubahan minda dan sikap penduduk luar bandar agar mempunyai keyakinan diri serta semangat berdikari.
2. Pembangunan keluarga untuk menjamin masyarakat dan pekerja yang beretika dan bermoral. Ini mendasari konsep keluarga penyayang melahirkan masyarakat berkualiti.
3. Pembangunan masyarakat beridentiti dan berdaya tahan agar terwujudnya satu komuniti yang dinamik, berbudaya, kreatif dan berdaya saing.
4. Penyediaan infrastruktur yang berkualiti bagi menampung keperluan pembangunan ekonomi terkini agar selaras dengan arus perdana pembangunan negara.
5. Ekonomi yang mampan adalah teras untuk menghidup dan menjadikan kawasan luar bandar kepelbagaian ekonomi.
6. Penyampaian yang berkesan bagi menjamin faedah yang maksima kepada golongan sasaran serta mengelakkan pembaziran.
7. Rangka kerja yang erat dari semua pihak dan penyertaan masyarakat setempat yang aktif.

Untuk menjamin kekesanannya Tranformasi Kedua Luar Bandar ini, beberapa strategi telah diatur. Menurut Annuar Musa, beberapa aspek perlu diambil kira agar percaturan yang dibuat membuahkan hasil yang sepatutnya dinikmati bersama.

Namun apa yang pasti, kerjasama daripada semua pihak adalah perlu. Hanya kesedaran semua pihak dengan menganggap tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama sahaja yang mampu merealisasikan cita-cita Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

---

## GERAKAN DESA WAWASAN MEMARTABAT PENEROKA

**K**etika merasmikan mesyuarat khas Gerakan Desa Wawasan tidak lama dulu, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, perpindahan transformasi pertama kepada transformasi kedua memerlukan anjakan paradigma. Jika dulu pembangunan luar bandar menjadi tanggung jawab kerajaan, dalam paradigma baru sektor swasta dan korporat dilibatkan secara langsung dalam program pembangunan luar bandar. Program Desa Bakti juga secara langsung mengundang penyertaan sektor korporat di dalam pembangunan luar bandar atau ia dikenali sebagai program pengswastaan pembangunan luar bandar. Sektor korporat boleh melibatkan diri dalam pembangunan luar bandar melalui rancangan rombakan tanah di bawah agensi kementerian-nya atau mewujudkan hala cara baru dalam pembangunan wilayah.

Menurut Annuar anjakan paradigma baru ini tidak lagi bertumpu kepada pembangunan "mental resource" tetapi lebih kepada penggunaan "human resource" dan dengan gerakan itu

sikap subsidi harus dihapuskan dan konsep "top down" ditukar kepada konsep "bottom up". Apakah program-program di bawah transformasi kedua pembangunan luar bandar yang akan bermula dari sekarang. Untuk mengetahuinya kami mendapatkan penjelasan sebenar dari Annuar untuk pengetahuan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum terutamanya masyarakat luar bandar.

**SOALAN :** Pada 25 Oktober 1995, kabinet telah meluluskan Gerakan Bakti Desa. Apa yang dimaksudkan dengan Bakti Desa itu?

**ANNUAR :** Bakti Desa ialah singkatan dari perkataan-perkataan Bantuan Korporat Tingkatkan Kulaiti Desa. Ia bertujuan untuk menggerak dan mengembling sektor korporat untuk turut serta membantu membangun dan memodenkan kampung-kampung di kawasan luar bandar menerusi pembiayaan dan pelaksanaan pelbagai program ekonomi dan perusahaan, sosial dan kemasyarakatan, prasarana dan juga pembasmian kemiskinan. Bakti Desa akan menjadi sebahagian daripada elemen dalam gerakan Desa Wawasan.

**SOALAN :** Apakah konsep dan kaedah Desa Bakti ini?

**ANNUAR :** Desa Bakti ialah satu konsep dan kaedah kerjasama antara sektor swasta dan kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dalam membangunkan kawasan luar bandar untuk mempercepatkan proses mencapai matlamat menjadikan kawasan luar bandar sebagai satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan yang memerlukan kerjasama semua pihak.

**SOALAN :** Apakah matlamat sebenar falsafah baru pembangunan luar bandar?

**ANNUAR** : Ia bermatlamat mewujudkan kaedah hidup di luar bandar yang sejahtera dan berkualiti. Kawasannya sentiasa hidup, komunitinya aktif dan kreatif serta berupaya menjanakan pelbagai kegiatan ekonomi.

**SOALAN** : Mengapa Gerakan Desa Bakti ini perlu diwujudkan....

**ANNUAR** : Kerajaan berpandangan jauh Gerakan Desa Bakti ini perlu diwujudkan kerana walaupun pelbagai program telah dijalankan untuk memperbaiki taraf kehidupan sosial dan ekonomi penduduk semenjak mencapai kemerdekaan, ternyata proses pembangunan yang berlaku masih mewujudkan beberapa perbezaan tahap pencapaian pembangunan di antara bandar dan luar bandar.

"Ekonomi di bandar dan luar bandar ini boleh dilihat dari segi kemudahan prasarana semasa seperti kemiskinan dan kadar kemiskinan, pendapatan isi rumah, bilangan guna tenaga yang besar dalam sektor pertanian dan penghijrahan penduduk ke bandar. Diperhatikan bahawa pada keseluruhannya tahap pencapaian pembangunan di bandar adalah lebih tinggi dan maju dari kawasan luar bandar. Keadaan ini jelas memperlihatkan perlunya wujud usaha-usaha yang lebih gigih untuk membangunkan luar bandar dengan agresif.

Selain daripada itu, memandangkan pembangunan sektor industri kecil dan sederhana akan dijadikan sebagai teras pembangunan negara di masa depan, sektor luar bandar perlu dipermodenkan, diperkemaskini dan dijadikan lebih berdaya saing. penduduk-penduduk luar bandar yang berminat dalam perniagaan perlu dipimpin untuk menjadi usahawan-usahawan yang cekap dan berjaya.

**SOALAN** : Siapakah golongan sasaran Gerakan Desa Bakti ini?



**ANNUAR** : Keseluruhan masyarakat luar bandar yang terdiri antara lainnya daripada penoreh getah, nelayan, petani, orang asli, pekerja estet, penduduk-penduduk kampung baru di luar kawasan pihak berkuasa tempatan, pengusaha-pengusaha industri kampung dan peniaga-peniaga kecil.

**SOALAN** : **Apakah Datuk yakin sektor swasta boleh memainkan peranan aktif?**

**ANNUAR** : Saya dan juga kerajaan yakin sektor swasta boleh memainkan peranan aktif dan menjadi daya penggerak kepada pembangunan ekonomi dan pemodenan di kawasan luar bandar. Kerjasama erat dan berkesan boleh membantu sektor awam dalam menghapuskan ciri-ciri yang menjadi jurang antara bandar dan luar bandar.

Penglibatan sektor swasta dalam program-program sosial dan kemasyarakatan, ekonomi dan perusahaan, prasarana dan pembasmian kemiskinan memberi peluang kepada sektor swasta menunjukkan keprihatinannya untuk berkat kepada penduduk luar bandar. Sumbangan dan usaha-usaha murni sektor swasta ini akan menjadi jentera penggerak ke arah pencapaian matlamat kawasan luar bandar menjadi kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan.

**SOALAN** : **Bilakah gerakan Desa bakti ini bermula?**

**ANNUAR** : Tahun ini juga dan kementerian saya telah pun menganjurkan supaya satu usaha memperbaiki kampung-kampung tradisi dan juga tanah-tanah rancangan FELCRA agar dibuat dengan secara yang menyeluruh dan untuk prasarana-prasarana tertentu yang perlu *diupgradakan* bagi kampung-kampung lama. Maksud kampung lama ini ialah selain daripada kampung tradisi biasa, ditumpukan juga di kampung-kampung dalam rancangan-rancangan yang telah dibuka 15 atau 20 tahun dulu. Dan untuk itu bagi

seluruh negara, untuk kawasan-kawasan dalam Lembaga Kemajuan Wilayah dan juga kawasan-kawasan yang dimajukan oleh Felcra, kita akan membelanjakan sebanyak RM70 juta tahun ini sahaja untuk mempertingkatkan kemudahan prasarana terutamanya jalan-jalan bagi kampung-kampung Felcra, kita telah menyediakan peruntukan RM10 juta, dan kalau tak cukup, saya akan timbang supaya ditambah lagi peruntukan membolehkan Felcra menjalankan satu usaha menyeluruh agar kampung-kampung peserta rancangan Felcra dapat *diupgradekan* keadaannya.

Proses *upgrading* ini tidak terbatas kepada soal infrastruktur sahaja dan diminta supaya dilakukan juga projek *upgrading* bagi rumah-rumah yang mereka (peserta) tinggal. Sebab rumah-rumah ini dibina 15 atau 20 tahun dahulu untuk keperluan keluarga yang minima sahaja iaitu biasanya keluarga yang kecil, rumah satu atau dua bilik yang hanya dapat menampung dua atau tiga orang. Pada masa ini peserta rancangan Felcra pada keseluruhannya mempunyai keluarga yang besar dan kita mahu usaha membaikpulih ini dengan cara yang tersusun. Kita tahu banyak pemilik membuat sendiri dan kita mahu kalau boleh dibuat dengan cara yang lebih teratur.

**SOALAN :** Di mana program Gerakan Desa Bakti ini bermula?

**ANNUAR :** Ia akan bermula di rancangan Felcra di Seberang Perak. Kita mulakan sebagai satu contoh di mana Felcra akan aturkan pinjaman wang daripada pihak institusi kewangan dan kita mendaftar peserta-peserta untuk mengambil bahagian dengan menggunakan beberapa jenis reka bentuk rumah yang mana pembinaan itu nanti akan dibuat secara serentak bukan secara persendirian. Dengan itu kita dapat menjimatkan kos. Anggaran harga sebuah rumah batu itu ialah RM25,000. Rumah itu cukup selesa, rumah batu tiga bilik.

**SOALAN :** Apakah program ini melibatkan semua kawasan Felera?

**ANNUAR :** Proses *upgrading* ini akan kita jalan di kesemua rancangan-rancangan terutama sekali rancangan-rancangan yang telah berjaya, ertinya ada hasil pendapatan sama ada daripada dividen dan juga ladang-ladang yang dikerjakan oleh peserta.

Ini adalah sebahagian daripada rancangan Gerakan Transformasi Kedua di mana kita menumpukan juga kepada transformasi fizikal, kemudahan-kemudahan asas, prasarana dan juga alam keliling di penempatan-penempatan yang berkenaan. Kita juga mahu semua kawasan penempatan Felera melaksanakan program *Landskap Desa* yang dahulunya orang hanya lihat landskap ini di kawasan bandar sahaja. Di sepanjang jalan-jalan rancangan Felera juga harus dibuat taman atau landskap secara yang teratur.

Pokoknya kita ingin melihat tema pembangunan luar bandar berasaskan konsep maju, menarik dan menguntungkan itu mungkin akan terlaksana sepenuhnya.

**SOALAN :** Apakah harapan Datuk tentang gerakan ini?

**ANNUAR :** Kita mahu gerakan ini akan menjadi satu gerakan rakyat secara jangka panjang dengan kumpulan sasar yang betul. Sebab itu kita menjangka 500,000 penduduk terlibat dan program ini melibatkan 50,000 orang ahli JKKR. Kejayaannya nanti juga amat bergantung kepada ahli-ahli JKKR itu sendiri. Kita sedia melatih, memberi garis panduan dan menyiapkan manual kerja serta siri-siri latihan atau kursus agar semua JKKR faham. Kampung-kampung yang kita pilih, kita nama Kampung Desa Wawasan. Tetapi program ini adalah satu gerakan yang mempunyai kaedah yang spesifik.

Kita fikir ini sahaja cara yang boleh kita lakukan untuk membaiki kualiti manusia dengan penekanan soal pembinaan sikap, memperkukuhkan keyakinan diri, membaiki sistem nilai dan minda

mereka kerana kita fikir itulah satu modal yang paling utama yang harus kita tumpukan. Sementara program fizikal kerajaan berjalan, kita akan lengkapkan dengan pembinaan minda masyarakat luar bandar ke arah KENDIRI atau mengendalikan diri mereka sendiri dan juga kampung halaman mereka.

Program ini kita mulakan sekarang mengikut kawasan-kawasan yang terpaksa kita membuat kajian berasaskan kepada kemampuan penduduk di penempatan Felera. *Up grading* ini bukan berkonsepkan "kerajaan bagi duit dan bina" tetapi kita menggunakan pinjaman daripada institusi kewangan dengan satu kadar yang cukup menarik dan tidak membebankan.

**SOALAN :** Apakah Desa Wawasan ini akan menjadi satu kampung contoh?

**ANNUAR :** Ya pada suatu hari nanti kita mahu melihat kawasan atau kampung penempatan peserta Felera ini menjadi kampung contoh yang bakal dilawati oleh para pelancong luar untuk melihat bagaimana proses kemajuan bagi kawasan rancangan ini dapat dibuat secara berperingkat-peringkat, malah saya nak mencadangkan juga nanti agar kampung-kampung Felera juga kita harap dapat melakukan program yang sama, sebab rumah-rumah yang dibina 15 tahun dulu itu dah sampai masanya untuk kita *'upgradekan'*.

**SOALAN:** Bagaimana pula dengan bentuk rumah yang bakal didirikan nanti?

**ANNUAR :** Bentuk rumah melambangkan kesejahteraan hidup keluarga. Pokok pangkalnya program Felera mesti menumpukan ke arah meningkatkan famili mereka supaya mereka dapat menikmati jumlah pendapatan bulanan yang lebih tinggi.

Kita juga mahu menjadikan program ini sebagai satu contoh bagaimana keadaan pertanian dan kehidupan masyarakat kampung boleh dibuat dengan cara tersusun hingga wujud ciri-ciri permodenan di luar bandar dari segi cara bertani dan juga cara kehidupan.

**SOALAN :** Apakah perbezaan program dalam Gerakan Transformasi pertama dan kedua ini?

**ANNUAR :** Dalam Gerakan Transformasi pertama dulu ianya tertumpu kepada ladang, manakala transformasi kedua menumpukan kepada mempelbagaikan supaya membentuk ekonomi yang mampan. Jenis-jenis kegiatan baru mesti mula diwujudkan. Sebab itu kita menekankan soal menyediakan ilmu dan pengetahuan kepada para peserta satu program yang bercorak pembangunan manusia itu kita beri tumpuan yang lebih dalam transformasi kedua seperti program pembangunan insan, pembinaan sikap dan melengkapkan dengan kemahiran dan ilmu itu akan menjadi teras kepada Gerakan Transformasi Kedua Kawasan Luar bandar.

---

## DATUK LATIFF MIRASA TERUSKAN KESINAMBUNGAN MEMBELA BANGSA

**E**XCO Pembangunan Tanah, Usahawan dan Koperasi Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Latiff Mirasa yang terkenal sebagai seorang pakar dan ahli kaunseling psikologi yang berjaya mengubah minda ahli-ahli UMNO tidak lama dulu ketika memimpin Biro Tata Negara (BTN) mempunyai wawasan tersendiri mengapa beliau menawarkan diri bertanding kerusi Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO pada pemilihan parti Oktober depan.

Ketua UMNO Bahagian Bagan dan ADUN Kawasan Seberang Jaya di Pulau Pinang itu sudah 20 tahun berada dalam UMNO, tiga tahun sebagai Timbalan Pengarah BTN, bekas pensyarah dan guru serta juga sebagai seorang ahli korporat.

Pada mulanya beliau tidak berhasrat menawarkan diri bertanding MT, tetapi di atas desakan sebilangan besar rakan-rakan di peringkat tertinggi parti kerana ketokohnya sebagai pemimpin, lalu beliau membuat keputusan bertanding.

Bersama Latiff mewakili Pulau Mutiara itu bertanding untuk jawatan Ahli MT ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Mohd. Shariff Omar dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Menyingkap kembali kejayaannya dalam BTN beliau yang berlatarbelakangkan untuk mewujudkan satu modul kursus bina negara semasa berada di BTN telah berjaya memperkenalkan konsep Melayu Baru dengan cara yang paling berkesan sekali. Ketika itu Latiff beliau mendapat "arahan terus" daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam usaha itu banyak nilai-nilai yang diketengahkan dan tindakan-tindakan beliau menyebabkan program BTN begitu berjaya sekali hingga kini masih lagi dilaksanakan oleh BTN sekarang.

Usaha lain yang begitu terserlah yang ditonjolkan Datuk Latiff ialah corak pemikiran orang Melayu apabila beliau telah mempergunakan Konvensyen 50 Tahun UMNO Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini untuk menggerakkan semangat baru orang Melayu untuk berkorban terhadap pendidikan.

Di dalam usaha itu beliau dengan ideanya berjaya untuk menubuhkan sebuah kolej - Kolej Wawasan Putera - di Pulau Pinang yang bukan sahaja penting dari sudut keilmuan tetapi juga sebagai simbol satu semangat baru untuk orang Melayu berkorban terhadap pendidikan. "Selama ini pengorbanan memang terdapat di kalangan bukan Melayu," ujarnya ketika ditemui di Kuala Lumpur minggu lalu.

Beliau selaku Pengerusi Konvensyen itu berkata, dari usaha konvensyen itu, maka satu konvensyen yang berbeza dengan negeri-negeri lain akan diadakan. "Kita menggunakan itu dengan

mengubah cara dan dengan cara spontan ia mendapat reaksi baik. Saya juga akan menetengahkan idea saya ini di semua negeri dan saya akan cuba berbincang dengan pucuk kepimpinan peringkat nasional nanti.”

Bercakap dari sudut Pulau Pinang, Datuk Latiff menegaskan bahawa beliau yakin masalah Melayu Pulau Pinang dan juga di seluruh negara ialah masalah melihat kepada masalah-masalah yang ada sekarang didapati usaha kerajaan begitu banyak tetapi masih lagi tidak mendapat seperti yang dikehendaki.

Untuk itu katanya, “kita perlu kepada alat-alat baru yang lebih canggih dalam meningkatkan proses penyertaan bumiputra di bidang ekonomi moden termasuk ekonomi yang berbentuk *high-tech* dan implikasinya.

Di Pulau Pinang katanya, beliau telah memperkenalkan beberapa peralatan baru yang moden, walaupun telah lama digunakan, tetapi diperkenalkan umpamanya dalam konsep *incubator* (kilang bimbingan).

“Saya dalam kerajaan menyediakan alat-alat dan berkerjasama rapat dengan Dewan Perniagaan Melayu. Gabungan dan yang baik ini sudah menunjukkan ada usaha-usaha ke arah itu. Ini juga kita akan ketengahkan di negeri-negeri lain,” ujarnya.

Latiff optimis tentang kemampuan orang Melayu Pulau Pinang sekarang. Tetapi yang menjadi masalahnya ialah kita ada kekuatan politik, sumber-sumber yang banyak seperti kewangan, teknologi dan pengurusan tetapi masalahnya ialah cara melatih bumiputra menyediakan alat-alat yang baru yang membolehkan mereka berjalan di atas landasan itu. Dan ini yang akan mengubah dimensi orang Melayu bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh Malaysia.



Bercakap mengenai Melayu Pulau Pinang, Datuk Latiff berkata visinya ialah untuk mengubah corak pemikiran orang Melayu yang sedang dibuat Datuk Seri Dr Mahathir sekarang. Harapannya kepada perwakilan nanti ialah setiap perwakilan hendaklah memilih satu team pemimpin yang mempunyai pelbagai kriteria sebagai pemimpin yang berjaya dalam pelbagai bidang sama ada peringkat negeri dan pusat.

Beliau juga menolak politik wang. "Ertinya bila sampai waktu pemilihan, perwakilan mesti melupakan segala ganjaran yang merupakan jangka pendek itu. Apabila dia guna wang untuk naik sebaliknya dia tak naik, ertinya ini memberi *signal* kepada orang lain untuk naik. Pemimpin yang layak ditonjolkan ialah, dia mesti buat jasa kepada UMNO baru dia boleh naik. Kalau perwakilan melihat kepada ganjaran, rasanya UMNO akan terpengaruh dengan politik wang.

Datuk Latiff yang juga Pengerusi Biro Pendidikan UMNO Negeri sejak setahun menjawat exco tanah dan usahawan, beliau di samping menjaga pembangunan Pulau Pinang cuba membawa orang Melayu Pulau Pinang agar berjaya dalam bidang hartanah.

Justeru beliau telah mengarahkan semua Pegawai Daerah dan Pentadbir Tanah di Pulau Pinang agar melihat dan menyelesaikan kepada tanah-tanah orang Melayu yang bermasalah di samping meningkatkan nilai tanah orang Melayu serta membawa Melayu lain membeli tanah di Pulau Pinang. Bagaimanapun katanya, beliau tidak mengenenpikan mana-mana pihak di Pulau Pinang.

Kepada soalan, Latiff menegaskan masalah setinggan, kerajaan mempunyai satu dasar. Mana-mana pembangunan yang hendak dibuat, mesti diselesaikan masalah setinggan terlebih dahulu.

"Sejak saya pegang exco ini, Itulah soal utama yang saya

lakukan. Kita tak mahu mana-mana orang membangunkan tanah tetapi mengenepli masalah setingan.”

Masalah kedua di Pulau Pinang ialah masalah Kampong Melayu di dalam bandar, merupakan isu yang sedang beliau memperjuangkan sekarang ini supaya orang Melayu masih kekal di dalam bandar.

“Saya bernasib baik kerana setakat ini saya mendapat kepercayaan penuh daripada pemimpin kerajaan dan tidak merasa berat untuk saya membuat kerja kerana mereka nampak bagaimana cara saya berfikir,” ujarnya.

Datuk Latiff menolak dakwaan kononnya orang Melayu di Pulau Pinang akan terus ditakuk lama. Ia adalah satu tanggapan yang salah kerana orang Melayu Pulau Pinang kini sudah jauh berbeza.

Katanya, Exco-Exco Melayu yang ada dalam kerajaan negeri telah mempergunakan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka dengan bersungguh-sungguh. “Dalam keadaan sekarang perlunya dibina jentera dan alat baru untuk membantu bumiputra bertapak dan berjalan kerana banyak peniaga Melayu tidak berkeyakinan jika saluran-saluran biasa dan lama digunakan, mereka akan terus dikecewakan. Beliau juga berharap untuk mempercepatkan kemunculan usahawan Melayu dengan beberapa syarikat milik Melayu tertubuh di Pulau Pinang.

Latiff menyatakan Pulau Pinang adalah nadi kepada pertumbuhan industri pembuatan, begitu juga penglibatan usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS) Melayu masih lemah dan bilangannya hanya menguasai lima peratus sahaja.

Ia berdasarkan kepada pengalaman mereka di mana ada antara mereka dibantu untuk berniaga di kompleks-komplek membeli-belah, tetapi usaha ini gagal dan tidak mencapai matlamat, terutama dalam bidang pembuatan yang menggunakan teknologi.

Sementara itu Pulau Pinang mempunyai empat kawasan perindustrian hingga Mac 1996 yang disertai oleh bumiputra dalam IKS sama ada disewa ataupun dijual. Kawasan-kawasan itu ialah Taman-Taman Perindustrian Bukit Tengah, Bukit Minyak, Sungai Pinang dan Bayan Lepas.

Kedudukan kawasan perindustrian yang dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sehingga 1995 ialah 973.1 hektar meliputi Taman Perindustrian, Estet Perindustrian dan Zon Perdagangan Bebas.

Terdapat 723 buah kilang di kawasan-kawasan perindustrian tersebut dengan 195,264 guna tenaga dan modal berbayar RM4,986.4 juta. Sementara jumlah pinjaman untuk perniagaan yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Pulau Pinang ialah RM19,022,819 termasuk RM2,173,708 pinjaman kepada bumiputra.

---

## MOHD. ALI RUSTAM HARUMKAN MELAYU KE SELURUH DUNIA

**D**ATUK WIRA HAJI MOHD. ALI RUSTAM, 46, telah dilantik sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan sebaik saja memenangi pilihan raya umum 1996 di Parlimen Batu Berendam, Melaka. Sebelum itu beliau adalah bekas Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian, Sains dan Teknologi Negeri Melaka.

Mohd. Ali sebenarnya bukan orang baru dalam politik kerana beliau telah menjadi anggota UMNO sejak 1969. Karier politiknya terserlah apabila beliau dipilih sebagai Ketua UMNO Cawangan Bukit Katil (1980-1995), Ketua UMNO Bahagian Batu Berendam (1986-1995), Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka (1986-1995).

Penglibatan beliau dalam politik bermula selepas tamat persekolahan dan kemudiannya menyertai pergerakan belia. Sebagai pelajar sebelumnya pun beliau seorang pelajar yang aktif di dalam per-

satuan.. Tidak hairanlah beliau terpilih sebagai orang kuat dalam pergerakan belia.

Mohd. Ali mula berkhidmat dalam perkhimatan kerajaan sebagai Pegawai KEMAS. Beliau pernah menjawat sebagai Penolong Pengarah KEMAS Kedah, Pengarah KEMAS Perlis, Wilayah Persekutuan dan Melaka (1979-1983). Beliau juga pernah menjawat Setiausaha Khas Ketua Menteri Melaka (1984-1986), Exco Kerajaan Negeri (1986-1995) dan Presiden Assembly of Youth (WAY) - 1993-1997.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Kemasyarakatan daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Mohd. Ali sehingga kini juga aktif dalam kegiatan-kegiatan sukarela. Antaranya selaku Pengerusi World Youth Foundation (1994-1997) dan Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia (1994-1997).

Beliau adalah wakil rakyat Malaysia yang pertama dipilih sebagai Naib Persiden Pergerakan Belia Sedunia pada 1989.

Dan pada 1993 beliau sekali lagi mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia dan rakyat Asia pertama dipilih menjadi Presiden WAY.

Ayah kepada tiga orang anak ini sebenarnya mempunyai semangat yang tinggi dan pandangan yang jauh terhadap masa depan para belia Malaysia. Visinya ialah untuk melihat para belia negara berhempah mulia dan mementingkan ilmu. Lalu Mohd. Ali melalui Gerakan Belia 4B mengatur pelbagai program utama dalam usaha menarik lebih ramai belia menyertai pergerakan itu. Antara agenda besarnya ialah mengadakan pendekatan kepimpinan Belia 4B terhadap belia dan beliawanis yang bekerja di kilang-kilang tempatan di seluruh negara dan masuk ke perkampungan Orang Asli dengan harapan yang sama.

“Kita akan melawat kampung-kampung Orang Asli untuk memberi penerangan lebih luas tentang peranan belia dalam pembangunan negara di samping menarik mereka menjadi ahli. Selama ini Orang Asli tidak didedahkan dengan kegiatan-kegiatan membabitkan orang ramai. Mereka memerlukan bimbingan dan pendedahan agar lebih yakin dan aktif”, ujar Mohd. Ali. Satu lagi aktiviti Belia 4B ialah memberi ceramah agama kepada golongan belia di kampung-kampung di seluruh Malaysia.

Bertemubual dengan Datuk Wira Haji Mohd Ali Rustam, seolah-olah tidak lengkap apabila tidak membicarakan tentang kedudukannya sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan. Justeru di sini Mohd. Ali cuba memaparkan harapan dan wawasannya dengan menegaskan bahawa kementeriannya akan mempertingkatkan keupayaan bagi melancarkan sistem pengangkutan di seluruh negara supaya lebih efisien, cekap dan mampu memenuhi semua cabaran pembangunan negara.

Kementeriannya akan sentiasa memperbaiki sistem perhubungan yang lebih teratur dan sempurna supaya ia tidak mencacatkan proses pembangunan negara yang sedang pesat berkembang.

Beliau yakin apabila Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) bermula Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan dapat mengatasi masalah kesesakan dalam bandar Kuala Lumpur akan dapat diatasi walaupun tidak 100 peratus. Orang ramai tidak perlu lagi menggunakan kereta untuk berulang alik ke tempat kerja.

“Sekurang-kurangnya keadaan kesesakan yang berkurangan mampu mengimbangi tekanan fikiran yang mereka hadapi saban hari.”

Apabila semua sistem perjalanan pengangkutan seperti LRT, KTM Komuter dan bas berjalan lancar, Kementerian Pengangkutan akan memperkenalkan beberapa peraturan baru bagi menghadkan kemasukan kereta ke dalam kawasan bandaraya.

Contohnya seperti untuk melalui jalan-jalan utama, sesebuah kereta itu mesti mempunyai empat orang penumpang, mengurangkan tempat letak kereta di tepi-tepi jalan di dalam bandar.

Salah satu yang menyebabkan kesesakan ialah kurangnya tempat letak kereta tetapi banyak bangunan baru pencakar langit makin banyak dibina, jadi di mana kereta-kereta ini nak letak. Jadi dengan adanya peraturan baru seperti itu secara tidak langsung ia dapat mengurangkan masalah kesesakan yang berlaku dalam kawasan bandar.

“Mungkin sekarang kempen ‘kongsi kereta’ yang kita lancarkan kurang mendapat sambutan kerana sistem pengangkutan awam kita sendiri belum benar-benar lengkap. Tapi nanti (bila semuanya lengkap) tidak ada alasan lagi dan memudahkan penguatkuasaan.”

“Bila ramai yang naik kenderaan awam dan selesa, mereka boleh memunafatkan masa. Bila banyak membaca, wawasan negara akan mudah terlaksana.”

Di samping itu menurut Mohd. Ali, semua agensi yang terbabit berkaitan dengan jalan raya seperti telekom, JKR, TNB, Jabatan Saliran dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu sepakat dan merancang kerja-kerja mereka dengan lebih teratur dan selaras.

Menurutnya, sekarang ini banyak jalan raya rosak akibat kerja-kerja pengorekkan jalan yang tidak terancang oleh agensi-agensi terbabit dan mengganggu kelancaran sistem pengangkutan.

“Hari ini, jabatan itu korek dan kambus. Esok agensi lain pula buat demikian, walaupun perkara itu sepatutnya tidak sukar kalau dirancang bersama.”

Menurut beliau, kementeriannya tidak sesekali mengabaikan pembangunan di luar bandar. “Boleh dikatakan hampir kesemua

daerah utama di seluruh negara kita telah bina pejabat JPJ yang memberikan pelbagai khidmat dan kemudahan kepada orang ramai. Mereka, khususnya orang kampung tidak perlu lagi bergegas ke bandar untuk berurusan dengan JPJ. Selain itu, kita turut meningkatkan kualiti di pejabat-pejabat ini agar orang ramai mampu berurusan dengan lebih mesra dan selesa. Kita bersyukur kerana imej JPJ dari masa ke semasa kian baik dan suatu yang membanggakan ialah kerjasama masyarakat sentiasa kami terima. Kita juga akan memperluas dan meningkatkan perkhidmatan di seluruh negara termasuk membuka pejabat-pejabat baru di daerah-daerah kecil. Dengan cara itu masalah kesesakan yang berlaku di kaunter JPJ di bandar-bandar utama akan dapat di atasi.

“Orang ramai di luar bandar tidak perlu lagi membuang masa pergi ke bandar untuk memperbaharui cukai jalan, lesen, tukar nama dan sebagainya kerana perkhidmatan tersebut terdapat di kawasan-kawasan luar bandar dan perkhidmatannya sama dengan JPJ di bandar.

“Kita hanya menguatkuasakan undang-undang, sedangkan pembangunan dilakukan oleh pihak berkuasa lain. Tapi kami terbabit secara langsung dalam menentukan keadaan jalan di mana-mana kawasan lebih selamat dan teratur. Pegawai kita turut dalam perbincangan sebelum sesuatu kawasan atau jalan dibina.”

“Selain itu kemudahan pengangkutan juga dipertingkatkan. Contohnya, seperti mengadakan sistem rel yang lebih baik, memperluaskan perkhidmatan komuter. Kabinet pun telah meluluskan pembinaan landasan keretapi berkembar sepanjang 174.7 km bernilai RM1.8 bilion yang menghubungkan Rawang dan Ipoh.

“Apabila perkhidmatan kerajaan di Putra Jaya dibuka dengan sistem pengangkutan yang baik seperti keretapi laju, saya percaya kesesakan yang berlaku di Kuala Lumpur akan diatasi,” jelas beliau.



Walaupun dengan adanya sistem LRT, komuter dan pengangkutan bas yang lebih baik tetapi Kementerian Pengangkutan akan sentiasa mengikuti perkembangan semasa bagi memperbaiki sistem pengangkutan yang cekap dan selesa kerana penduduk negara ini kian bertambah.

“Apa yang kita dukacita ialah yang banyak terbunuh di jalan raya ialah generasi muda. Anak bangsa kita yang berpotensi sebagai pemimpin masa depan. Kita rasakan kehilangan ini, apatah lagi mereka menjadi harapan keluarga, bangsa dan negara.”

Bagaimanapun Mohd. Ali menafikan kempen-kempen yang dijalankan selama ini mengenai keselamatan jalan raya adalah gagal.

Sebenarnya yang gagal adalah pengguna jalan raya itu sendiri yang tidak memahami maksud kempen-kempen keselamatan yang dijalankan selama ini. “Kita lihat kempen yang kita lakukan telah disusuli oleh pihak swasta, khususnya syarikat pengeluar minyak yang nampaknya serius membantu kita.”

“Namun satu usaha yang kita harapkan dapat mengatasi masalah ini ialah memberikan tempoh dua tahun sebagai tempoh pemerhatian kepada pemegang lesen baru.”


Sementara itu Mohd. Ali berkata beliau telah merancang beberapa program kepimpinan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kepimpinan belia. Beliau mengakui sejak ke belakang ini pergerakan belia agak lembab terutamanya di peringkat bandar. Pertubuhan belia tidak boleh diketepikan begitu sahaja kerana selama inilah banyak pemimpin-pemimpin politik, korporat dan bidang profesional yang lain lahir daripada kalangan mereka yang pernah memimpin pertubuhan belia suatu ketika dahulu.

“Pertubuhan belia menjadi pemangkin utama kepada pertubuhan UMNO kerana pertubuhan belia itu sendiri didaftarkan

oleh UMNO kerana ia menjadi wadah tempat UMNO untuk menyampaikan segala bantuan dan masej kepada golongan belia.”

Justeru itu melalui kursus kepimpinan yang dirancang itu amat penting bagi meningkatkan kualiti kepimpinan belia kerana mereka bakal menjadi pemimpin-pemimpin politik di masa akan datang.

Menurutnya, pertubuhan-pertubuhan belia juga akan dikormesialkan sesuai dengan perkembangan dunia hari ini. Beliau tidak mahu lagi pertubuhan belia dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti yang bercorak kekampungan seperti menjalankan projek-projek pertanian dan penternakan sahaja.



---

## WANITA MASIH PERLUKAN RAFIDAH

**N**ama Datin Hajah Nik Azizah Haji Nik Yahya memang tidak asing lagi di kalangan Wanita UMNO sama ada di Kelantan mahupun di Malaysia. Beliau adalah Exco Pergerakan tersebut yang tidak mempunyai jawatan seperti Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen dan juga Senator. Tetapi beliau telah menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya demi agama bangsa dan negara. Justeru beliau sekali lagi menawar diri untuk bertanding jawatan Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Mengapa Nik Azizah mahu mempertahankan jawatan itu.

Ikuti temubual dengannya sambil beliau menyingkap mendedahkan ada segelintir ahli "menikam dari belakang" yang menyebabkan UMNO tewas pada pilihan raya umum 1990 dan 1995.

**SOALAN :** Apakah yang menyebabkan Datin mahu mempertahankan jawatan Ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO

**Malaysia pada pemilihan tahun ini dan apakah Datin mempunyai matlamat tersendiri memperjuangkan hak wanita di Kelantan?**

**AZIZAH :** Sebenarnya negeri-negeri lain di Malaysia mempunyai keluasan tertentu. Di Kelantan misalnya, keluasannya agak ketara. Saya mempertahankan jawatan Exco Wanita kerana mahu menjaga negeri yang terkenal dengan kemunduran ini dengan tahap kemiskinan yang tinggi di bawah pemerintahan Pas.

Saya mahu teruskan kesinambungan tanggungjawab sebagai ahli UMNO yang cintakan agama, bangsa dan negara sendiri di samping meneruskan perjuangan membawa masuk seberapa ramai yang boleh ahli-ahli parti lain ke dalam UMNO. Menyedari juga ramai di kalangan wanita di Kelantan masih lagi terkebelakang dalam segala bidang, maka perjuangan saya adalah untuk mengubah corak hidup mereka.

Biarpun wanita yang selama ini duduk bersendirian mengurus rumah tangga akan membabitkan diri dalam perniagaan, kecil pun sudah baik daripada tanpa berbuat apa-apa. Kerana itulah saya berasa bertanggungjawab mahu meneruskan perjuangan ini, mahu menyelaraskan apa yang dipelopori oleh wanita-wanita di Kelantan ini. Beradanya saya dalam Exco Wanita, sekurang-kurangnya suara mereka dapat diperdengarkan di peringkat negara. Saya mahu imej mereka naik setanding dengan wanita-wanita di negeri lain.

**SOALAN: Sepenggal menganggotai Exco Wanita apakah perkembangan yang telah dicapai?**

**AZIZAH:** Setakat ini wanita Kelantan sudah hampir maju terutama dalam bidang perniagaan. Mereka sudah bertamadun berbanding tahun-tahun sebelum ini. Banyak pembelaan telah dilakukan sehingga mereka tidak lagi dicemuh dan diejek oleh wanita negeri-negeri lain.

Dengan kata lain, tahap kemiskinan yang mereka hadapi sudah dapat diatasi. Pada dasarnya memang banyak lagi perjuangan yang harus saya teruskan, sebab itu saya mahu mengekalkan jawatan itu agar pembelaan terhadap mereka dapat diperkembang-luaskan dalam pelbagai bidang. Begitu juga dengan perancangan terperinci untuk dibabitkan oleh golongan belia.

**SOALAN :** Melihat senarai calon yang bertanding tahun ini dan mengekalkan jawatan, semuanya boleh dikatakan berwibawa. Tidakkah Datin merasakan ia satu persaingan hebat dan dapatkah Datin menaruh keyakinan akan menang?

**AZIZAH :** Memang ada persaingan dan semuanya berwibawa. Saya tidak boleh memperkecilkan kewibawaan mereka kerana masing-masing ada bidang tugas yang hendak ditonjolkan untuk negeri masing-masing. Di Kelantan tidak ramai yang bertanding.

Oleh itu apa yang saya minta bagi kalangan wanita di negeri-negeri lain, mereka sentiasa turut serta memberi kerjasama kepada pemimpin wanita mereka termasuk kepimpinan wanita di Kelantan. Sepatutnya begitu juga bagi wanita-wanita Kelantan memberi sokongan padu kepada kepimpinan mereka sendiri untuk terus mendapat pembelaan. Tetapi memandangkan Kelantan ini luas, sepatutnya ada ramai Exco Wanita bagi membantu UMNO kembali menerajui Kelantan.

**SOALAN:** Apakah peranan Wanita Kelantan setakat ini?

**AZIZAH :** Apa yang telah dijalankan masa lalu dan masa akan datang, perancangan-perancangan untuk Kelantan sudah diatur susun oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Annuar Musa sendiri. Tugas saya sebagai Ahli Exco Wanita dan Ketua Pergerakan Wanita Bahagian Kota Bharu hanya menyelaras apa yang telah disusun oleh pucuk kepimpinan UMNO

Negeri. Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh Ketua-Ketua Pergerakan Wanita UMNO Bahagian lain. Mereka saling menyelaraskan.

**SOALAN : Apa pula peranan Wanita Kelantan bagi menghadapi pilihan raya akan datang?**

**AZIZAH:** Di bahagian Kota Bharu sendiri, wanita sentiasa bersiap sedia pada bila-bila masa. Bahagian ini telahpun menubuhkan jawatankuasa di peringkat peti undi masing-masing, begitu juga dengan bahagian-bahagian lain. Masing-masing telah menjalankan mandat dan amanah tersendiri bagi memenangi pilihan raya.

Saya juga telah mengarahkan jawatankuasa peringkat peti undi agar sentiasa mengadakan mesyuarat dengan memastikan muda mudi yang berkelayakan mendaftar menjadi ahli UMNO. Mereka juga disarankan sentiasa berbaik-baik dengan orang ramai dan mendampingi mereka supaya mereka faham dengan perjuangan sebenar UMNO. Sebab itu peranan ketua sendiri ialah masuk ke kampung-kampung bersua muka dan bertanya khabar, jangan bila dekat pilihan raya baru hendak bertemu muka dengan orang ramai. Mereka tidak menerima cara sedemikian. Kita harus bermula dari sekarang dan setiap masa tidak kira waktu atau keadaan apa sekalipun. Itu yang dilakukan di peringkat bahagian selaku ketua bahagian dan menjelajah ke setiap jajahan di seluruh Kelantan, sebagai Exco Wanita Negeri.

**SOALAN : Apakah pendirian Datin terhadap kepimpinan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz?**

**AZIZAH :** Buat masa sekarang kepimpinan Datuk Seri Rafidah Aziz masih diperlukan dan tidak perlu dipertikaikan kerana dia telah menjalankan tugasnya dengan baik sama ada dalam negeri

mahupun seluruh Malaysia dan sekaligus bertindak sebagai wakil Wanita UMNO di peringkat antarabangsa.

Selama ini kita laung-laungkan untuk menambahkan lagi kepimpinan wanita di peringkat antarabangsa dan kini sudah ada Wanita dan Ketua Wanita yang berwibawa seperti Datuk Seri Rafidah dan beberapa pemimpin yang ada sekarang termasuklah Datin Paduka Zaleha Ismail, Datuk Napsiah Omar dan Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman. Cuma saya harap mereka ini tunggulah giliran untuk menjadi ketua. Apa salahnya kita memberi peluang kepada Rafidah menerajui kepimpinannya menaikkan imej wanita bukan sahaja di seluruh negara malah hingga ke peringkat antarabangsa. Tidak dinafikan sejak kepimpinannya, kerusi untuk wanita bertambah berbanding sebelum ini. Inilah kejayaan yang dicapainya dan tidak ada sebab mengapa jawatan yang disandangnya sekarang direbut. Untuk mengelakkan daripada cantas mencantas saya selaku suara wanita Kelantan menyarankan agar memberi peluang kepada beliau (Rafidah) meneruskan kepimpinannya untuk tempoh sepenggal lagi.

**SOALAN :** Kita lihat wanita kini hampir sama tarafnya dengan kedudukan kepimpinan UMNO dan Pemuda. Apakah yang mendorong Wanita ke arah itu?

**AZIZAH :** Sebenarnya Wanita adalah sayap kiri ataupun dikatakan tulang belakang kepada UMNO. Jadi kita sedar dan tidak boleh mengatasi UMNO keseluruhannya. Bagi wanita cukuplah dengan nisbah 3:10, itu satu kesyukuran bagi wanita. Dari segi agama sekalipun lelaki patut menjadi tunggak dan ketua pemimpin kepada wanita. Permintaan wanita pun ada tahapnya tidak seperti negara-negara barat. Apa yang kita mahu ialah setiap kali ada persidangan sekurang-kurangnya kita ada wakil, ada pihak mendengar rintihan dan keluhan. Wanita sedar wanita perlu bersikap sederhana dan memadai dengan apa yang ada. Tuduhan yang mengatakan



wanita mahu mengambil peranan atau meminta yang lebih-lebih itu tidak benar. Kita hanya sekadar mahu keluhan kita didengar dan diambil perhatian.

**SOALAN :** **Sepanjang memegang jawatan Exco wanita Datin tidak memegang apa-apa portfolio.....**

**AZIZAH :** Boleh dikatakan keseluruhan ahli Exco Wanita UMNO Malaysia ini berjawatan sebagai wakil rakyat, Ahli Parlimen dan Senator. Ahli Exco yang tidak ada jawatan, tidak ada gaji ialah saya seorang. Inilah buktinya saya menduduki jawatan Exco bukan untuk kepentingan diri sebaliknya mahu berjuang dan berkhidmat untuk kepentingan rakyat. Saya tidak memandang kepada itu semua, kerana tujuan saya pun hanyalah mahu menaikkan imej wanita UMNO Kelantan sahaja.

**SOALAN :** **Apakah Datin tidak iri hati dengan rakan-rakan sejawatan yang memegang jawatan itu?**

**AZIZAH :** Saya tidak pernah rasa iri hati. Sebab saya masuk UMNO dan memegang jawatan Exco adalah kerana keikhlasan hati, mahu menjadi hamba kepada UMNO. Yang penting saya berpuas hati dengan perkhidmatan yang telah saya berikan kepada masyarakat dan negara. Dengan keadaan begini pun saya sanggup mempertahankan jawatan ini, bukan untuk menagih sebarang jawatan penting dalam parti, cukuplah sekadar Ketua Bahagian dan Exco Wanita UMNO Malaysia. Apa yang saya harapkan pada pilihan raya akan datang kuota untuk wanita ditambah, bukan untuk saya tetapi untuk wanita yang berwibawa dan layak.

**SOALAN :** **Kekalahan UMNO di Kelantan pada pilihan raya umum 1990 dan 1995 kerana ada segelintir ahli UMNO sendiri bertindak "menikam dari belakang". Apakah benar kenyataan ini?**

**AZIZAH :** Memang benar. Perbuatan tikam dari belakang ini memang berlaku dan tidak dinafikan tetapi perbuatan seperti inilah yang menyebabkan UMNO tidak dapat bertahan selama dua penggal. Dari sinilah kita dapat tahu bahawa tidak ada keikhlasan di kalangan ahli parti sendiri. Macam mana UMNO hendak memenangi perasaan orang lain terutama sekali ahli Pas dan S46, kalau dalam UMNO sendiri berlaku kekacauan.

Sepatutnya perbuatan seperti itu tidak ada dalam UMNO dan jika ada lagi patut dikikiskan. Marilah sama-sama kita bersatu, berjuang demi kepentingan bangsa Melayu dan parti yang membela dan membawa orang-orang Melayu ke puncak jaya. Kalau ada perbuatan cucuk menyucuk, fitnah memfitnah bermakna dirinya masih belum cukup dengan didikan agama. Kalau cukup mereka tidak akan lakukan perkara itu, dia akan bertindak matang dalam menangani segala perkara. Inilah ahli UMNO sebenar.

**SOALAN :** Ahli S46 akan menyertai semula UMNO. Ini bermakna satu pencapaian besar dalam perjuangan parti Melayu di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tetapi tidak dapat dinafikan kemasukan ahli S46 itu akan menggugat kedudukan ahli UMNO yang sedia ada.

**AZIZAH :** Bagi saya soal gugat tidak sama sekali. Malah saya menyambut baik kemasukan mereka. Saya dengan pintu dan tangan terbuka menyambut kemasukan ahli S46 kerana kemasukan mereka ke dalam UMNO sekaligus akan menaikkan imej UMNO (wanita) Kelantan dan Malaysia amnya. Dengan ini kuota untuk wanita akan ditambah. Begitulah harapan saya.

1870  
1871  
1872  
1873  
1874  
1875  
1876  
1877  
1878  
1879  
1880  
1881  
1882  
1883  
1884  
1885  
1886  
1887  
1888  
1889  
1890  
1891  
1892  
1893  
1894  
1895  
1896  
1897  
1898  
1899  
1900

---

## PAHANG WAJAR LEBIH CALON

**P**AHANG merupakan negeri paling besar di Semenanjung dan berdasarkan faktor itu, adalah wajar negeri itu diberikan 'peruntukan' yang lebih kerusi Exco Pergerakan Pemuda UMNO.

Dengan tiga calon yang dikemukakan, tidak mustahil sekiranya para perwakilan memberikan tiga kerusi exco kepada wakil negeri Tok Gajah itu.

Harapan ini disuarakan oleh salah seorang calon Exco Pemuda, Abd. Fattah Haji Abdullah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang. Selain itu beliau berpendapat, keterampilan tokoh-tokoh muda seharusnya mendapat perhatian kerana diyakini mereka mampu menyumbang ke arah kesejahteraan parti.

Abd. Fattah sendiri yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Lipis mempunyai sebab tersendiri mengapa beli-

au menawar diri dalam pemilihan Oktober ini. Faktor utamanya adalah setelah mendapat dorongan daripada rakan-rakan sama ada di Pahang dan di peringkat nasional, apa lagi direstui oleh Pergerakan Pemuda UMNO Negeri. Fattah menjadi pilihan utama bagi Pahang mungkin kerana dia adalah seorang pemimpin muda yang berkebolehan.

Faktor paling penting mengapa beliau mahu berada di peringkat pusat kali ini adalah kerana ingin meneruskan baktinya kepada parti di peringkat yang lebih tinggi. "Dengan sedikit sebanyak pengalaman yang ada, saya bersedia ke pusat untuk membantu rakan-rakan meneruskan agenda parti yang belum selesai demi untuk kepentingan ahli, parti dan kerajaan," ujarinya ketika ditemui di majlis Makan Malam Persatuan Anak-Anak Pahang (PEKAP) di Kuala Lumpur di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur Sabtu lalu.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Menteri Besar Pahang Tan Sri Mohd. Khalil Yaakub.

Bersama Fattah, pemimpin muda yang mewakili Pahang untuk menawarkan diri ialah tiga Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Azizan Yaakub (Pulau Tawar), Suhaimi Ibrahim (Benta) dan Datuk Shahiruddin Abdul Moin (Dong). Shahiruddin yang juga Exco Kerajaan Negeri bagaimanapun menarik diri dari meneruskan hasratnya sebelum ini bertanding kerusi Naib Ketua Pemuda.

Dalam menentukan nasibnya, Fattah yang juga Ketua Penerangan Pemuda UMNO Negeri dan AJK Biro Penerangan Pemuda UMNO Malaysia menyerahkan kepada kebijaksanaan perwakilan untuk menentukan pilihan mereka.

Tapi apa yang penting bagi Fattah, beliau mahu berkhidmat kepada parti. "Saya rasa saya sudah cukup pengalaman ke arah itu dan terpulanglah kepada perwakilan untuk menentukan siapa yang mahu mereka pilih".

Begitupun Fattah berkata, Pahang adalah sebuah negeri yang luas dan mempunyai 11 Bahagian UMNO. Kerana itu adalah layak beberapa orang calon Pahang dipilih menduduki kerusi Exco Pemuda UMNO Malaysia.

Sebagai pemimpin muda yang bersih dan tidak mementingkan diri, Fattah mampu untuk berdiri stabil dan konsisten sehingga sekarang dan disegani rakan dan masyarakat setempat. Beliau mempunyai prinsip tersendiri dalam perjuangannya iaitu mementingkan rakyat kerana rakyatlah yang telah meletakkannya sebagai pemimpin.

"Bila rakyat mengangkat diri saya sebagai pemimpin, bermakna rakyat meletakkan amanah yang tinggi untuk memperjuangkan kepentingan mereka. Saya sentiasa berpegang kepada amanah itu dan sebab itulah merasakan diri saya layak bertanding jawatan Exco Pemuda," ujarnya.

Barangkali di atas prinsip itulah juga menjadikan Fattah sebagai seorang pemimpin muda yang berjiwa rakyat dan sering kelihatan bersama-sama rakyat di kawasannya, apa lagi di kalangan belia.

Tidak hairanlah Fattah dikatakan kini menjadi calon favorite untuk menduduki salah satu kerusi Exco Pemuda musim ini.

Seperti yang saya katakan tadi, beliau sering bersama rakyat terutamanya para belia di kawasannya. Di dalam pergerakan belia Fattah adalah Pengerusi Belia 4B Daerah Kuala Lipis, Naib Presiden (1) Majlis Belia Negeri Pahang dan di peringkat pusat beliau adalah Exco Majlis Belia Malaysia (MBM). Beliau juga

bergaul rapat dengan penulis Pahang, justeru beliau tidak keberatan untuk menjawat jawatan Yang Dipertua Dewan Persuratan Melayu Pahang Cawangan Kuala Lipis.

Selain itu Fattah juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Felcra Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah Sumber Perindu Sdn Bhd (anak syarikat Yayasan Pahang), Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Pahang dan Ahli Jawatankuasa Pertanian dan Perikanan Negeri Pahang.

---

## Perkembangan hebat politik abad ini SASARAN TIGA GOLONGAN

**K**ETUA UMNO Bahagian Seremban Datuk Ishak Ismail berkata, pemimpin UMNO akan menghadapi cabaran yang bersifat domestik dan global dan perkembangan ini semakin ketara sebaik sahaja Malaysia mula mendapat perhatian di serata dunia dengan kepimpinan cemerlang Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang dihormati oleh negara-negara membangun.

Katanya lagi, cabaran kepada setiap pemimpin UMNO akan bertambah hasil perkembangan dunia korporat. Kerana itu setiap pemimpin sama ada di peringkat cawangan, bahagian ataupun di peringkat pusat perlu meningkatkan ilmu pengetahuan.

“Memang ada kemungkinan, sistem dunia korporat akan lebih mencengkam dalam sistem bermasyarakat dan politik negara seperti yang melanda di beberapa negara maju seperti Jepun dan Korea,” ujarnya.



Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lenggeng berkata, selain meningkatkan ilmu pengetahuan, pemimpin UMNO perlu juga memperbaiki akhlak supaya pengikut-pengikut parti terhindar daripada keruntuhan moral dan akhlak demi menjaga maruah parti pada pandangan pihak lain.

"Pemimpin yang berpengetahuan dan berakhlak mulia sahaja tidak memadai sekiranya mereka tidak memahami dan menyelami asal usul perjuangan bangsa Melayu. Sekiranya hal ini tidak dititikberatkan, seseorang pemimpin itu mudah memesongkan perjuangan bangsa Melayu. Sekiranya ini berlaku, mereka dengan mudah berjuang demi kepentingan peribadi tanpa mengambil kira kepentingan keseluruhan bangsa Melayu.

"Setelah kita tahu asal usul diri sendiri dan perjuangan bangsa Melayu, perjuangan bangsa Melayu mampu diteruskan untuk menghadapi cabaran-cabaran pada dekad akan datang. Dengan berpegang kepada asal-usul bangsa, perjuangan seseorang pemimpin untuk memaruhkan bangsa ke peringkat antarabangsa lebih mudah untuk dicapai.

"Sebagai contohnya, kita tidak mahu pemimpin-pemimpin pada dekad akan datang terlalu memikirkan proses 'Malaysianisasi' yang terlalu menyimpang daripada asas perjuangan bangsa Melayu," tambahnya ketika ditemui baru-baru ini.

Setelah pemimpin-pemimpin bangsa Melayu mempunyai ciri-ciri di atas, mereka dengan sendirinya akan bersifat penyayang terhadap perjuangan pemimpin-pemimpin bangsa Melayu sebelumnya. Sekalipun telah bergelar pemimpin, mereka tidak terlalu bersikap angkuh dan menunjuk-nunjuk kuasa. Apa yang penting ialah pengertian mereka yang menyeluruh terhadap perjuangan bangsa Melayu supaya tidak disalahtafsirkan oleh pihak-pihak lain.

Bercakap mengenai pemilihan pucuk kepimpinan parti tahun ini, Ishak berkata, pemimpin-pemimpin UMNO memerlukan gabungan pemimpin daripada pelbagai latar belakang. Sekiranya gabungan ini dapat dijayakan, perjuangan UMNO mampu digerakkan ke arah yang lebih membanggakan.

Katanya lagi, "percaturan ini telah mula tergambar sejak pemilihan yang lalu. Bangsa Melayu perlu sedar, tidak semua pemimpin memiliki ciri-ciri yang terangkum. Tetapi ciri-ciri itu boleh digabung-gabungkan sebagai satu pemulihan imej ke arah mencapai mercu kejayaan yang lebih cemerlang."

Perkembangan politik tanah air sejak sedekad yang lalu telah wujud tiga kelas pemimpin iaitu tokoh politik, tokoh korporat dan yang lebih penting ialah tokoh politik-korporat.

Tokoh politik lebih mementingkan perjuangan bangsa Melayu dengan memimpin orang ramai. Sementara tokoh korporat biasanya lebih mementingkan keuntungan daripada pelaburannya. Tetapi berbeza dengan tokoh korporat-politik yang mengagihkan keuntungan yang dimiliki untuk kepentingan orang ramai. Pemimpin kategori ini akan berhubung dengan orang ramai dan dalam masa yang sama menggunakan tenaga kerja dalam bidang perniagaan untuk faedah orang ramai.



---

## JANGAN CURIGAI PEMIMPIN NEGERI - Datuk Mohd. Aini Taib

**P**ENGERUSI Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan dan Perbandaran Negeri Selangor (Exco), Datuk Mohd. Aini Taib mempunyai pendirian yang berbeza mengapa beliau menawarkan diri bertanding untuk kerusi Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO pada pemilihan pucuk kepimpinan parti itu sesi 1996-1999 ini.

Penawaran dirinya lebih menjurus ke arah menyeragamkan pembahagian dan penyatuan tugas antara pemimpin-pemimpin peringkat atasan (pusat) dengan pemimpin-pemimpin peringkat negeri.

Jika matlamat ini dapat dilaksanakan oleh perwakilan kali ini, UMNO akan berupaya menangani apa juga permasalahan apabila terdapat pelbagai golongan pemimpin yang berupaya membentuk dasar-dasar perjuangan UMNO pada masa depan. Kehadiran pemimpin-pemimpin peringkat negeri seperti Exco kerajaan negeri seharusnya dipertimbangkan oleh setiap perwakilan.

"Kehadiran mereka tidak seharusnya dicurigai atau 'mencuri peluang' pemimpin-pemimpin peringkat pusat," ujarnya dalam satu pertemuan khas dengannya di Shah Alam baru-baru ini.

Beliau juga berpendapat, kehadiran beberapa Exco Kerajaan Negeri dalam MKT dapat bersama-sama menyumbang dalam badan yang merombak polisi parti yang terunggul. "Sebagai badan perombak polisi parti, kehadiran Exco kerajaan negeri seharusnya diterima dalam nada dan suasana yang terbuka," tambahnya.

Sebagai calon yang menawarkan diri di peringkat MKT, Datuk Mohd Aini merasakan beliau mampu untuk memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin untuk kepentingan parti pada masa depan. Ini katanya, berdasarkan pengalamannya sebagai Exco yang berupaya menangani pelbagai permasalahan di peringkat negeri hasil keyakinan dan kepercayaan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd.Taib.

"Setiap ahli parti seharusnya menerima pandangan beberapa golongan lain dalam parti demi kecemerlangan parti pada masa depan. Cabaran pada masa depan dipercayai lebih hebat dan seharusnya ditangani dengan berkesan.

"Selangor sebagai sebuah negeri yang paling pesat membangun tentunya dapat dikongsi dengan negeri-negeri lain. Kerana itulah kerajaan negeri meletakkan sasaran tahun 2005 iaitu 15 tahun lebih cepat daripada Wawasan 2020. Dengan berada di peringkat MKT, kejayaan pembangunan negeri mampu disalurkan di peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Apabila keadaan ini dapat dilaksanakan, ekonomi negara yang setakat ini secara tidak sedar bergantung kepada sumbangan beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang, Johor dan Selangor berupaya dilipatgandakan untuk menjadikan negeri-negeri lain sebagai pemangkin ekonomi negara. Negeri-negeri yang berpotensi menja-

di pemangkin ekonomi negara seperti Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Pahang dan Terengganu.

Tambahnya lagi, "Dalam usaha mengekalkan pembangunan ekonomi negeri Selangor, kerajaan negeri melaksanakan pelbagai dasar. "Semua dasar ini tidak dapat diketengahkan dan dikongsi bersama sekiranya kerajaan negeri tidak mempunyai wakil di peringkat MKT."

"Sebagai Exco kerajaan, saya lebih banyak memahami cara pelaksanaan membangunkan negeri Selangor seperti yang dikehendaki Menteri Besar. Dalam usaha membangunkan ekonomi negeri tentunya terdapat beberapa halangan yang memerlukan kebijaksanaan menanganinya."

Mohd Aini juga menegaskan, beliau sentiasa menyokong kepimpinan Tan Sri Muhammad Muhd.Taib yang berupaya menjadikan Selangor sebagai negeri yang paling pesat membangun. Beliau juga akan terus menyokong dan memainkan peranan yang dikehendaki Menteri Besar untuk mencatatkan kecemerlangan ekonomi negeri hingga dekad akan datang.

Sebagai pemimpin peringkat Exco yang menawarkan diri, Mohd. Aini juga berpendapat, seseorang pemimpin itu harus memahami polisi negara dan boleh menyuarakan pendapat yang bernas. "Kalau kita bersama di peringkat tertinggi parti, kita tahu apa masalah utama pentadbiran negeri. Kerana apa sekalipun pembangunan yang hendak dilaksanakan pasti berkait rapat dengan masalah-masalah tertentu. Dengan cara ini kita mudah mengatasinya."

Sebagai Exco, beliau juga terlibat secara langsung mengenal-pasti dan mengatasi setiap permasalahan yang wujud dalam usaha membangunkan ekonomi negeri. Pengalaman inilah yang mampu diketengahkan di peringkat penggubal dasar-dasar parti.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Belanjawan Negeri berpendapat, proses perancangan dan pembangunan yang mampu dilaksanakan dengan cepat tentunya perlu dikongsi bersama dengan negeri-negeri lain. Masalah remeh-temeh yang menjadi penghalang juga dapat diatasi dengan jayanya tanpa menjejaskan kepentingan orang ramai.

"Sebagai Meteri Besar, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib tentunya memerlukan sokongan dalam usaha mengekalkan pencapaian cemerlang ekonomi negeri. Begitu juga di peringkat parti. Sebagai Exco yang juga bertanggungjawab dalam soal kewangan dan belanjawan, saya perlu membuat keputusan mengikut kepentingan pembangunan negeri,".

"Sekiranya negara merancang membangunkan *hightec*, saya perlu mengeluarkan budget yang tinggi untuk ini. Adalah mustahil saya mengeluarkan budget yang tinggi untuk pertanian yang tentunya bercanggah dengan dasar kerajaan.

Beliau menyerahkan kepada kebijaksanaan para perwakilan menentukan calon-calon yang diberi kepercayaan menerajui peringkat MKT. Keseragaman peringkat ini perlu disesuaikan dengan penawaran dan kepentingan parti pada masa depan.

Penawaran diri calon-calon MKT dari peringkat negeri lebih merupakan pemimpin-pemimpin pelapis yang akan meneruskan perjuangan ke arah pencapaian lebih cemerlang. Dengan mendapat pendedahan kepimpinan di peringkat pusat, pemimpin pelapis tentunya akan melalui pelbagai pengalaman yang lebih menarik. Dengan cara ini kesinambungan kepimpinan parti lebih terurus dan terjamin.

Tambahnya lagi, "Konsep pelapis ataupun konsep sokongan sebenarnya wujud dalam mana-mana sistem. Dalam sistem politik, konsep ini sering diberikan penekanan supaya parti tetap teguh

sekalipun pemimpinnya silih berganti.

Perjuangan UMNO memang tidak terlepas daripada membela nasib bangsa Melayu terutamanya dalam bidang pendidikan dan perekonomian. UMNO sebagai teras Kerajaan sering memberi penekanan terhadap kedua-dua aspek supaya pembangunan bangsa Melayu setaraf dengan bangsa-bangsa lain di negara-negara maju.

Menyentuh tentang perkara ini, Mohd Aini mengulas, kuasa pembangunan amat penting untuk membangkitkan bangsa Melayu yang berjaya dalam apa juga bidang yang diceburi. Bangsa Melayu tidak akan berkembang seperti yang diharapkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekiranya ekonomi bangsa Melayu tidak diperkembangkan. Masalah ini sering ditekankan oleh beliau sejak era UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman lagi.

Sekalipun UMNO menerajui Kerajaan, usaha memajukan ekonomi bangsa Melayu telah dilaksanakan dengan pendekatan yang sesuai dengan ciri-ciri yang ada. Kerana itulah Kerajaan Pusat dan Kerajaan negeri tidak pernah 'merampas' hak bangsa lain semata-mata untuk mahu melihat bangsa Melayu maju. Pendekatan inilah juga yang mengekalkan kestabilan politik negara tanpa dinafikan oleh mana-mana pihak.

"Kita hanya boleh mengembangkan ekonomi bangsa Melayu dengan menggunakan pendekatan **spending cake**. Kita hanya mengambil sebahagian daripada perkembangan ekonomi negara untuk membangunkan ekonomi bangsa Melayu. Dengan cara begini kita boleh bergerak ke landasan yang dicita-citakan sejak lama dulu.

"Apabila ekonomi bangsa Melayu mula berkembang, secara langsung mereka boleh menerokai beberapa bidang lain sesuai dengan perkembangan semasa. Dasar inilah yang telah melahirkan beberapa usahawan dan tokoh korporat Melayu yang berjaya di



peringkat nasional dan antarabangsa," tambahnya lagi.

Sekalipun dasar yang sedia ada cukup menjamin usaha ke arah memajukan ekonomi bangsa Melayu, bangsa Melayu tidak harus bersikap sambil lewa. Bangsa Melayu mesti berani mengambil peluang dan meneroka peluang-peluang baru tanpa rasa ragu-ragu atau membesarkan hal-hal yang remeh-temeh.

Selain itu, bangsa Melayu juga perlu mendalami dan menghormati dasar-dasar negara. Bangsa Melayu perlu memiliki ciri-ciri cintakan perkembangan negara terutamanya dalam bidang perekonomian. Tanpa perasaan ini amat sukar Kerajaan hendak memajukan bangsa Melayu kerana mereka tidak memiliki semangat untuk bergerak lebih maju pada masa akan datang.

Salah satu pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan ialah meningkatkan ekonomi orang Melayu terutamanya yang tinggal di bandar-bandar. Dalam masa yang sama Kerajaan tidak lupa terus memberi sumbangan untuk memajukan ekonomi orang Melayu di kampung-kampung yang bergantung kepada kegiatan ekonomi tradisi.

Sebagai calon MKT dari peringkat negeri, Mohd Aini mengakui kepimpinan Tan Sri Muhammad Muhd.Taib lebih terserlah di peringkat pusat. Beliau bukan sahaja pemimpin yang disegani malah sering menunjukkan teladan yang sihat kepada bakal-bakal pemimpin parti dan Kerajaan. Sumbangan dan ideanya sehingga tertubuhnya Sekretariat Melayu Antarabangsa yang berpejabat di Shah Alam menunjukkan komitmennya dalam usaha membangkitkan generasi Melayu Baru yang cemerlang dalam apa juga bidang.

Sebagai Exco, Mohd Aini mengakui perlu memberi sokongan padu dalam apa juga usaha yang jayakan oleh Tan Sri Muhammad Muhd. Taib untuk kepentingan bangsa, kemajuan negeri dan negara. Dengan hubungan erat antara Exco dengan Menteri Besar

(Tan Sri Muhammad Muhd.Taib), kerajaan negeri mampu membuat perancangan rapi untuk membangun dan memberi imej baru kepada bangsa Melayu.

Jelasnya, "Menteri Besar akan melontarkan idea, sementara Exco akan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Dengan cara ini pembangunan sesebuah negeri akan dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya dan berkesan. Dengan ini tidak timbul soal saya bernaung di bawah payung Tan Sri Muhammad Muhd. Taib untuk menawarkan diri bertanding di peringkat MKT. Tambahan pula semua sedia maklum, Exco-Exco Kerajaan Negeri akan melaksanakan tanggungjawab mengikut arahan Menteri Besar."

Sebagai contoh, Shah Alam telah digerakkan sebagai Bandar Melayu Bistari. Matlamat utamanya bukan hanya memberi penekanan terhadap majoriti orang Melayu yang menetap di bandar ini semata-mata. Cita-cita utama Kerajaan negeri adalah melahirkan bangsa Melayu yang berkualiti dalam pembentukan negara maju dan makmur menjelang tahun 2020.

Seperti saranan Tan Sri Muhammad Muhd.Taib, Bandar Melayu Bistari yang diwujudkan akan membuka peluang kepada lebih ramai bangsa Melayu membabitkan diri dalam sektor ekonomi dan perdagangan, pada masa yang sama bangsa Melayu akan terus bekerjasama dengan bukan Melayu ke arah mencapai pembangunan negara yang lebih cemerlang.

Harapan Tan Sri Muhammad Muhd.Taib akan dilaksanakan oleh Exco-Exco Kerajaan Negeri seperti merangka satu pelan jangka panjang, perancangan yang lebih lengkap dan teliti serta memastikan semua agenda yang dirancang berjalan lancar. Kerana itulah orang ramai tidak perlu curiga terhadap peranan dan sumbangan Exco Kerajaan Negeri sama ada dalam parti mahupun peranannya dalam pembangunan ekonomi sesebuah negeri.



---

Tiada keseimbangan kebendaan & rohani  
PUNCA KERUNTUHAN MORAL  
REMAJA - Dr. Norraesah

**O**rangnya kecil molek. Melihat ketrampilannya yang lemah lembut dan sederhana itu dia tidak ubah seperti wanita lain, sekali pandang tidak ada apa-apa keistimewaan yang dapat disingkap pada dirinya. Dia tidak begitu dikenali dikhalayak umum. Ini kerana sikap semulajadinya yang *low profail* dan tidak suka menonjolkan kejayaan yang diperolehinya selama ini. Wanita yang dimaksudkan itu ialah Dr. Norraesah Hj Mohamad, Ketua wakil Credit Lyonnais di Malaysia iaitu sebuah syarikat kewangan yang terkenal di Perancis. Dalam mencecah usia 48 tahun itu dia telah menempa beberapa kejayaan yang boleh dibanggakan dalam dunia korporat.

Sungguhpun namanya mungkin tidak sehebat dengan populariti iron lady Maznah Hamid, kejayaan Dr. Norraesah itu membuktikan wanita Melayu juga boleh mencipta kejayaan dalam dunia perniagaan yang penuh dengan cabaran jika ada kesungguhan dan diberikan peluang.

Kejayannya itu katanya tidak datang bergolek, dia telah menempuh pelbagai halangan dan liku-liku dalam dunia perniagaan yang penuh dengan ranjau terutamanya bersaing dengan kaum lelaki yang masih prajudis terhadap keupayaan wanita dalam perniagaan.

Sebelum mencapai kejayaan yang dinikmati hari ini Dr. Norraesah dizaman kanak-kanaknya telah menunjukkan bakatnya dalam dunia perniagaan kerana dia pernah menjual buah pinang kering dan mengambil upah mesin getah untuk mencari duit poket.

Namun begitu berkat kesabaran dan berpegang kepada prinsip-prinsip agama dia berjaya melepasi segala rintangan tersebut.

Berdasarkan pengalamannya yang luas dalam dunia perniagaan dan perkhidmatan awam Dr Norraesah kini maju setapak lagi dalam kerjayanya iaitu dia ingin menceburikan dalam politik secara serius.

Anak bongsu daripada lapan beradik ini menawarkan diri untuk bertanding jawatan Exco Pergerakan Wanita UMNO dalam pemilihan yang akan berlangsung pada bulan Oktober ini. Dia yang telah berkecimpung dalam dunia politik sejak sekian lama merasa yakin dapat menyumbangkan tenaga dan ideanya bagi membantu Wanita UMNO mengangkat martabat wanita ke tahap yang lebih tinggi disamping untuk meneruskan kesinambungan perjuang UMNO untuk meningkatkan maruah bangsa, agama dan tanah air.

Walaupun bukan datang daripada keluarga politik tetapi politik telah menjadi sebahagian darah dagingnya sejak kecil lagi. Dia mengambil keputusan untuk menceburikan diri secara serius dalam politik setelah berjaya membangunkan perniagaannya sendiri.

"Saya tak serius diperingkat awal kerana takut dikatakan masuk politik untuk kepentingan diri sendiri, terutamanya untuk membina

kekayaan dengan mendapatkan peluang-peluang perniagaan.

"Kini setelah berjaya dalam dunia perniagaan barulah saya mengambil keputusan bergiat secara serius dan saya yakin dapat memberikan sesuatu sumbangan yang bermakna kepada Pergerakan Wanita dan UMNO keseluruhannya," ujar Dr. Norraesah.

Sungguhpun mengambil keputusan bergiat dalam politik lebih serius tetapi katanya dia tetap mendahului kepentingan keluarga dan rumah tangga lebih daripada segala-galanya. Dia tidak mahu kebahagiaan keluarga yang telah dibina sejak sekian lama musnah hanya kerana politik.

Ibu kepada empat orang anak ini berkata selain daripada gejala-gejala sosial tidak sihat yang menyebabkan berlakunya kepincangan institusi keluarga, politik juga katanya boleh menyebabkan hancurnya kehidupan berkeluarga apabila pembabitan seseorang itu dalam politik tidak seimbang dengan tuntutan dan kepentingan keluarga.

Sebelum mencebur diri dalam sektor swasta Dr. Norraesah telah berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan selama 16 tahun sejak tahun 1972 di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sebelum memasuki sektor swasta Dr. Norraesah menjadi Timbalan Ketua Pengarah itu, dia juga pernah memegang beberapa jawatan lain seperti Penolong Pengarah, Penolong Kanan Pengarah, Penolong Setiausaha Kanan, Bahagian Kewangan Perbendaharaan Persekutuan. Semasa bertugas di kementerian tersebut dia pernah bekerja di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Moahamad yang ketika itu menjadi menteri di kementerian tersebut, Tun Hussein Onn, Tan Sri Musa Hitam dan Dato' Khir Johari.

Semasa memasuki sektor swasta dia bermula sebagai Pengurus Perhubungan Awam ESSO Production Malaysia Inc daripada tahun 1988 sehingga tahun 1990.

Semasa dalam perkhidmatan kerajaan beliau telah membentangkan pelbagai kertas kerja dalam pelbagai forum dan seminar di peringkat antarabangsa yang berkaitan pertukaran teknologi, projek kewangan, perundingan perdagangan, pengurusan kredit dan promosi eksport.

Berdasarkan pengalamannya yang luas dalam bidang kewangan dan perdagangan beliau telah diberikan kepercayaan oleh sebuah syarikat kewangan yang terbesar di Perancis iaitu Credit Lyonnais yang melantik beliau sebagai Ketua Wakil bagi mengetuai cawangan syarikat kewangan itu di negara ini.

Perlantikan tersebut merupakan satu penghormatan dan kejayaan terhadap pengiktirafan kepada kerjaya wanita di negara ini kerana beliau merupakan satu-satu anak tempatan yang diberikan kepercayaan untuk mengetuai syarikat kewangan itu di luar Perancis.

Sedangkan di negara-negara lain seperti Thailand, Vietnam, Kemboja, Filipina, Indonesia dan sebagainya syarikat kewangan itu tetap melantik rakyat Perancis bagi mengetuai operasinya di cawangan negara-negara di luar Perancis.

Semasa menceritakan bagaimana dia diberikan kepercayaan untuk mengetuai operasi syarikat kewangan itu di negara ini, Dr. Norraesah berkata pada dia melalui syarikat perunding telah lantik menjadi perunding kepada syarikat kewangan itu yang ingin mencari peluang perniagaan di negara ini.

"Semasa rombongan perwakilan syarikat itu datang ke sini untuk meninjau peluang-peluang perniagaan yang ada, dan mencari

tokoh-tokoh perniagaan tertentu negara ini untuk menjadi perwakilan mereka di negara ini nama saya tidak termasuk dalam senarai orang-orang yang menjadi perhatian mereka.

"Setelah berapa hari di sini dan mendengar penerangan daripada saya mengenai peluang-peluang perniagaan yang ada di negara kita, tiba-tiba sahaja mereka memasukkan nama saya dalam senarai mereka sebagai salah seorang tokoh yang dicari-cari.

"Tanpa melalui sebarang temuduga mereka terus melantik saya untuk menjadi ketua perwakilan syarikat kewangan mereka di negara ini sejak lima tahun yang lalu," ujar Dr. Norraesah menceritakan pembabitannya dalam syarikat tersebut.

Beliau yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PHD) dalam bidang Sains Ekonomi daripada University Of Paris, Pantheon- Sorbonne, Perancis mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kewangan dan perkembangan ekonomi antarabangsa serta badang perkhidmatan.

Beliau yang boleh berbahasa Perancis berkata walaupun diskriminasi terhadap wanita masih terdapat dalam sektor perkhidmatan awam tetapi dalam sektor swasta ramai wanita yang berjaya dalam kerjaya mereka.

Kata beliau, wanita paling ramai berjaya dalam sektor kewangan dan bank kerana mereka mempunyai kecekapan dan ketelitian kerja terutamanya yang membabitkan fakta dan angka.

"Oleh kerana diskriminasi masih wujud dalam banyak bidang di negara kita, saya berharap melalui perjuangan politik saya dapat menyumbangkan tenaga dan pengalaman untuk mempertingkatkan martabat wanita bagi mengurangkan jurang perbezaan yang masih ketara antara lelaki dan wanita di negara ini.



"Memang pada pandangan mata kasar, diskriminasi seolah-olah tidak wujud di negara kita tetapi secara keseluruhannya ianya masih ketara. Kalau dibandingkan dengan negara luar wanita di negara-negara ini mempunyai peluang yang lebih baik .

"Tetapi kalau lihat dari sudut kaca mata Islam wanita di negara ini masih menghadapi masalah diskriminasi. Ramai yang masih menganggap dapur tempat wanita, walaupun wanita sama-sama keluar mencari rezeki, inilah yang tak kena, " jelas Dr. Norraesah.

Walaupun kejayaan wanita di negara ini masih di peringkat awal tetapi beliau berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Datuk Seri Rafidah telah membuktikan bahawa wanita juga mempunyai keupayaan dan kualiti kerja yang setanding dengan lelaki. Malah asas yang telah diletakan oleh Rafidah memudahkan urusan perdagangan antara Malaysia dengan negara-negara luar.

"Ini kerana setiap kali awakil perdagangan negara dan ahli perniagaan kita mengadakan urusan perdagangan dengan negara luar mereka mudah mendapat kelulusan dan kepercayaan kerana nama Rafidah begitu terkenal di peringkat antarabangsa sebagai Menteri Perdagangan berkebolehan," tegasnya.

Semasa diminta mengulas mengenai masalah keruntuhan moral dan akhlak di kalangan remaja masa kini yang seringkali dikaitkan dengan isu bohsia dan bohsian yang dikatakan semakin berleluasa sekarang ini, Dr. Norraesah masalah tersebut menjadi satu cabaran terutamanya kepada ibu bapa, penjaga, pemimpin masyarakat dan politik serta kerajaan. Untuk menangani isu tersebut, Masalah ini yang dikatanya kian meruncing dan boleh mengagalkan pencapaian Wawasan 2020 menjadi satu cabaran yang begitu berat kepada semua pihak bagi menangani masalah ini.

“Jika masalah ini tidak dibendung segera, hasrat pelaksanaan Wawasan 2020 tidak akan mencapai kejayaan sepenuhnya. Mungkin kita boleh mencapai status negara maju pada jangka waktu yang ditentukan.

“Tetapi dari segi kualiti hidup masyarakat kita pada masa tersebut akan menghadapi masalah gejala sosial dan keruntuhan moral serta akhlak sepertimana yang berlaku dalam kehidupan masyarakat negara maju di Amerika Syarikat, England, Perancis, Jerman serta beberapa buah negara Eropah yang lain,” ujar beliau mengulas masalah keruntuhan akhlak di kalangan remaja masa kini.

Menurutnya jika penjaga dan ibubapa mendidik anak-anak mengikut landasan agama masalah keruntuhan moral para remaja dapat diatasi. Oleh kerana pembangunan yang sedang berkembang pesat sekarang ini berlaku tidak seimbang antara material dan tuntutan rohani menyebabkan ramai ibubapa yang secara tidak sengaja telah mengabaikan tanggungjawab dan peranan mereka sebagai pendidik sebenar anak-anak.

Katanya, meletakkan tanggungjawab kepada kerajaan seperti sekolah dan guru-guru untuk mendidik pembentukan moral anak-anak merupakan satu kesilapan besar yang dilakukan oleh kebanyakan ibubapa hari ini.

“Peranan guru-guru adalah untuk memberikan pendidikan ilmu kepada anak-anak tetapi dalam soal pendidikan moral dan akhlak ia hanya merupakan tugas sampingan mereka sahaja.

“Pembentukan moral dan akhlak anak-anak kita sebenarnya bermula dari rumah, sebab itu hubungan kekeluargaan itu amat penting, dan peranan ibu bapa itu sendiri yang sepatutnya menjadi pembimbing dan model yang baik kepada anak-anak.

"Kalau anak-anak pergi sekolah tanpa mempunyai asas-asas pendidikan moral dan akhlak mulia ia tentu menyukarkan tugas guru untuk memberi pendidikan ilmu kepada anak-anak kita. Cuba bayangkan bagaimana seorang guru hendak membentuk moral dan akhlak mulia kepada anak muridnya seramai 40 orang, kalau kita sebagai ibu bapa gagal untuk melaksanakan tugas tersebut kepada anak-anak kita sendiri? Soal Dr. Norraeshah.

Namun begitu kerana kegagalan tersebut ramai ibubapa dan penjaga menunding jari ke arah orang lain apabila anak-anak remaja mereka terbabit dalam kegiatan yang tidak bermoral.

Menurutnya, mereka sering menyalahkan pembangunan dan pihak sekolah apabila berlakunya masalah keruntuhan moral dan akhlak anak-anak mereka.

Namun begitu kata beliau masalah ini berlaku adalah berpunca daripada kegagalan ibubapa itu sendiri untuk mengimbangi antara tuntutan pembangunan dan kerohanian.

Katanya, jika ibubapa dan penjaga mempunyai ilmu keduniaan dan keagamaan yang seimbang masalah keruntuhan moral di kalangan remaja dapat dibendung dan tidak seteruk seperti yang berlaku sekarang.

"Jika kita menyalahkan pembangunan sebagai punca masalah keruntuhan moral remaja masa kini ini, ia memberikan gambaran seolah-olah Islam yang menjadi pegangan kita selama ini menolak pembangunan.

"Inilah salahnya taksiran kita tentang pembangunan, Islam tidak tolak pembangunan dan kemajuan. Malah agama kita menggalak umatnya bekerja kuat untuk mencapai kemajuan tetapi pembangunan itu harus selari dengan kehendak agama mengikut garis panduan yang terkandung dalam Al-Quran," ujarnya .

Menurut Dr. Norraesah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah meletakkan asas yang jelas iaitu kemajuan yang dicapai oleh rakyat negara ini pada tahun 2020 harus mengikut acuan kita sendiri.

"Tetapi malangnya berapa ramaikah daripada kita sebagai ibu bapa yang faham dan melaksanakan dengan amanat PM itu bagi menjayakan Wawasan 2020? Pembentukan rakyat negara ini mengikut acuan kita sendiri bermaksud kita harus mempunyai identiti dan budaya kita sendiri iaitu dengan mengekalkan kehidupan nilai-nilai murni seperti bersikap jujur, amanah dan mempunyai hubungan kemasyarakatan yang kukuh seperti yang dituntut oleh agama Islam selama ini.

"Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya, ramai daripada kita mentafsirkan kemajuan itu dari sudut kebendaan sahaja dan telah mengenyepikan tuntutan rohani dalam usaha kita mencapai status kemajuan.

"Apabila tuntutan kebendaan didahulukan tanpa diimbangi dengan tuntutan rohani kehidupan kita juga tidak ubah seperti kehidupan rakyat di negara maju lain yang menghadapi masalah hubungan sosial yang teruk seperti bersekedudukan tanpa nikah, terbabit dengan penagihan dadah, melakukan hubungan seks bebas, tidak menghormati orang tua, hipokrit, mementingkan diri sendiri dan sebagainya," jelas beliau.

Menurut beliau masalah keruntuhan akhlak dan moral yang berlaku dikalangan anak-anak remaja Melayu dan pekerja-pekerja di sektor perkilangan yang menghadapi masalah yang sama menjadi satu cabaran kepada Wanita UMNO untuk menangani masalah itu.

Sebagai sebahagian daripada cabang parti pemerintah yang menerajui kerajaan, Wanita UMNO kata beliau harus memandangkan fenomena itu sebagai satu agenda yang perlu diberikan keutamaan dalam usaha untuk membendung gejala tersebut daripada terus merebak bagi membantu kerajaan menjayakan Wawasan 2020.

## PENGHARGAAN KHAS

1. Presiden UMNO YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas penyiaran perutusannya yang dikeluarkan sempena Persidangan Agung UMNO 1995
2. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (BARU) atau UMNO
3. Pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita
4. Kumpulan Karangraf Sdn Bhd
5. Media massa tempatan
6. Rakan seperjuangan seperti Mazelan Mir, Hashim Anang, Jalil Yusuf, Ali Mahmood dan Azman Arshad dalam menjayakan penerbitan buku ini